

MAQASID AL-SHARI'AH KONSEP & PENDEKATAN



Penyunting:
Noor Naemah Abdul Rahman
Abdul Karim Ali
Ridzwan Ahmad

MAQASID AL-SHARI'AH: KONSEP DAN PENDEKATAN



2016

MAQASID AL-SHARI'AH: KONSEP DAN PENDEKATAN

Penyunting

Noor Naemah Abdul Rahman

Abdul Karim Ali

Ridzwan Ahmad

2016

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian daripada terbitan ini sama ada ilustrasi dan isi kandungannya dalam apa jua bentuk dan cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat izin bertulis daripada pemilik hak cipta terlebih dahulu.

Maqasid al-Shari'ah: Konsep dan Pendekatan

©Jabatan Fiqh dan Usul

Cetakan Pertama 2016

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

ISBN: 978-967-5534-58-4

Penyunting:

Noor Naemah Abdul Rahman, Abdul Karim Ali, Ridzwan Ahmad

Buku ini disusun atur dengan menggunakan font Palatino Linotype dan Traditional Arabic

Diterbitkan oleh:

Jabatan Fiqh dan Usul

Akademi Pengajian Islam

Universiti Malaya

50603 Kuala Lumpur.

Emel: api_fiqh@um.edu.my

Tel: +603-79676011

Faks: +603-796761

Daftar Isi

Daftar Isi	iv
Kata Pengantar	vii
1 Pendekatan Maqasidi Dalam Menangani Kepelbagaian Aliran Pemikiran Hukum Di Malaysia	1
<i>Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid</i>	
2 Salah Faham Terhadap Standard Masalah Dan Mafsadah Dalam Menangani Isu-Isu Semasa Di Malaysia	15
<i>Ridzwan Ahmad</i>	
3 Salah Faham Terhadap Aplikasi Maqasid Al-Shari'ah Dalam Ijtihad Semasa	47
<i>Haji Abd Rauf Muhammad Amin</i>	
4 Aplikasi Maqasid Al-Shari'ah Dalam Isu-Isu Kewangan Islam	77
<i>Mohamad Akram Laldin</i>	
5 Ta'arud Antara Maqasid Dan Kesannya Terhadap Fatwa	99
<i>Noor Naemah Abdul Rahman & Ahmad Fauwaz Fadzil</i>	
6 Pemakaian Maqasid Al-Shariah Sebagai Seismograf Dalam Penilaian Isu Semasa	111
<i>Mohd Anuar Ramli, Saiful Islam Nor Mohd Zulkarnain, Mohammad Fuad Mohd Rozib & Mohd Farhan Md Ariffin</i>	

- 7 **The Theory of Maqasid al-Shari'ah: A Literature Review and Research Agenda** 137
Abu Talib Mohammad Monawer & Noor Naemah Abdul Rahman
- 8 **Kepentingan I'tibar Al-Ma'al Dalam Istinbat Hukum Dan Aplikasinya Dalam Fatwa Majelis Ulama Indonesia** 165
Akbar Sarif & Ridzwan Ahmad
- 9 **المقاصد الشرعية بين الإفراط والتفريط: دراسة في الضوابط** 183
أمين أحمد النهاري
- 10 **التعليل بمقاصد الشريعة** 233
نعمان جعيم
- 11 **طرق الكشف عن المقاصد عند البوطي دراسة وتطبيق** 247
ميثاق صادق محمود المليكي
- 12 **إخراج القيمة في زكاة الفطر** 279
الصادق المبروك الصادق
- 13 **حكم موت الرّحمة في الشريعة الإسلامية رؤية تحليلية** 303
أحمد محمد حسني & نور فاطن عليم الدين

Kata Pengantar

Alhamdulillah, setinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi di atas penerbitan buku ini. Selawat dan salam kepada Nabi Muhammad SAW dan para Sahabat.

Maqasid al-Shari'ah merupakan salah satu ilmu terpenting dalam menganalisis isu-isu yang melibatkan hukum Islam semasa dan setempat. Para ulama silam menggunakannya secara berkesan dalam menangani pelbagai persoalan dan isu yang timbul di zaman masing-masing sehingga mampu membuktikan bahawa Islam adalah penyelesaian terhadap sebarang permasalahan yang timbul di setiap zaman dan tempat. Pengalaman silam ini telah cuba diikuti oleh generasi sarjana Islam masa kini. Sekitar akhir tahun 1990-an kajian dan penulisan berkaitan dengan ilmu maqasid al-shariah telah digerakkan secara aktif di pusat pengajian Islam di Timur Tengah. Malaysia juga tidak terkecuali namun ianya benar-benar berlaku di awal tahun 2000-an. Kesan dan pengaruh ilmu maqasid al-shariah bukan sahaja berlaku dalam kalangan ahli akademik namun ia melunar masuk mempengaruhi pandangan ahli politik negara sehinggakan di Malaysia, maqasid al-shariah dijadikan sebagai ukuran utama Indeks Syariah Malaysia.


Tidak dapat dinafikan bahawa kesedaran pentingnya ilmu tersebut dalam menyelesaikan permasalahan ummah dalam pelbagai bidang kehidupan masa kini merupakan suatu perkembangan yang positif, namun persoalan lain timbul adakah mereka yang menguna pakai ilmu tersebut mampu menguasainya dengan baik ataupun hanya ikutan

dan trend masa kini semata-mata. Apabila digunakan tanpa penguasaan dan kefahaman yang mendalam, maka ia menyumbang kepada terhasilnya jurang perbezaan pandangan yang amat luas terhadap sesuatu keputusan yang dibuat sedangkan salah satu motif utama ilmu tersebut adalah untuk penyatuan pandangan dan penyelesaian semasa berdasarkan hikmah syariat sebenar. Dari sudut lain pula, perkembangan terkini juga memperlihatkan bahawa penggunaan maqasid al-shariah secara bebas tanpa penguasaan sebenar terhadap ilmu tersebut secara mendalam mampu menyumbang kepada pemikiran liberal yang mengutamakan akal melebihi kehendak nas.

Sebenarnya penguasaan terhadap ilmu tersebut perlukan kepada kefahaman yang mendalam terhadap konsep, pendekatan dan standard yang jelas bukannya hanya menyerap masuk teori-teori usul al-fiqh ataupun kaedah-kaedah fiqh secara literal. Justeru itu kehadiran buku ini diharap mampu memberi pencerahan terhadap isu-isu maqasid shariah di Malaysia yang melibatkan konsep, pendekatan, standard dan aplikasi semasa. Walaupun penulisan buku ini tidak mampu menyelesaikan semua isu yang berbangkit melalui pendekatan maqasid al-shariah di Malaysia namun ia sudah dianggap sebagai penyumbang kepada khazanah keilmuan Islam.

1 Muharram 1438H

2 Oktober 2016M



Pendekatan Maqasidi Dalam Menangani Kepelbagaian Aliran Pemikiran Hukum Di Malaysia

Mahmood Zuhdi Haji Ab. Majid

Pendahuluan

Kepelbagaian aliran pemikiran hukum dalam masyarakat Islam, termasuk di Malaysia sekarang bukan suatu fenomena baru. Ia telah terjadi sejak zaman Rasulullah SAW lagi. Malah diakui oleh Baginda sendiri sebagai mampu memberikan kebaikan kepada umatnya¹. Realitinya, kepelbagaian aliran pemikiran inilah, antara lain yang telah menyemarakkan percambahan, dan kemudiannya perkembangan pemikiran hukum sehingga mencapai kemuncaknya pada zaman perkembangan mazhab².

Bagaimanapun, ciri asal kepelbagaian aliran pemikiran ini tidak lagi berfungsi sebagaimana yang sepatutnya pada zaman selepas kemuncak berkenaan. Sebaliknya ia telah memberi kesan negatif terhadap perkembangan pemikiran hukum Islam sampai kepada peringkat menjadi salah satu sebab kepada kemundurannya kerana telah melahirkan gejala taqlid yang terhasil daripada kebekuan cara berfikir³.

Semuanya ini memberi gambaran bahawa kepelbagaian aliran pemikiran hukum itu ibarat "*golok dua mata*". Sebelah matanya bersifat positif dan membangun, sementara sebelah mata lagi bersifat negatif dan meruntuh. Setiap satu daripadanya akan berfungsi dalam keadaan yang berbeza. Kalau kepelbagaian itu terjadi dalam suasana yang kondusif, sepertimana yang bermula pada zaman Rasulullah SAW dan berakhir pada zaman taqlid, ia akan memberi kemajuan yang pesat kepada pengajian hukum itu sendiri. Tetapi sebaliknya kalau terjadi dalam suasana yang tidak

¹ Sepertimana yang terkandung dalam sabda Rasulullah SAW: – "اختلاف أصحابي رحمة" – "أصحابي كالنجوم بأيهم اقتديتم اهتديتم" – متفق عليه dan متفق عليه

² Lihat: Sha'ban Muhammad Islami, *al-Tashri' al-Islami: Masadiruhu Wa Atwaruhu*, (Kaherah: Maktabah al-Nahdhah al-Islamiyah, 1985), 196-297.

³ *Ibid.*, 359-364.

kondusif, ia akan mengakibatkan kecelaruan berfikir dikalangan para ulama, apatah lagi orang awam, sebagaimana pernah terjadi pada zaman taqlid dan berpanjangan sehingga sekarang ini.

Perbezaan antara dua situasi ini dapat dilihat pada sama ada kepelbagaian aliran pemikiran ini masih tertakluk dalam kerangka berfikir dan metodologi yang tertentu atau sebaliknya. Kalau masih, ia kan menjadi ibarat dinamo yang menggerakkan pemikiran berkenaan laju kehadapan. Tapi kalau sebaliknya ia akan menimbulkan kekacauan fikiran dikalangan para pemikir itu sendiri dan akan memberi kesan yang negatif kepada bidang pemikiran berkenaan. Sebagai contoh, kepelbagaian aliran pemikiran di kalangan para Sahabah dan Tabi'in lebih bersifat sekadar perbezaan dalam pendekatan semata-mata. Kerana itu ia bersifat positif dan mampu memberi alternatif kepada umat Islam sama ada, misalnya untuk bersifat konservatif atau liberal dengan memilih samada pendekatan formal, atau "*Shakli*" sepertimana yang dipilih oleh Abdullah Ibn Umar atau pendekatan objektif, atau "*Maqasidi*" sepertimana yang dipilih oleh Abdullah Ibn Abbas⁴. Sedangkan pada zaman taqlid, kepelbagaian aliran bukan lagi berasaskan kepada kepelbagaian pendekatan semata-mata tetapi sudah melampaui batas sampai kepada peringkat berbeza pendapat tentang sumber yang patut diterima dan yang perlu ditolak. Malah dalam banyak keadaan, tidak lagi merujuk kepada sumber asal tetapi sebaliknya sekadar mempertahankan pandangan mazhab yang sedia ada⁵.

Realiti Di Malaysia

Di Malaysia, masalah kepelbagaian aliran pemikiran tentang hukum ini mempunyai cerita yang tersendiri. Meskipun ada perbezaan pendapat dikalangan para penyelidik sejarah tentang bila dan dari mana asalnya Islam datang ke Malaysia⁶ namun perbezaan pendapat

⁴ *Ibid.*, 267-275

⁵ *Ibid.*, 372-376

⁶ Lihat: R.O. Winsted, "The Advance of Muhammadinism in The Malay Peninsular and Archipelago", *JMBRASS*, No. 77, (1977); R.O. Winsted, "The Coming of Islam and Islamic Literature", *JMBRAS*, Vol. XXXI, (1958), part 3; S.Q. Fatimi, *Islam*

itu tidak begitu penting dalam konteks perbincangan di sini. Lagipun ia boleh dikompromikan berasaskan kepada artifak dan catatan sejarah yang ada. Apa yang lebih penting ialah kenyataan bahawa yang paling awal sampai ke sini ialah mereka yang beraliran Syi'ah⁷.

Dalam sejarah hukum Islam di Timur Tengah pun ada tercatat bahawa sebagai kumpulan yang kalah di bidang politik, orang-orang Syi'ah telah menukar haluan mereka kepada bidang akademik dan dakwah. Kerana itulah kemudiannya dari kalangan ini telah lahir para ulama besar yang kemudiannya menjadi guru kepada para ulama besar terkemudian, termasuk al-Imam Abu Hanifah dan al-Imam al-Shafi'i⁸. Di bidang dakwah mereka berjaya menyebarkan Islam di banyak tempat termasuk di Malaysia sendiri.

Walau bagaimanapun, aliran atau mazhab yang datang lebih awal ini kemudiannya ditolak oleh penduduk apabila bertembung dengan pendatang baru, iaitu mazhab Shafi'i⁹. Sebabnya mungkin kerana mazhab Shafi'i dirasakan lebih sesuai dengan budaya orang Melayu, atau kerana pengaruh mubaligh yang bermazhab Shafi'i itu lebih kuat

Namun, sebelum dikalahkan pun mazhab Syiah yang datang lebih awal itu tidak banyak mempengaruhi masyarakat Melayu dari segi hukum. Ia sejak mula datangnya lagi lebih menumpukan kepada pembinaan akidah, bagi menukar pandangan orang Melayu yang sebelum itu beragama Hindu kepada pandangan Islam. Oleh kerana itu, dari segi hukum, mazhab Syiah tidak meninggalkan apa-apa pengaruh dalam masyarakat Islam di Malaysia selepas itu. Apa yang ada ialah pengaruh akidah di sana

Comes To Malaya, (Singapore: MRSI, 1963); M.A. Rauf, *A Brief History of Islam (With Special Reference to Malaya)*, (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1964); Syed Naquib al-Attas, *Preliminary Statement on A General Theory of The Islamization of Malaya-Indonesia Archipelago*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1969).

⁷ Lihat: Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pemelukan Umat Islam di Nusantara*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990), 118.

⁸ Sha'ban, *al-Tasyri' al-Islami*, 316 & 326.

⁹ Wan Muhammad Saghir Abdullah, *Perkembangan Ilmu Fiqh dan Tokoh-Tokohnya di Asia Tenggara*, (Solo: Ramadhani, 1985), 14.

sini hasil daripada ajaran mazhab itu yang disampaikan kepada masyarakat tempatan melalui sastera hikayat¹⁰.

Dengan kata lain, dalam sejarah Islam di Malaysia kepelbagaian aliran pemikiran tentang hukum tidak pernah terjadi dalam sejarah awalnya. Pertama kerana sesudah menerima mazhab Shafi'i boleh dikatakan hampir seratus peratus orang Islam di negara ini berpegang dengan mazhab tersebut. Keduanya, meskipun masih terdapat jumlah yang sangat kecil daripada mereka yang terus berpegang dengan mazhab Syiah, namun mereka tidak mengasingkan diri mereka dengan masyarakat umum dari segi hukum. Dengan demikian, soal kepelbagaian aliran hukum dalam masyarakat Islam di Malaysia dalam sejarah awalnya tidak pernah berbangkit.

Kaum Tua Dan Kaum Muda

Mungkin, kepelbagaian aliran pemikiran hukum ini mula terjadi dalam masyarakat Islam di Malaysia di pertengahan abad ke-20 apabila lahir apa yang diistilahkan pada masa itu sebagai Kaum Muda¹¹. Gerakan Kaum Muda yang berasal dari Timur Tengah dan India ini telah memberi impak yang ketara terhadap keunggulan aliran hukum Islam di negara ini pada ketika itu¹². Tetapi akhirnya hilang begitu saja dalam keriuhan tentangan dari golongan konservatif pada waktu itu yang lebih dikenali sebagai Kaum Tua. Hanya di Perlis sahaja kaum Muda yang dipimpin oleh Abu Bakar Ash'ari, di bawah nama Ahl al-Sunnah ini mampu bertahan kerana sempat berteduh di bawah pengaruh istana. Begitupun, impaknya tidak begitu besar dan sinarnya semakin malap dari masa ke semasa¹³.

Kejayaan Kaum Tua melenyapkan perkembangan Kaum Muda di negara ini berlaku dengan cara memperkukuhkan kembali

¹⁰ Hal ini dapat dilihat dalam beberapa buku sastera hikayat. Lihat: R.O. Winsted, "The Coming of Islam and Islamic Literature", part 3.

¹¹ Lihat: Nik Abdul Aziz Bin Haji Nik Hassan, *Islam Di Kelantan*, (Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1983).

¹² *Ibid.*

¹³ *Ibid.*

pegangan Kaum Kaum Tua di kalangan masyarakat. Sekolah pondok, dengan ketokohan guru masing-masing dan pengaruh mereka yang mendalam dalam masyarakat merupakan pengaruh utama dalam menyekat pengaruh kepelbagaian pandangan tentang hukum ini. Selain mereka ialah kalangan birokrasi, seperti Mufti, Qadhi dan sebagainya yang rata-rata dikuasai oleh golongan konservatif yang lebih dikenali sebagai Kaum Tua¹⁴.

Tajdid atau modernisasi yang lahir dengan lebih menyeluruh selepas itu tidak juga banyak mengganggu perjalanan kesatuan pemikiran tentang hukum dalam negara ini. Kerana meskipun ia menyeru ke arah perubahan paradigma masyarakat tentang hukum untuk berubah dari pandangan klasik ke pandangan semasa namun metode yang dipilih masih berasaskan rumpun pemikiran yang sama, iaitu usul mazhab Shafi'i. Kerana itu gerakan tajdid di Nusantara termasuk di Malaysia yang berlaku selepas krisis Kaum Tua dan Kaum Muda masih minimum kesannya terhadap kesatuan cara berfikir tentang hukum¹⁵. Dengan kata lain, berapa pun cabang pemikiran yang ada ia masih berakar umbi kepada satu rumpun sahaja, iaitu rumpun ahl al-Sunnah Wal Jama'ah. Ibarat terdapat banyak anak sungai yang mengalir mengikut alur sendiri tetapi masih bersumberkan sungai besar yang satu.

Perkembangan Terbaru

Bagaimanapun sekarang suasana seperti itu telah banyak berubah. Perbezaan aliran pemikiran tentang hukum sekarang telah menjadi lebih serius. Ia bukan lagi merupakan anak-anak sungai yang bersumberkan sebatang sungai besar yang sama. Tetapi sebaliknya setiap aliran itu sudah merupakan muara kepada batang-batang sungai yang berbeza. Penyatuan anak-anak sungai ini merupakan kerja yang sangat rumit sekarang kerana ia tidak lagi bersumberkan sungai besar yang satu. Kalau dulu perkataan seperti "*jernih di hulu jernih di hilir, keruh di hulu keruh di hilir*" sekarang ini tidak lagi boleh digunapakai kerana anak-anak sungai berkenaan merupakan hilir kepada hulu yang berbeza.

¹⁴ *Ibid.*

¹⁵ *Ibid.*

Ia boleh dikatakan bermula selepas revolusi Iran¹⁶. Ramai orang Malaysia yang tertarik dengan revolusi itu menganggap mazhab Syi'ah merupakan faktor utama yang mendorong kepada kemenangan al-Imam Khomaini dalam perjuangannya menumpaskan Shah Iran dan kemudiannya mendirikan kerajaan Islam di sana. Sebagai hasil daripadanya, mereka bukan sahaja mencedok semangat perjuangan politik "Kepimpinan Ulama" untuk melawan "Syaitan", tetapi mula mendekati diri dengan mazhab Syiah itu sendiri secara jangka panjang, iaitu dengan menghantar anak-anak mereka ke Iran untuk belajar agama. Mereka yang terdidik dengan mazhab Syiah secara formal ini merupakan anak-anak sungai yang mengalir dari ibunya di Iran. Kalau ia disifatkan keruh maka untuk menjernihkannya tidak ada acara untuk dilakukan dalam negara ini kecuali memotong alirannya dengan menyambungkannya kepada sumber air dalaman, iaitu suatu operasi yang sangat sukar.

Sebagai reaksi kadar perkembangan berkenaan golongan *Ahbash* (أحباش) yang berasal dari Lubnan mula menghadirkan diri mereka¹⁷. Golongan ini meskipun tidak mendapat ramai sokongan tetapi impaknya boleh dikatakan besar kerana sikapnya yang sangat ekstrem dan dengan mudah saja mengkafirkan orang yang selain daripadanya. Sebagai musuh utama Syiah di Timur Tengah, Wahhabi pun mula bergerak cergas dengan menggunakan berbagai nama, antaranya Salafi dan Ibn Taimiyyah¹⁸. Sebagai reaksi kepada semua ini timbul apa yang disebut sebagai gerakan Ahl Sunnah Wal-Jama'ah (ASWAJA) yang juga menggunakan pendekatan keras dalam menghadapi pengaruh para pendatang berkenan. Dalam suasana yang ada, Ahmadiyah juga mula tumpang semangkuk sesudah sebelum itu merupakan kumpulan terpendil yang tidak lagi bergerak cergas¹⁹.

¹⁶ Berdasarkan pengalaman penulis sendiri dalam menguruskan aduan kalangan minoriti di Malaysia sewaktu menjadi Pesuruhjaya, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) selama 6 tahun (2009-2015).

¹⁷ *Ibid.*

¹⁸ *Ibid.*

¹⁹ *Ibid.*

Bukan tujuan kertas ini untuk menentukan yang mana satu daripada mazhab-mazhab ini yang betul dan yang mana pula salah. Bagaimanapun adalah baik untuk dikatakan, sepertimana telah disebut sebelum ini bahawa perpecahan pendapat di kalangan mereka ini bandingannya sama seperti “golok bermata dua” ada positifnya dan ada negatifnya. Positifnya ia boleh mempercambahkan pemikiran dalam kerangka pemikiran Islam yang besar, komprehensif dan universal syaratnya ia mampu diurus dengan baik. Negatifnya, ia boleh mencelarukan keadaan dan boleh mengakibatkan perpecahan yang teruk di kalangan masyarakat, terutama masyarakat bawahan yang gagal memahami apa itu perbezaan pendapat dan apa faedah yang mungkin diperolehi daripadanya.

Malang sekali perbezaan aliran hukum pada masa ini gagal diurus dengan baik. Ia tidak berlaku di kalangan para ahli akademik yang selalunya bersikap objektif dan profesional. Sebaliknya ia berlaku di kalangan para pendakwah separuh matang yang lebih mementingkan pandangan sendiri dan sangat berminat untuk berdebat antara satu sama lain, tanpa mengambil kira kesan negatifnya terhadap masyarakat umum. Sementara para ahli akademik pula memilih untuk berdiam diri oleh berbagai sebab. Berasaskan kepada kedudukan ini perbezaan aliran hukum yang ada sekarang di negara ini lebih memberi kesan negatif kepada perkembangan intelektual Islam dan kesatuan ummah daripada positifnya. Oleh yang demikian, ia perlu dicegah atau sekurang-kurangnya dikawal agar tidak mendatangkan kesan yang lebih buruk pada masa yang akan datang.

Pendekatan Maqasidi

Ada berbagai pendekatan yang boleh digunakan bagi mencegah fenomena yang buruk ini. Antaranya ialah pendekatan “Maqasidi”. Yang dimaksudkan dengan pendekatan “Maqasidi” ialah pendekatan yang berasaskan kepada teori “Maqasid Syariah”²⁰. Sebagaimana maklum, Maqasid Syariah bertunjangkan prinsip

²⁰ Sila rujuk: Ahmad al-Raysuni, *Nazariyat al-Maqasid 'Inda al-Imam al-Shatibi*, (Riyadh: al-Dar al-'Alamiyah Li al-Kitab al-Islami, 1955).

“menghasilkan kebaikan dan menolak keburukan (جلب المنفعة ودفع المضرة)²¹. Bagi merealisasikan prinsip ini, para ulama klasik membahagikan kebaikan yang hendak dicapai atau keburukan yang hendak ditolak itu kepada tiga kategori;²²

1. Yang menyentuh keperluan asas (الضروريات) atau dengan kata lain yang membabitkan masalah survival atau hidup mati umat.
2. Yang menyentuh keperluan biasa (الحاجيات). Maksudnya sesuatu yang membabitkan keperluan hidup biasa, iaitu tidak menyentuh soal survival tapi tanpanya hidup menjadi sukar dan tidak mudah dihayati.
3. Yang menyentuh keperluan mewah (التحسينات). Maksudnya hal yang berkait dengan kemewahan hidup sahaja dan tidak memberi kesan buruk terhadap keperluan biasa hidup apalagi keperluan asas yang membabitkan survival atau hidup mati ummah.

Keperluan asas atau *daruriyat* dibahagikan oleh para ulama klasik kepada lima, iaitu:²³

1. Agama (الدين). Maksudnya, agama Islam yang Maha Suci.
2. Nyawa (النفوس). Maksudnya, nyawa dan keselamatan diri.
3. Akal (العقل). Maksudnya, akal fikiran dan nilai intelektual.
4. Harta (المال). Maksudnya, harta benda.
5. Marwah (المروءة). Maksudnya maruah dan nama baik/Keturunan (النسل). Maksudnya *titihan* dan keturunan.

Menyorot kembali kepelbagaian aliran tentang hukum di Malaysia sekarang. Agak jelas, ianya sangat mengancam perpaduan ummah. Sepertimana dihuraikan di atas, ia bukan perbezaan pendapat diantara para ahli akademik yang biasanya bersifat

²¹ Lihat: al-Shatibi, *al-Muwafaqat*, (Kaherah: Muhammad Ali Subaih, 1969), 1: 99.

²² Lihat: Ahmad al-Raysuni, *Nazariyyat al-Maqasid 'Inda al-Imam al-Shatibi*, 21.

²³ al-Shatibi, *al-Muwafaqat*, 38.

objektif dan profesional tetapi sebaliknya di antara, kebanyakannya para pendakwah separuh matang yang gagal mengambil kira kepentingan umum dalam memperjuangkan kebenaran pandangan masing-masing. Malah, kalau ditolak tepi sikap “angka baik” yang dijadikan asas oleh Islam dalam menilai sesuatu yang kurang jelas, mungkin ada orang yang boleh mempersoalkan kejituan nafsu berdebat seperti itu, sama ada lahir dari hati yang bersih untuk menegakkan kebenaran atau telah termasuk dalam jerat musuh Islam yang menginginkan perdebatan seperti itu berlaku dengan tujuan supaya masyarakat Islam terus kucar kacir dan kepimpinan yang *solid* menjadi amat sukar untuk ditegakkan.

Persoalannya bukan lagi siapa betul dan siapa salah kerana perdebatan di antara mereka banyak menyentuh nilai-nilai yang subjektif dan tidak pernah dapat diselesaikan melalui perdebatan seperti itu sejak dulu sampai sekarang.

Dari perspektif Maqasid Syariah, perpaduan ummah merupakan di antara tajuk yang termasuk dalam kepentingan asas (*Daruriyat*) yang perlu dipertahankan. Kerana ia menyentuh soal survival ummah, terutama dalam negara seperti Malaysia ini di mana banyak perkara berada dalam keadaan begitu berimbang sekali, malah dalam beberapa hal yang penting kedudukan umat Islam begitu lemah sekali. Dalam sejarah awal Islam perpaduan ummah ini dijadikan oleh Rasulullah SAW sebagai perkara utama yang diutamakan dalam agenda pembinaan negara pertama berasaskan kepada pengajaran Islam di Madinah. Begitulah juga di zaman-zaman terkemudian dimana ketinggian politik dan tamadun Islam begitu sinonim dengan perpaduan ummah, begitulah juga antara kejatuhan dan perpecahan ummah.

Kaedah Pelaksanaan:

Cara penyelesaian terhadap masalah ini juga banyak. Antaranya dengan memperkukuhkan penerimaan masyarakat terhadap “Fiqh

Semasa” (فقه المعاصرة)²⁴ / (*Contemporary Fiqh*), terutama yang “berpendekatan setempat” (مخيلة الاتجاه / *Local approach*)²⁵.

Sebagaimana maklum, perbezaan aliran dalam hukum Islam mempunyai sejarah yang lama. Sama lamanya dengan sejarah Fiqh Islam sendiri. Kerana fiqh adalah “kefahaman”, yang tentunya terdedah kepada perbezaan yang banyak. Walaupun Tuhan hanya satu, Nabi Muhammad hanya seorang, al-Quran hanya satu, dan al-Sunnah pun begitu juga tetapi pemahaman, pemikiran dan pengalaman manusia sangat berbeza. Ada orang, kefahamannya sangat mendalam seperti Umar Ibn al-Khattab r.a., sementara orang yang lain pula mempunyai daya hafalan yang sangat tinggi seperti Abu Hurairah r.a. Ada orang, sentiasa bersifat objektif dalam memahami sesuatu seperti Abdullah Ibn Abbas, sementara orang lain pula, seperti Abdullah Ibn Umar lebih memberi tumpuan kepada rupa bentuk dan teknik. Begitulah seterusnya.

Selain itu, persekitaran juga sangat berbeza, sama ada dipengaruhi oleh keadaan setempat atau semasa. Ia memberi kesan yang besar terhadap cara berfikir orang yang hidup dan bertindak di bawah pengaruhnya. Sebagai orang yang menjiwai sepenuhnya persekitaran hidup di Madinah pada zaman percambahan mazhab, Imam Malik lahir sebagai seorang faqih yang paling pragmatik sampai kepada peringkat menolak hadis tidak mutawatir sekadar kerana bertentangan dengan budaya hidup penduduk Madinah (عمل أهل المدينة)²⁶. Sebaliknya pula Imam Abu Hanifah yang membesar dalam keluarga korporat di bawah pengaruh tamadun Parsi. Beliau boleh dilihat sebagai seorang yang menggunakan daya analisis yang tinggi sehingga kepada peringkat menggunakan “Istihsan” (الاستحسان)²⁷ buat menolak Qiyas kerana bertentangan dengan qiyas yang lain. Selain

²⁴ Lihat misalnya: Yusuf al-Qaradawi *aql-Fiqh al-Islami Baina al-Isalah Wa al-Tajdid*, (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1999); Abdullah Muhammad al-Juburi, *al-Fiqh al-Islami Baina al-Isalah Wa al-Tajdid*, ('Amman: Dar al-Nafa'is, 2005).

²⁵ Lihat Mahmood Zuhdi Haji Abd Majid, *Transformasi Fikah Semasa*, Selangor: PTS, 2010), 188-212.

²⁶ Lihat: Muhammad Abu Zahrah, *Tarikh al-Madhahib al-Islamiyah*, (Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi, 1971), 2: 234.

²⁷ Mahmood Zuhdi Haji Abd Majid, *Transformasi Fikah Semasa*, 176.

itu Imam Shafi'i pula yang begitu hebat kedudukan ilmunya dalam bidang bahasa dan sastra mentafsirkan banyak ayat atau hadis berasaskan kepada susuk bahasa yang dipandang rumit oleh orang lain²⁸. Samalah juga dengan Imam Ahmad Ibn Hanbal yang lebih bersifat ulama hadis berbanding fiqh, menafikan penganalisaan fiqh bila saja ada hadis yang jelas²⁹.

Semuanya ini memberi erti bahawa keperibadian, keilmuan, persekitaran hidup dan sebagainya bagi seseorang itu mempunyai input yang jelas terhadap keputusan hukum masing-masing. Bagi seorang Muslim yang positif, ia memberi kepelbagaian yang sangat menarik ibarat taman yang menyediakan bunga bungi yang indah baik dari segi bentuk, warna mahupun bau. Sebaliknya bagi mereka yang negatif kepelbagaian ini membangkitkan kecelaruan minda yang boleh menyebabkan kekeliruan yang mendalam. Maka dari sinilah lahir respons yang berbeza terhadap kepelbagaian pendapat dalam sesuatu masyarakat itu.

Maksudnya, segala bentuk, warna dan bau taman puspawarna yang indah ini tidak lagi dapat dinikmati keindahannya oleh orang Islam pada hari ini. Kata Buya HAMKA, keindahan itu merupakan stimulasi luaran yang memerlukan respons dari dalam. Kerana itu apalah ertinya keindahan satu gesekan biola kalau diperdengarkan di telinga kerbau?

Maksud semua ini ialah kita perlu kepada aliran fiqh semasa tempatan yang cukup akomodatif. Sedangkan semua aliran yang ada itu kita jadikan sebagai literatur atau bahan persuratan yang boleh dijadikan panduan dalam merumus fiqh baru yang bersifat tempatan itu. Cuma persoalannya, tidakkah ini akan merupakan aliran baru yang boleh menambahkan lagi keadaan haru biru yang ada?

Bagi mengatasi kemelut ini, pemerintah perlu campur tangan secara bijak agar ia boleh diselesaikan dengan baik. Ini juga merupakan langkah yang berasaskan kepada Maqasid Syariah, iaitu menolak keburukan seberapa daya yang boleh meskipun terpaksa

²⁸ *Ibid.*, 293.

²⁹ *Ibid.*, 358.

melupakan kebaikan yang ada. (دفع المضرة مقدم على جلب المنفعة), (الضرر يزال). Dengan kata lain, menolak keburukan perpecahan ummah meskipun terpaksa melupakan kebaikan kepelbagaian pendapat.

Untuk membina fiqh semasa kita perlu kembali kepada al-Quran dan al-Sunnah. Kembali menganalisis segala persoalan dalam hidup ini berpandukan secara langsung kepada al-Quran dan al-Sunnah berasaskan kepada pendekatan setempat dengan segala persekitarannya. Segala pandangan fiqh klasik dijadikan sebagai asas kajian literatur, atau persuratan secara komparatif. Sementara persekitaran setempat dan segala nilai perubahan hidup semasa dijadikan sebagai input baru bagi memperkayakan persuratan berkenaan. Dalam melakukan penganalisaan ini Usul Fiqh Perbandingan (أصول الفقه المقارن) perlu menjadi asas metodologi. Dengan kata lain, mengambil kira semua aliran yang ada, kemudian dianalisis semula sebagai pandangan klasik yang menyeluruh dan kemudian dianalisis kembali berasaskan kepada kehendak sebenar al-Quran dan al-Sunnah dalam realiti yang ada di negara ini sekarang.

Bagaimanapun, kerja *tajdid* atau *islah* ini memerlukan prasyarat tertentu. Tanpanya ia sekadar boleh melahirkan faktor perpecahan baru yang lebih dahsyat. Pra-syarat tersebut boleh diuraikan seperti berikut:

1. Kembali kepada perinsip Ahl al-Sunnah Wal-Jamaah, iaitu pendapat majoriti besar masyarakat sebagai aliran yang lebih dominan di negara ini
2. Memperluaskan tafsiran konsep “Ahl al-Sunnah Wal-Jama’ah” itu sehingga mampu merangkumi sebanyak mungkin aliran yang ada.

Penutup

Sebagai penutup, adalah jelas kepelbagaian aliran dalam hukum di Malaysia sekarang banyak mendatangkan kemudaratan daripada kebaikan. Ia meskipun pada dasarnya sesuatu yang baik, sepertimana pernah ditegaskan oleh baginda Rasulullah SAW, namun potensi kebaikan itu terhalang oleh cara dan persekitaran di mana ianya berlaku. Ia bukan suatu perbezaan pendapat yang

terurus dengan baik, tambahan pula ia memungkinan berlaku perpecahan politik dalam kalangan umat Islam yang tentu sekali merugikan dari segi percaturan politik pilihanraya di negara ini.

Dari perspektif Maqasid Syariah ia perlu dibendung, kerana keburukannya perlu diberi perhatian utama daripada kebaikan yang mungkin ada. Caranya ialah dengan kerajaan melakukan campur tangan dengan arahan penerimaan terhadap pegangan Ahl al-Sunnah sesuai dengan kedudukannya yang lebih dominan dalam negara ini sejak dulu sampai sekarang. Bagaimanapun, sebagai balasannya konsep Ahl al-Sunnah Wal Jamaah itu sendiri perlu diperluaskan sampai merangkumi semua aliran pemikiran yang ada. Caranya ialah dengan membina fiqh semasa yang berorientasikan nilai dan keperluan tempatan. Bagi menjayakan program ini, universiti perlu diberi tugas dalam membina fiqh seperti itu dan mempopularkannya di kalangan masyarakat.

Bibliografi

- Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pemelukan Umat Islam di Nusantara*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.
- Ahmad al-Raysuni, *Nazariyyat al-Maqasid 'Inda al-Imam al-Shatibi*, Riyadh: al-Dar al-'Alamiyah Li al-Kitab al-Islami, 1955.
- Al-Shatibi, *al-Muwafaqat*, Kaherah: Muhammad Ali Subaih, 1969.
- M.A. Rauf, *A Brief History of Islam (With Special Reference to Malaya)*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1964.
- Mahmood Zuhdi Haji Abd Majid, *Transformasi Fikah Semasa Selangor*: PTS, 2010.
- Muhammad Abu Zahrah, *Tarikh al-Madhahib al-Islamiyyah*, Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi, 1971.
- Nik Abdul Aziz Bin Haji Nik Hassan, *Islam Di Kelantan*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1983.
- R.O. Winsted, "The Coming of Islam and Islamic Literature" *JMBRAS*, Vol. XXXI, 1958, part 3.
- R.O. Winsted, "The Advance of Muhammadinism in The Malay Peninsular and Archipelago" *JMBRASS*, No. 77, 1977.
- S.Q. Fatimi, *Islam Comes To Malaya*, Singapore: MRSI, 1963.

- Sha'ban Muhammad Islami, *al-Tashri' al-Islami: Masadituhu Wa Atwaruhu*, Kaherah: Maktabah al-Nahdhah, 1985.
- Syed Naquib al-Attas, *Priliminary Statement on A General Theory of The Islamization of Malaya-Indonesia Archipelago*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1969.
- Wan Muhammad Saghir Abdullah, *Perkembangan Ilmu Fiqh dan Tokoh-Tokohnya di Asia Tenggara*, Solo: Ramadhani, 1985.
- Yusuf al-Qaradawi, *'Aql-Fiqh al-Islami Baina al-Isalah Wa al-Tajdid*, Kaherah: Maktabah Wahbah, 1999.

Salah Faham Terhadap Standard Masalah Dan Mafsadah Dalam Menangani Isu-Isu Semasa Di Malaysia

Ridzwan Ahmad

Pendahuluan

Dalam dasawarsa ini *maqasid al-shari'ah* telah dijadikan panduan utama oleh para sarjana muslim untuk menangani pelbagai permasalahan semasa yang timbul akibat dari perubahan zaman dan tempat. Walaupun *maqasid al-shari'ah* tidak dianggap sebagai dalil mahupun sumber hukum namun penggunaannya sebagai kayu ukur utama dalam penentuan sesuatu hukum yang bersifat semasa dan setempat telah menjadi amalan semasa. Di sebalik *maqasid al-shari'ah* ada elemen utama yang dijadikan sandaran dalam menerima pakai konsep tersebut iaitu masalah dan mafsadah. Kedua-dua elemen ini memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi pemakaian *maqasid al-shari'ah* sama ada ianya menepati kehendak syarak yang sebenar ataupun tidak. Namun demikian pemakaian kedua-dua elemen tersebut hakikatnya perlukan standard yang jelas dan terarah bukannya bersandarkan kepada pemikiran akal insani semata-mata. Akibat dari kecuaiian dalam menguasai standard tersebut banyak permasalahan hukum Islam semasa dan setempat ditangani dengan cara yang tidak tepat bahkan tersasar dari kehendak asal syarak yang akhirnya menyumbang kepada kekeliruan dan kebingungan ummah.

Kepentingan *Maqasid al-Shari'ah*

Kepentingan *maqasid al-shari'ah* dalam menilai isu-isu semasa amat terserlah sekali apabila dilihat dari sudut peranan Syarak itu sendiri dalam meraikan kemaslahatan manusia dan menolak sebarang kemudaratan terhadap mereka¹. Oleh itu sebahagian ulama Usul

¹ Lihat al-Shatibi, *al-Muwafaqat fi Usul al-Shari'ah*, Dar al-Ma'rifah, Beirut, 1997M/1417, juz. 2, hlm. 322 dan 353; Ibn Farhun, *Tabsirat al-Hukkam fi Usul al-Aqdiyyah wa Manahij al-Ahkam*, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut, 1995M/1416, juz.1, hlm. 3

termasuk al-Shatibi² mensyaratkan seseorang mujtahid itu mesti menguasai ilmu maqasid al-shari'ah dengan baik. Ini kerana sebarang hukum yang dikeluarkan oleh seseorang mujtahid mahupun pakar agama hendaklah berdasarkan objektif Syarak sebenar yang sentiasa meraikan kemaslahatan sejagat bukannya hanya berhukum semata-mata berdasarkan dalil dan sumber hukum yang difahami semata-mata. Justeru itu sebarang hukum yang membelakangkan kemaslahatan manusia tidak dianggap sebagai hukum Islam walaupun ianya disandarkan kepada hukum Islam dengan pelbagai takwil³. Dalam hal ini perkataan yang masyhur yang menyatakan syariat itu adalah *maslahah* tidak boleh dikesampingkan oleh mana-mana pakar agama semasa dan setempat. Oleh sebab itulah Ibn Abd al-Salam menyatakan bahawa Syariat itu kesemuanya *maslahah* sama ada menolak kerosakan mahupun mencapai kemaslahatan⁴.

Kepentingan maqasid al-shari'ah secara umumnya dapatlah disimpulkan sebagaimana berikut:

- Menolong seseorang mukalaf dalam melaksanakan kewajipan Syarak dengan sebaik mungkin dari tata cara dan keyakinan diri. Ini kerana mereka dapat memahami bahawa semua syariat Islam itu adalah untuk mencapai kebaikan di dunia dan di akhirat.
- Mampu menguatkan keyakinan bahawa Islam merupakan syariat yang sentiasa meraikan kemaslahatan dan kemanfaatan di dunia dan di akhirat. Justeru, individu muslim akan lebih rasional dan bersemangat dalam melakukan suruhan Allah SWT.
- Mampu menyumbang kefahaman yang jelas kepada seseorang mukalaf terhadap tujuan dan hikmah pensyariatan sesuatu hukum sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya.

² al-Shatibi, *al-Muwafaqat fi Usul al-Shari'ah*, Dar al-Ma'rifah, Beirut, 1997M/1417, juz.4, hlm. 477

³ Lihat Ibn Qayyim, *A'lam al-Muwaqqi'in*, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut, 1996M/1417H, juz. 3 hlm. 11

⁴ Ibn 'Abd al-Salam, *Qawa'id al-Ahkam fi Masalih al-Anam*, Dar al-Ma'rifah, Beirut, (t.th.), juz. 1, hlm. 9

- Memberi kekuatan kepada seseorang faqih dalam menistinbatkan hukum hakam semasa sejajar dengan objektif Syarak berdasarkan kefahaman sebenar terhadap hukum, batasannya dan aplikasinya.
 - Mengurangkan percanggahan dan perdebatan fiqh dan ketaasuban mazhab berdasarkan penguasaan *maqasid al-shari'ah*.
 - Mampu membuat kompromi secara bijaksana di antara berpegang kepada zahir nass dan mengambil kira roh dan petunjuk dalil sebenar. Hal ini mampu mengelak seorang faqih itu dari tergelincir dalam membuat fatwa semasa.
 - Memperkembangkan lagi perbahasan dan topik-topik perbincangan yang mempunyai hubungan rapat dengan ilmu maqasid seperti masalahah , qiyas, zara'i dan sebagainya. Hal ini dapat menjadikan ilmu Usul al-Fiqh sebagai ilmu yang sentiasa berkembang bukannya jumud.
- Seterusnya kepentingan *maqasid al-syariah* ini dapat dilihat apabila Ibn 'Ashur menyarankan agar maqasid dijadikan sebagai qati'i sehingga mampu menolak sebarang percanggahan (*khilaf*) dalam kalangan ulama di samping mampu mentarjih sebarang percanggahan yang berlaku⁵. Saranan ini membawa kepada pemisahan di antara ilmu usul al-fiqh dan ilmu maqasid al-shari'ah. Namun saranan tersebut sukar diaplikasikan disebabkan hubungan di antara kedua ilmu itu sangat mantap dan akrab tidak mampu dipisahkan di antara satu sama lain. Jika cuba dipisahkan kemungkinan ilmu *usul al-fiqh* akan menjadi ilmu yang jumud dan tidak boleh diaplikasikan secara berkesan dalam permasalahan *fiqh*. Manakala ilmu *maqasid al-shari'ah* yang tidak diresapi oleh ilmu *usul al-fiqh* akan berkembang menjadi ilmu yang terdedah kepada pelbagai penyelewengan akibat ketiadaan pengawalan yang berkesan dari ilmu *usul al-fiqh*. Oleh sebab itulah cadangan Ibn 'Ashur

⁵ Lihat Muhammad al-Tahir ibn 'Ashur, *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Muhammad al-Tahir al-Misawi (edit), al-Basha'ir li al-Intaj al-'Ilmi, t.tp 1998M/1418H, cetakan pertama, hlm. 112-113

itu dianggap Dr. Jamal al-Din ‘Atiyyah sebagai kemudharatan terhadap kedua-dua ilmu tersebut⁶.

Standard *Maslahah* Dan *Mafsadah* Dalam Pembinaan Hukum Islam Semasa Dan Setempat

Sebenarnya para ulama silam tidak mengutarakan standard yang khusus dan teratur dalam mengguna pakai *maslahah* dan *mafsadah* namun melalui contoh-contoh yang diberikan dapat dihayati oleh para pengkaji terkemudian bagaimana standard tersebut boleh diaplikasikan dalam isu semasa. Ini kerana rata-rata mereka adalah golongan yang benar menguasai ilmu *usul al-fiqh* yang menyebabkan keperluan tersebut tidak timbul sama sekali. Namun secara tersiratnya mereka memang menguasai standard tersebut secara mendalam. Disebabkan penguasaan yang mendalam terhadap *usul al-fiqh* kebanyakan fatwa yang melibatkan hukum Islam semasa dan setempat yang diputuskan di zaman masing-masing tidak terdedah kepada penyelewengan dan kebatilan berbeza dengan suasana masa kini. Hal ini ditambah lagi dengan sifat warak dan kerohanian yang kukuh, sentiasa bertaqarrub dengan Allah menjadikan penguasaan ilmu Usul Fiqh yang dimiliki masing-masing mampu mencegah dari mengeluarkan hukum yang tersasar dari kehendak asal Syarak. Walau bagaimanapun ketika ini, keperluan kepada penguasaan terhadap standard *maslahah* dan *mafsadah* dalam mengeluarkan fatwa dan hukum semasa dan setempat amat mendesak lebih-lebih lagi ketika mana semua pihak menjadikan *maqasid al-shari’ah* sebagai kayu ukur utama.

Secara dasarnya apabila kontradiksi di antara dua masalah, kontradiksi di antara dua mafsadah dan kontradiksi di antara masalah dengan mafsadah pendekatan yang diambil untuk menyelesaikannya adalah sebagaimana berikut:

- i) Penyatuan dan perhimpunan di antara keduanya
- ii) Mengutamakan dan mentarjih salah satu dari keduanya
- iii) Memilih salah satu dari kedua posisi
- iv) Membuat undian di antara keduanya

⁶ Lihat Jamal al-Din ‘Atiyyah, *Nahw Tafsi’il Maqasid al-Shari’ah*, Dar al-Fikr, Dimashq, 2001M/1422H, cetakan pertama, hlm. 238

- v) *Tawaqquf* iaitu tidak menghukumnya dengan membiarkannya begitu sahaja .

Walau bagaimanapun apabila kontradiksi tersebut berlaku dalam situasi yang tidak sama kedudukannya maka keutamaan akan dilakukan berdasarkan penilaian-penilaian tertentu yang memerlukan standard tertentu.

Secara umumnya apabila pertentangan melibatkan *masalah* dengan *mafsadah* maka kaedah penentuan berikut dilakukan:

- i) Jika mampu dihindarkan di antara *masalah* dengan *mafsadah* maka hendaklah dihindarkan keduanya sebagaimana dinyatakan oleh ‘Izz al-Din ‘Abd al-Salam⁷. Misalnya seorang yang belum lagi mengerjakan solat, menemui orang lemas yang memerlukan pertolongannya sedangkan waktu solat sudah pun menghampiri luput maka hendaklah dia bertindak menyelamatkan mangsa tersebut dengan mengqadakan solatnya⁸. Walau bagaimanapun situasi ini tidak termasuk dalam kategori kontradiksi sebagaimana dijelaskan oleh al-Shatibi⁹.
- ii) Apabila kedua-dua posisi tidak mampu dihindarkan maka hendaklah dilakukan *pentarjihan* di antara kedua-dua posisi dengan dipilih salah satu dari dua posisi yang lebih dominan. Hal ini dinyatakan oleh ‘Izz al-Din ‘Abd al-Salam¹⁰ dan al-Shatibi¹¹. Oleh itu apabila ditemui mana-mana posisi yang dominan di antara *masalah* dan *mafsadah* maka hendaklah diutamakan dengan meninggalkan salah satu posisi yang didominasi di antara kedua-dua posisi. Manakala posisi yang didominasi itu tidak akan diambil

⁷ Ibn ‘Abd al-Salam, *Qawa'id al-Ahkam fi Masalih al-Anam*, juz. 1, hlm. 83.

⁸ Ibn ‘Abd al-Salam tidak memberikan sebarang contoh yang jelas apabila mengutarakan kaedah perhimpunan ini. Manakala contoh yang penulis nyatakan ini telah dimuatkan oleh beliau ketika membicarakan perhimpunan di antara *masalah* dengan *masalah*. Barangkali beliau lebih melihat tindakan meyelamat mangsa lemas dari aspek *masalah* sedangkan penulis melihat tindakan tersebut lebih kepada menghapuskan *mafsadah* yang sedang menimpa. [Lihat Ibn ‘Abd al-Salam, *Qawa'id al-Ahkam fi Masalih al-Anam*, juz. 1, hlm. 57]

⁹ Lihat Ibn ‘Abd al-Salam, *Qawa'id al-Ahkam fi Masalih al-Anam*, juz. 4, hlm. 641

¹⁰ Ibid, juz. 1, hlm. 83

¹¹ al-Shatibi, *al-Muwafaqat fi Usul al-Shari'ah*, juz. 2, hlm. 344

kira¹² walaupun elemen yang ditinggalkan itu masih kelihatan wujud¹³ bahkan kewujudannya disamakan dengan ketiadaannya¹⁴.

iii) Apabila kedua-dua posisi iaitu *masalah* dan *mafsadah* mempunyai elemen yang sama, terdapat percanggahan para ulama dalam menangannya sebagaimana diutarakan sebelum ini. Persoalan ini sebenarnya berkaitan dengan ketidakmampuan mujtahid dalam melakukan *pentarjihan* akibat tidak dapat menemui mana-mana posisi yang lebih dominan di antara keduanya. Ianya mempunyai kaitan rapat dengan persoalan sama ada semua keputusan hukum dari mujtahid itu dianggap betul ataupun tidak disebabkan ijthad itu sendiri hasil dari pemikiran mereka. Persoalan ini masih diperdebatkan dalam kalangan ulama.

Golongan pertama yang menyatakan hasil ijthad itu hanya satu sahaja betul dan tidak semuanya betul belaka, menyarankan agar *tawaqquf*, mengambil konsep *ihtiyat* ataupun *bertaqlid* dengan mana-mana mujtahid lain apabila tidak ditemui mana-mana posisi yang dominan¹⁵. Golongan ini dipelopori oleh kebanyakan golongan Hanafiyyah dan kebanyakan golongan Shafi'iyah¹⁶ termasuk Imam al-Shafi'i, Abu Hanifah, Malik¹⁷, Abu Yusuf, Muhammad al-Shaybani dan Ibn Surayj¹⁸. Manakala golongan yang didokongi oleh

¹² Lihat Ibn 'Abd al-Salam, *al-Qawa'id al-Sughra*, hlm. 47, *Qawa'id al-Ahkam fi Masalih al-Anam*, juz. 1, hlm. 83; Al-Shatibi, *al-Muwafaqat fi Usul al-Shari'ah*, juz. 2, hlm. 345

¹³ Lihat Ibn 'Abd al-Salam, *Shajarat al-Ma'arif wa al-Ahwal wa Salih al-Aqwal wa al-'Amal*, hlm. 139

¹⁴ Contoh-contoh berkaitan dengan permasalahan ini telah dikemukakan oleh penulis sebelum ini.

¹⁵ Lihat al-Ghazzali, *al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul*, juz. 2, hlm.378-379; Ibn Badran, *Nuzhat al-Khatir al-'Atir 'ala Rawdat al-Nazir wa Jannat al-Munazir*, juz. 2, hlm. 279-280

¹⁶ Ibn Badran, *Nuzhat al-Khatir al-'Atir 'ala Rawdat al-Nazir wa Jannat al-Munazir*, juz. 2, hlm. 279-280

¹⁷ Lihat al-Zarkashi, *al-Bahr al-Muhit fi Usul al-Fiqh*, juz.6, hlm. 241 dan 245. Abu al-Husayn Muhammad bin 'Ali al-Basri, *al-Mu'tamad fi Usul al-Fiqh*, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut, t.th, juz. 2, hlm. 371. Al-Shawkani, *Irshad al-Fuhul ila Tahqiq al-Haqq min 'Ilm al-Usul*, juz. 2, hlm. 317

¹⁸ Jalal al-Din Muhammad al-Mahalli, *Sharh Jamc' al-Jawami'* dalam al-Bannani, *Hashiyat al-'Allamah al-Bannani 'ala Sharh al-Jalal al-Mahalli 'ala Matn Jamc' al-Jawami'*,

jumhur mutakllimin, Abu Hasan al-As^cari, Qadi Abu Bakr al-Baqilani¹⁹, sebahagian dari golongan Mu^tazilah seperti Abu Huzayl, Abu ^cAli al-Juba'i, Abu Hashim²⁰, berpendapat semua hasil ijihad betul belaka. Bagi mereka hukum Allah bukan satu sahaja bahkan mengikut pemikiran *zann* mujtahid. Golongan ini pula terbahagi kepada dua pandangan, ada yang menyarankan dibuat pilihan (*al-takhayir*) di antara kedua posisi sebagaimana dipegangi oleh Qadi Abu Bakr al-Baqillani (403)²¹, Abu 'Ali al-Juba'i, Abu Hashim²² dan Abu al-Husayn al-Basri²³. Manakala sebahagian lain pula menyarankan pendekatan *tawaaqquf* apabila berhadapan dengan permasalahan ketiadaan posisi yang dominan²⁴.

Standard Masalah Dan Mafsadah Dalam Isu-Isu Semasa Yang Terpilih

Jika diteliti isu-isu yang diutarakan oleh pelbagai pihak yang melibatkan kepentingan ummah pada masa kini, bilangannya

juz. 2, hlm. 600 dan Ahmad bin Qasim al-^cUbbadi, *al-Ayat al-Bayyinat ^cala Sharh Jam^c al-Jawami^c*, juz.4, hlm. 350-351

¹⁹ Al-Razi, *al-Mahsul fi ^cIlm al-Usul*, juz. 2, hlm. 438; Jalal al-Din Muhammad al-Mahalli, *Sharh Jam^c al-Jawami^c* dalam al-Bannani, *Hashiyat al-^cAllamah al-Bannani ^cala Sharh al-Jalal al-Mahalli ^cala Matn Jam^c al-Jawami^c*, juz. 2, hlm. 600 dan Ahmad bin Qasim al-^cUbbadi, *al-Ayat al-Bayyinat ^cala Sharh Jam^c al-Jawami^c*, juz. 4, juz.4, hlm. 349-351

²⁰ Lihat al-Basri, *al-Mu^tamad fi Usul al-Fiqh*, juz. 2, hlm. 370-371; Al-Razi, *al-Mahsul fi ^cIlm al-Usul*, juz. 2, hlm. 438. Al-Amidi, *al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*, juz. 4, hlm. 190. Ibrahim bin ^cAli al-Shirazi, *al-Tabsirah fi Usul al-Fiqh*, Dr. Muhammad Hasan Haytu (edit.), Dar al-Fikr, Dimashq, 1983M/1403H, hlm. 498 dan seterusnya. Al-Bannani, *Hashiyat al-^cAllamah al-Bannani ^cala Sharh al-Jalal al-Mahalli ^cala Matn Jam^c al-Jawami^c*, juz. 2, hlm. 600; Al-Subki dan Ibn al-Subki, *al-Ibhaj fi Sharh al-Minhaj ^cala Minhaj al-Wusul ila ^cIlm al-Usul li al-Qadi al-Baydawi*, juz. 3, hlm. 258-259.

²¹ Al-Ghazzali, *al-Mustasfa min ^cIlm al-Usul*, juz. 2, hlm. 379; Al-Razi, *al-Mahsul fi ^cIlm al-Usul*, juz. 2, hlm.380; Al-Subki dan Ibn al-Subki, *al-Ibhaj fi Sharh al-Minhaj ^cala Minhaj al-Wusul ila ^cIlm al-Usul li al-Qadi al-Baydawi*, juz. 4, hlm. 199

²² Al-Razi, *al-Mahsul fi ^cIlm al-Usul*, juz. 2, hlm.380; Al-Subki dan Ibn al-Subki, *al-Ibhaj fi Sharh al-Minhaj ^cala Minhaj al-Wusul ila ^cIlm al-Usul li al-Qadi al-Baydawi*, juz. 4, hlm. 199

²³ Al-Basri, *al-Mu^tamad fi Usul al-Fiqh*, juz. 2, hlm. 373

²⁴ Lihat Ibn Badran, *Nuzhat al-Khatir al-^cAtir ^cala Rawdat al-Nazir wa Jannat al-Munazir*, juz. 2, hlm. 279-280; Al-Ghazzali, *al-Mustasfa min ^cIlm al-Usul*, juz. 2, hlm. 378-379. Ahmad bin Qasim al-^cUbbadi, *al-Ayat al-Bayyinat ^cala Sharh Jam^c al-Jawami^c*, juz. 4, hlm. 277-285; Al-Razi, *al-Mahsul fi ^cIlm al-Usul*, juz. 2, hlm. 388 dan 454

semakin hari semakin bertambah. Manakala pihak yang mengeluarkan pandangan dan fatwa sering bertelagah di antara satu sama lain. Masing-masing mendakwa mengguna pakai standard *masalah* dan *mafsadah* bersumberkan maqasid al-Syari'ah. Justeru itu dalam penulisan yang terhad ini, penulis akan membentangkan beberapa isu semasa dan setempat secara ringkas sahaja demi menilai sejauh mana berlakunya salah faham terhadap penggunaan *masalah* dan *mafsadah* berdasarkan standard *masalah* dan *mafsadah* yang sebenar.

a) Isu kalimah Allah

Di Malaysia isu ini telahpun lama berlaku, namun ia tidak mampu diselesaikan secara tuntas sehingga kini. Ini kerana ada dua golongan yang saling berbeza pandangan. Pihak yang mengharuskannya mendakwa bahawa isu ini tidak pernah diputuskan oleh nas-nas Syarak justeru itu perlu menerima pakai kaedah fiqh الأصل في الأشياء الإباحة. Ini bermakna apabila sesuatu permasalahan tidak dinyatakan oleh nas-nas Syarak secara jelas maka hukum asal iaitu keharusan diterima pakai. Justeru itu golongan bukan Islam harus mengguna pakai perkataan Allah SWT di dalam terjemahan kitab agama mereka walaupun perkataan tersebut pada asalnya tidak dibiasakan penggunaannya oleh penganut mereka sendiri. Manakala golongan yang mengharamkannya pula melihat dari sudut perkataan tersebut yang merupakan hak umat Islam justeru tidak boleh dicerobohi di samping mereka juga mengamalkan konsep *sadd al-dhar'ah* iaitu ditakuti penganut Islam terpengaruh dengan agama tersebut.

Jika dilihat dari sudut hujah, kedua-dua golongan menggunapakai konsep *masalah* dan *mafsadah*. Golongan yang mengharuskannya juga berhujah bahawa tindakan membenarkan golongan bukan Islam mengguna pakai kalimah Allah menunjukkan sikap tasamuh dengan golongan tersebut yang akhirnya diharap mampu menjinakkan mereka kepada Islam. *Mafsadah* yang dibimbangi oleh golongan yang mengharamkannya dianggap oleh golongan ini sebagai fenomena biasa yang tidak perlu diutamakan sama sekali. Ini kerana bagi mereka seseorang itu akan keluar Islam bukan sahaja disebabkan mereka terdedah dengan penggunaan

kalimah Allah oleh penganut agama lain semata-mata. Namun golongan yang mengharamkannya tetap berpegang kepada hak asal kalimah tersebut yang dimiliki oleh umat Islam dan bukan umat lain. Mereka menjadikan *mafsadah* iaitu aqidah umat Islam terdedah kepada kacau bilau sebagai sandaran utama di samping ditakuti ianya dijadikan sebagai agenda pihak tersebut untuk mendakwah umat Islam di Malaysia kepada agama tersebut secara tidak langsung.

Terdapat beberapa penilaian untuk menentukan sama ada pihak mana yang lebih tepat ataupun terdedah kepada kesalahan tertentu. Di antara penilaian yang perlu diperhalusi di sini ialah isu pertentangan di antara *masalah* dengan *masalah* dan pertentangan di antara *masalah* dengan *mafsadah*. Memberi kebebasan kepada golongan bukan Islam menggunakan kalimah Allah dianggap sebagai sikap *tasamuh* umat Islam kepada golongan tersebut. Ia boleh membawa kepada tarikan penganut agama tersebut kepada Islam. Namun ianya bertentangan dengan hak umat Islam yang selama ini telah menjadikan kalimah Allah sebagai hak khusus bagi agama dan umat Islam dan tidak boleh digunakan atau disamakan dengan agama bukan Islam lain²⁵. Mengekalkan hak yang sedia ada merupakan *masalah* terhadap umat Islam di Malaysia.

Jika diteliti secara mendalam sikap toleransi kepada penganut agama lain memang digalakkan asalkan mereka tidak memerangi agama Islam²⁶. Namun *masalah* yang diharapkan berlaku iaitu menarik golongan bukan Islam kepada agama Islam melalui tindakan membenarkan penggunaan kalimah Allah tidak bersifat pasti (*qati'i*) mahupun hampir pasti (*ghalabat al-zann*). Malah ianya berupa harapan yang disandarkan kepada sangkaan semata-mata (*masalah mawhumah*) sedangkan *masalah* mengekalkan hak umat Islam yang sedia ada merupakan *masalah* yang pasti (*masalah qat'iyah*). Justeru metode pentarjihan sebenar ialah apabila pertentangan berlaku di antara *masalah qat'iyah* dengan *masalah mawhumah* maka diutamakan *masalah qat'iyah*. Keutamaan

²⁵ Lihat muzakarah Jawatankuasa Fatwa majlis Kebangsaan Bgai Hal Ehwal Ugama Islam klai ke 82 <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/isu-tuntutan-penganut-kristian-terhadap-penggunaan-kalimah-allah>

²⁶ Surat al-Mumtahanah (60): ayat 8

masalah qat'iyah ataupun *masalah zaniyyah* ke atas *masalah mawhumah* ini telah melahirkan banyak kaedah-kaedah fiqh. Di antaranya ialah:

a) الْأَصْلُ بَقَاءُ مَا كَانَ عَلَى مَا كَانَ²⁷

b) مَا نَبَتْ يَبْقَيْنِ لَا يَرْتَفِعُ إِلَّا بِبَيِّنٍ²⁸

c) لَا عِبْرَةَ بِالظَّنِّ خَطْوَةٌ²⁹

d) لَا عِبْرَةَ لِتَوَهُّمٍ³⁰

Seterusnya pertentangan yang berlaku ialah di antara *masalah 'ammah* dengan *masalah khassah*. Walaupun dikatakan golongan bukan Islam berhak mengguna pakai kalimah Allah namun hak tersebut tidak boleh berlawanan dengan hak umat Islam yang bersifat majoriti di Malaysia. Justeru itu metode pentarjihan sebenar dalam isu ini ialah mengutamakan *masalah 'ammah* ke atas *masalah khassah*³¹. *Masalah khassah* boleh diraikan selagi mana tidak bertentangan dengan *masalah 'ammah*. Manakala dari sudut

²⁷ Maksudnya: "asal itu kekal sebagaimana sedia kala". Lihat misalnya Jalal al-Din 'Abd al-Rahman bin Abu Bakar al-Suyuti, *al-Ashbah wa al-Naza'ir*, Muhammad Hasan Muhammad Hasan Isma'ili al-Shafi'i (edit.), Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, 1998M/1419H, cetakan pertama, juz. 1, hlm. 115; Ibn Nujaym, *al-Ashbah wa al-Naza'ir 'ala Madhhab Abi Hanifah al-Nu'man*, hlm. 49; Ahmad al-Zarqa', *Sharh al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*, hlm.87-93

²⁸ Maksudnya: "Sesuatu yang sabit kewujudannya dengan yakin maka tidak dapat dihilangkan melainkan dengan yakin juga". Lihat misalnya al-Suyuti, *al-Ashbah wa al-Naza'ir*, juz. 1, hlm. 123. Ibn Nujaym, *al-Ashbah wa al-Naza'ir 'ala Madhhab Abi Hanifah al-Nu'man*, hlm. 51

²⁹ Maksudnya: "Tidak diambilkira zann yang jelas kesalahannya". Lihat misalnya 'Ali Haydar, *Durar al-Hukkam Sharh Majallat al-Ahkam*, Dar al-Jayl, Beirut, 1991M/1411H, cetakan pertama, al-maddah 72, hlm. 72; Al-Suyuti, *al-Ashbah wa al-Naza'ir*, juz. 1, hlm. 338-340. Ibn Nujaym, *al-Ashbah wa al-Naza'ir 'ala Madhhab Abi Hanifah al-Nu'man*, hlm. 134.-135; Ahmad al-Zarqa', *Sharh al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*, hlm.357-359

³⁰ Maksudnya: "tidak diambilkira waham", Lihat misalnya 'Ali al-Nadwi, *al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*, hlm. 416-417; Ahmad al-Zarqa', *Sharh al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*, hlm. 363-366.

³¹ Ridzwan Ahmad, *Metode Pentarjihan Masalah Dan Mafsadah Dalam Hukum Islam Semasa*, Jurnal Syariah Jil. 16, Bil 1 (2008), hlm. 11

pertembungan di antara *masalah* dengan *mafsadah* pula, penggunaan kalimah Allah bagi golongan bukan Islam dilihat mampu menyumbang kepada kemudaratannya terhadap umat Islam. Ia terdedah penyalahgunaan tertentu termasuk menarik umat Islam kepada agama tersebut sedangkan dari sudut Perlembagaan Persekutuan perkara 11 (4) menjelaskan bahawa agama-agama lain tidak boleh disebar dalam kalangan orang Islam. Situasi ini lebih mencabar apabila umat Islam ketika ini berhadapan dengan isu-isu aqidah yang lebih gawat. Oleh itu *mafsadah* yang melibatkan pemeliharaan terhadap agama Islam perlu diutamakan berbanding dengan *masalah* kebebasan agama. Justeru itu utamakan penolakan mafsadah terhadap agama ke atas pencapaian *masalah* yang lain³². Ini kerana dari sudut kepentingan *kulliyat al-khams* pemeliharaan agama terletak pada tahap pertama berbanding kepentingan yang lain. Dalam hal ini toleransi terhadap agama lain tidak bersifat mutlak. Ianya tidak boleh membawa kepada pengabaian hak-hak penganut Islam serta ketinggian Islam sebagai agama rasmi negara³³.

Manakala dari sudut *mafsadahnya* pula perlu dilihat tahap kepentingannya sama ada hanya bersifat kelompok tertentu ataupun mewakili majoriti penduduk di Malaysia. Jika *mafsadah* yang ditanggung oleh penganut Kristian melibatkan bilangan yang lebih kecil (9%) berbanding *mafsadah* umat Islam yang menjadi penduduk majoriti (60%) di negara ini, maka ia hendaklah dikorbankan. Hal ini menepati metode pentarjihan iaitu utamakan penanggungan *mafsadah khas* untuk menolak *mafsadah 'ammah*³⁴.

Dari perspektif *masalah* dan *mafsadah* sebenar, isu hak dan isu keamanan negara (*uruf setempat*) perlu dilihat sama ada penggunaannya menepati *masalah mutawaqqi'ah* ataupun tidak. Hak ini selain dirujuk kepada perlembagaan Malaysia juga perlu

³² Ridzwan Ahmad, *Metode Pentarjihan Masalah Dan Mafsadah Dalam Hukum Islam Semasa*, Jurnal Syariah Jil. 16, Bil 1 (2008), hlm. 125

³³ Ridzwan Ahmad (2006), *Pengaruh Budaya Tempatan Terhadap Penentuan Hukum Menziarahi Rumah Terbuka Perayaan Agama Bukan Islam di Malaysia* dalam Md Saleh Hj Ahmad dll, *Hukum Islam Dan Budaya Tempatan*, Jabatan Fiqh Dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, hlm. 383-384

³⁴ Lihat Ridzwan Ahmad, *Metode Pentarjihan Masalah Dan Mafsadah Dalam Hukum Islam Semasa*, Jurnal Syariah Jil. 16, Bil 1 (2008), hlm. 118

dibuktikan berdasarkan latar belakang sejarah kaum-kaum di Malaysia serta uruf tempatan agar ianya tidak dianggap sebagai *masalah ma'wuhmah*. Ianya bertepatan dengan kaedah fiqh iaitu

تنزل دلالة العادات وقرائن الأحوال منزلة صريح الأقوال في تخصيص
العموم وتقييد المطلق وغيرهما³⁵

Dari sudut sejarahnya penggunaan nama Allah bagi orang bukan Islam dalam bahasa mereka di Malaysia tidak wujud berbanding di negara Timur Tengah. Kalimah Allah adalah perkataan Arab yang wujud sebelum kedatangan Islam lagi. Penggunaan kalimah Allah dalam masyarakat Arab sehingga kini tanpa mengkhususkan umat Islam adalah wajar. Namun ianya berbeza dengan situasi Malaysia yang menggunapakai bahasa Melayu seterusnya menerima Islam sebagai al-din. Justeru itu membenarkan golongan bukan Islam mengguna pakai kalimah Allah atas apa tujuan sekalipun menyalahi uruf semasa dan setempat di Malaysia. Dalam hal ini rujukan fatwa mahupun pandangan dari ulama Timur Tengah perlu disesuaikan dengan uruf dan budaya tempatan di Malaysia. Bahkan tindakan menukikan secara bebas pandangan dan fatwa seseorang ulama tanpa melihat kepada motif dan maksud sebenar fatwa tersebut merupakan suatu kesalahan yang menyumbang kepada penyelewengan hukum di dalam Islam³⁶.

b) Isu hak keistimewaan Melayu

Hak-hak keistimewaan Melayu telah dinyatakan secara jelas dalam Perlembagaan Persekutuan. Walaupun hak tersebut secara dasarnya tidak membawa pernafian terhadap hak kaum lain di Malaysia namun ia dianggap oleh sesetengah pihak menyalahi konsep kesaksamaan yang dikaitkan dengan keadilan. Malah ada pihak menganggap hak keistimewaan tersebut tidak sejajar dengan

³⁵ Maksudnya: "Petunjuk adat dan petunjuk semasa (situasi semasa) diletakkan sama seperti perkataan-perkataan yang sarif dalam mentaqyidkan yang mutlak dan selain dari keduanya" [Ibn 'Abd al-Salam, *Qawa'id al-Ahkam fi Masalih al-Anam*, juz. 2, hlm. 107

³⁶ Lihat al-Qarafi, *al-Furuq*, Dar al-Salam, Qaherah, juz. 1, hlm. 176

kehendak Islam yang mementingkan kesaksamaan dan menolak sebarang kezaliman. Pada waktu yang sama terdapat pihak dalam kalangan bukan Melayu yang memperjuangkan agar hak keistimewaan tersebut dihapuskan di Malaysia. Kaum bumiputera berpendapat hak tersebut perlu dikekalkan sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan manakala kaum lain pula melihat hak mereka telah dirampas oleh kaum bumiputera akibat peruntukan tersebut. Ianya ditambah lagi dengan kegelojohan sesetengah pemimpin politik tertentu yang ingin menguasai pentas politik dengan menggunakan isu perkauman sebagai modal utama dalam arena politik mereka. Dari sudut yang lain pula isu ini pula cuba dikaitkan dengan asabiah seolah-olah Islam menentang penindasan terhadap kaum lain dan menganjurkan kesaksamaan kaum. Akhirnya hak-hak yang termaktubkan dalam perlembagaan Persekutuan turut diheret bersama sehingga mencetuskan perbalahan kaum jika tidak dikawal secara bijaksana oleh pemerintah.

Hak keistimewaan Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan

Apabila Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu digubal pada tahun 1957 terdapat empat unsur penting yang dimasukkan berkaitan dengan orang Melayu iaitu hak orang Melayu, pemerintahan beraja, agama Islam dan Bahasa Melayu³⁷. Dalam Perlembagaan Persekutuan peruntukkan hak keistimewaan Melayu diletakkan di bawah perkara 153. Kandungan peruntukkan di bawah perkara 153 ini antaranya ialah meletakkan tanggungjawab memelihara kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera Sabah dan Sarawak serta kepentingan sah kaum-kaum lain di bawah Tanggungjawab Yang di-Pertuan Agong. Hal ini membawa maksud bahawa Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri atau Kabinet mempunyai kuasa menyelamatkan kedudukan istimewa orang Melayu dan Bumiputera di Sabah dan Sarawak³⁸. Perkara 153 ini juga melibatkan peruntukkan jawatan-jawatan dalam

³⁷ Tun Mohd Salleh Abas (1986), *Traditional Elements of the Malaysia Constitution*, dalam F.A Trindade & H.P Lee (eds), *The Constitution of Malaysia: Further Perspectives and Developments*, Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd., h. 1

³⁸ Abdul Aziz Bari (2008), *Perlembagaan Malaysia, Teori Dan Praktis*, Selangor: Arah Pendidik SDB BHD, h. 18

perkhidmatan awam dan biasiswa, danasiswa dan keistimewaan pendidikan atau latihan atau kemudahan khas lain kepada orang Melayu dan bumiputera Sabah dan Sarawak.

Selain itu, kemasukan orang Melayu dalam Rejimen Askar Melayu Diraja dengan pengecualian orang bukan Melayu seperti dalam Perkara 8(5)(f) juga dianggap sebahagian daripada kedudukan istimewa orang Melayu. Seterusnya kedudukan istimewa orang Melayu yang lain termasuklah peruntukan Perkara 89 dan 90 yang memberikan kuat kuasa undang-undang perlembagaan kepada undang-undang sedia ada yang melindungi tanah rizab orang Melayu daripada diselenggarakan oleh orang bukan Melayu. Begitu juga peruntukan khas mengenai tanah adat di negeri Sembilan dan Melaka dan tanah pegangan orang Melayu di Terengganu dinyatakan dalam perlembagaan. Secara ringkasnya perkara-perkara utama yang diperuntukkan sebagai hak keistimewaan orang Melayu adalah meliputi³⁹:

- i) Sistem tanah simpanan Melayu iaitu rizab khas untuk orang Melayu
- ii) Kouta tertentu dalam perkhidmatan awam bagi orang Melayu
- iii) Kouta tertentu dalam pemberian lesen dan permit perniagaan orang Melayu
- iv) Kouta biasasiswa dan bantuan kewangan dari segi pendidikan kepada orang Melayu.
- v) Persetujuan dari Majlis Raja-raja Melayu diperlukan dalam sebarang pindaan perundangan pentadbiran mengenai hak keistimewaan orang Melayu.

Hak dari perspektif Islam

Sebelum dibahaskan hak keistimewaan Melayu berdasarkan konsep *masalahah* dan *mafsadah* sewajarnya diperhalusi dahulu apakah yang dimaksudkan hak itu sendiri. Adakah hak yang dimaksudkan itu merupakan persamaan ataupun menifestasi dari konsep keadilan.

³⁹ Vejay Balasubramaniam (1998), *Politik Nasionalisme dan Federalisme di Malaysia*, Selangor: Fajar Bakti Sdn, h. 106

Adakah persamaan itu merupakan keadilan atau di sana terdapatnya perbezaan ketara di antara keadilan dan persamaan. Dalam Kamus Dewan hak didefinisikan sebagai millik, kepunyaan, yang benar dan kebenaran. Selain itu ia bermaksud kuasa atas sesuatu atau berbuat sesuatu (ditentukan oleh undang-undang, agama, adat istiadat dan lain-lain)⁴⁰. Dari sudut istilahnya al-Jurjani mendefinisikannya sebagai ketetapan yang tidak mungkin dingkari. Ia juga digunakan untuk membawa maksud benar, sah dan sesuatu yang tetap secara yakinnya⁴¹. Manakala Mustafa al-Zarqa pula mendefinisikan hak sebagai pengkhususan tertentu yang diberikan kepada golongan tertentu yang diiktiraf atau diberikan oleh agama secara kekuasaan atau menunaikan kewajipan⁴².

Persoalannya di sini adakah persamaan itu sendiri menjadi hak kepada setiap kaum di Malaysia ataupun persamaan itu hanya perlu dilihat apabila hak masing-masing telahpun diperolehi hasil dari permufakatan bersama. Terdapat sudut perbezaan yang perlu dilihat iaitu usaha dan sumbangan berbeza yang diberikan menyebabkan persamaan tidak dijadikan ukuran nilai sebenar. Contohnya status orang kaya dan orang miskin. Kedua-duanya mempunyai sumbangan masing-masing. Orang kaya telah memperolehi kekayaannya melalui usaha yang dilakukannya. Orang miskin pula menyumbang kepada tenaga buruh ataupun kestabilan dan keamanan negara misalnya mereka tidak merompak kekayaan orang kaya atau mengucur kacirkan negara. Jika dilihat teori persamaan secara mutlak, kekayaan yang dimiliki oleh orang kaya boleh dirampas oleh pemerintah dan diberikan kekayaan tersebut sama rata kepada semua lapisan rakyat sama ada kaya atau miskin disebabkan masing-masing mempunyai sumbangan. Namun realitinya tindakan tersebut menzalimi golongan kaya. Ini kerana usaha dan sumbangan yang diberikan berbeza di antara satu sama lain. Justeru itu apa yang boleh dilakukan oleh pemerintah

⁴⁰ *Kamus Dewan* (2000), Edisi ke 3, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 1428

⁴¹ Syed Syarif Ali bin Muhammad bin Husayn (1987), *al-Ta'rifat*, Beirut: 'Alim al-Kutub, h. 112

⁴² Mustafa Ahmad Zarqa', *al-Madkhal ila Nazariyyat al-Itizam al-Ammah fi al-Fiqh al-Islami*, Beirut: Dar al-Qalam, 1999M/1420H, hlm. 19

berdasarkan ajaran Islam sebenar ialah harta orang kaya dikenakan zakat untuk diberikan kepada orang miskin. Ianya tidak menzalimi orang kaya kerana zakat tersebut adalah hak orang miskin yang menyumbang secara tidak langsung kepada orang kaya iaitu sumbangan kestabilan dan keamanan Negara yang dinikmati bersama.

Di sinilah keadilan sebenar yang ditegakkan oleh Islam justeru membezakan di antara persamaan dan keadilan. Oleh itu hak perlu dilihat dari sudut tanggungjawab dan sumbangan yang diberikan bukannya persamaan berdasarkan warganegara semata-mata. Jika di sisi Allah SWT, nilai keimanan dan ketakwaan diambilkira sebagai faktor yang menyebabkan seseorang itu lebih mulia di sisiNya⁴³. Manakala bagi negara pula, sumbangan dan tanggungjawab berdasarkan latar belakang sejarah negara ini perlu diambilkira dalam penentuan hak terhadap setiap warganegara di Malaysia. Hal tersebut sebenarnya telah diperakui dan dipersetujui oleh penjajah British ketika menggubal Perlembagaan Persekutuan. Ianya dikenali sebagai kontrak sosial.

Secara ringkasnya kontrak sosial merupakan suatu persetujuan yang memberikan kewarganegaraan kepada kaum bukan Melayu dan bukan bumiputera sebagai ganti kepada pemberian hak keistimewaan terhadap orang Melayu dan bumiputera. Walaupun Perlembagaan Persekutuan tidak menyatakan kontrak sosial ini secara jelas namun dari sudut sejarah dan peruntukan yang diberikan dalam perlembagaan tersebut, ianya berlaku. Melalui kontrak tersebut Perlembagaan Persekutuan digubal dan berdasarkan semangat dan roh tersebut kerangka dan hala tuju negara sebenar cuba dicorakkan oleh pemimpin negara hingga kini. Justeru itu kontrak sosial ini telah dijadikan kayu ukur utama kepada keadilan sosial di Malaysia. Ini bermakna berdasarkan Perlembagaan Persekutuan keadilan yang difahami bukan berdasarkan kesaksamaan kaum di Malaysia namun berdasarkan keadilan sosial yang dipersetujui bersama sebelum ini. Keadilan sosial ini merangkumi keadilan politik, ekonomi dan

⁴³ Surat al-Hujurat (49):13

kebudayaan. Oleh itu kontrak sosial dianggap sebagai asas utama kepada keadilan sosial di Malaysia.

Melalui kontrak sosial ini, keistimewaan Melayu merupakan hak kerana diperuntukkan dalam perlembagaan secara sah. Apabila ianya diiktiraf sebagai hak dan dipersetujui bersama maka tuntutan hak oleh mana-mana pihak yang menyebabkan hak yang sedia ada dalam perlembagaan diubah tanpa mendapat keperluan yang mendesak dianggap satu kezaliman, lebih-lebih lagi menuntut hak tersebut dihapuskan dalam perlembagaan. Dalam hal ini mengekalkan hak keistimewaan Melayu merupakan *masalah* kerana ia berasaskan hak yang telahpun dipersetujui bersama. Manakala menghapuskan hak keistimewaan Melayu tanpa keperluan yang sah merupakan *mafsadah* kerana ia berlawanan dengan konsep keadilan yang hakiki dalam Islam. Walaupun mengekalkan hak tersebut dilihat tidak menggambarkan kesaksamaan kaum di Malaysia dan didakwa sebagai asabiah namun hakikatnya ia adalah satu-satunya mekanisme dalam menegakkan keadilan sejagat di Malaysia melalui peruntukan perlembagaan. Mekanisme ataupun wasilah ini bertujuan untuk menegakkan keadilan kaum dan akhirnya menyumbang kepada kestabilan politik dan perpaduan kaum di Malaysia. Justeru itu wasilah yang digunakan untuk menegakkan keadilan adalah harus hukumnya. Ini kerana yang lebih penting dilihat ialah motif ataupun maqasid sebenar dari wasilah tersebut bukannya wasilah semata-mata. Ianya bertepatan dengan kata-kata al-Qarafi iaitu ⁴⁴المقاصد أفضل من الوسائل (*maqasid* ataupun motif sebenar adalah lebih utama dari *wasilah*).

Dalam pengamalan para Sahabat, sejarah telah merakamkan bagaimana Sayyidina Umar ketika pembukaan Iraq dan Syam bertindak mengekalkan tanah rampasan perang ke atas pemilik asalnya dan mengenakan cukai yang dikembalikan baitulmal negara⁴⁵. Beliau tidak memberikan tanah rampasan perang kepada

⁴⁴ Al-Qarafi, *al-Furuq*, Khalil Mansur (edit.). 4 Juz. Cetakan Pertama. Beirut , 1998M/1418H, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, . juz 2, hlm. 360

⁴⁵ Lihat Abu Yusuf, *al-Kharaj*, al-Matba'ah al-Salafiyah, Qaherah, 1382H, cetakan kedua, hlm. 24; Ibn Hajar, *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*, juz. 6, hlm. 270-271; Abu al-Farj 'Abd al-Rahman bin Ahmad al-Hanbali, *al-Istikhraj li al-Ahkam al-Kharaj*, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, 1985M/1405H, cetakan pertama, hlm. 16.

tentera Islam. Apa yang menarik ialah Umar tidak menjadikan tanah tersebut sebagai pemilikan tentera, negara ataupun pemilikan umat Islam namun dikekalkan kepada pemilik asal. Hal ini menggambarkan bahawa Umar menghormati pemilik asal tanah tersebut. Walaupun negara tersebut telahpun dikuasai oleh umat Islam namun hak asal pemilikan tanah di Iraq dan Sham boleh dikekalkan asalkan ianya memberi kemaslahatan kepada negara melalui pemulangan cukai tanah.

Sebenarnya dalam isu ini, kedua-dua pihak dilihat cuba mengamalkan konsep *masalahah* dan *mafsadah* masing-masing. Mengekalkan hak tersebut dilihat masalah oleh orang Melayu manakala menghapuskan hak tersebut dianggap *masalahah* oleh golongan bukan bumiputera kerana berpaksikan kepada kesaksamaan kaum. Begitu juga sebaliknya iaitu mengekalkan hak tersebut dilihat *mafsadah* kepada golongan bukan Melayu dan bumiputera manakala menghapuskannya dilihat *mafsadah* kepada kaum bumiputera. Apabila kontradiksi berlaku di antara *masalahah* dengan *mafsadah*, pentarjihan boleh dilakukan juga dengan menilai dan menghalusi secara bijaksana terhadap risiko sesuatu perbuatan itu. Penelitian terhadap risiko (*al-ma'al*) sesuatu perbuatan itu akan membantu para fukaha dalam menentukan posisi mana yang benar-benar mencapai *masalahah* ataupun *mafsadah* yang hakiki⁴⁶.

Sebagaimana ditegaskan oleh kebanyakan Ulama Usul motif sesuatu perbuatan itu lebih penting daripada wasilah. Motif akan membawa kepada akibat sesuatu perbuatan ataupun wasilah yang didukung. Kebiasaannya kehilangan motif ataupun berubahnya motif sesuatu perbuatan menyebabkan hilangnya keabsahan sesuatu wasilah yang didukung. Oleh itu apabila gugurnya motif makan gugurlah wasilah⁴⁷. Namun apabila wasilah bertindak sebagai penyempurna, apabila gugurnya wasilah motif tidak akan gugur bersama. Contohnya, sah solat tanpa menghadap kiblat bagi mereka yang gagal melakukannya akibat kesakitan, kesempitan ruang, terpaksa dan sebagainya. Ini kerana solat adalah motif sebenar

⁴⁶ Ridzwan Ahmad, *Metode Pentarjihan Masalahah Dan Mafsadah Dalam Hukum Islam Semasa*, Jurnal Syariah Jil. 16, Bil 1 (2008), hlm. 133

⁴⁷ Al-Qarafi, *Sharh Tanqih al-Fusul fi Ikhtisar al-Mahsul fi al-Usul*, hlm. 353

manakala syarat menghadap kiblat hanya wasilah yang membawa kepada penyempurnaan solat⁴⁸. Walau bagaimanapun demi memastikan motif yang hakiki benar-benar tercapai maka kepekaan terhadap risiko terakhir bagi sesuatu perbuatan mesti diutamakan.

Apabila sesuatu wasilah membawa akibat terhapusnya motif yang dikehendaki maka hendaklah ditegah wasilah tersebut. Contoh yang jelas di sini ialah tindakan Rasulullah SAW tidak membunuh golongan Munafiqin dalam masyarakat Islam ketika itu kerana ditakuti tindakan tersebut membawa kepada tuduhan bahawa Nabi SAW membunuh Sahabat Baginda⁴⁹. Hal ini mengakibatkan orang yang belum memeluk Islam menjauhkan diri dari Islam⁵⁰. Dari sudut lain pula motif boleh berubah walaupun wasilahnya masih sama. Misalnya melihat aurat ajnabi ditegah kerana boleh membawa kepada zina. Namun jika akibatnya tidak membawa kepada zina bahkan manfaat yang dituntut seperti melihat bakal tunang ataupun melihat aurat pesakit untuk dirawati maka wasilahnya bertukar kepada hukum harus ataupun sunat. Apa yang jelas di sini ialah pengambilkiraan akibat ataupun risiko terhadap wasilah yang digunakan untuk mencapai sesuatu motif lebih diutamakan dari hanya melihat kepada kewujudan motif zahir semata-mata.

Kewujudan motif zahir tidak boleh dijadikan asas utama jika motif akhirnya bertentangan dengannya. Tindakan menyamaratakan hak-hak dalam kalangan rakyat di Malaysia sebagai warga negara tanpa mengira kaum dan bangsa berdasarkan motif zahirnya merupakan suatu tuntutan ke atas pemerintah. Walau bagaimanapun berdasarkan latar belakang sejarah Malaysia dan kedudukan ekonomi yang tidak seimbang dalam kalangan kaum di Malaysia sehingga kini⁵¹ maka hak-hak kaum Bumiputera khususnya hak-hak keistimewaan orang Melayu perlu diutamakan

⁴⁸ Lihat Ibn 'Abd al-Salam, *Qawa'id al-Ahkam fi Masalih al-Anam*, juz. 1, hlm. 86

⁴⁹ Lihat al-Shatibi, *al-Muwafaqat fi Usul al-Shari'ah*, juz. 2, hlm. 580, juz. 4, hlm. 555. Ibn 'Abd al-Salam, *Qawa'id al-Ahkam fi Masalih al-Anam*, juz. 1, hlm. 55.

⁵⁰ Lihat Ibn 'Abd al-Salam, *Qawa'id al-Ahkam fi Masalih al-Anam*, juz. 1, hlm. 55.

⁵¹ Lihat isu-isu ini dalam *Mingguan Malaysia*, Ahad, 15hb. Ogos 2004, hlm. 6, "Penguasaan Ekonomi Isunya," *Melayu Tidak Kisah Bangsa*, Ahad, 22hb. Ogos 2004, hlm. 6

dan dikekalkan sehingga kini. Jika Kerajaan bertindak menyamaratakan hak semua kaum di Malaysia maka sudah tentunya kaum Bumiputera khususnya orang Melayu tidak dapat menerimanya memandangkan mereka telah banyak bertolak ansur dengan mengorbankan sebahagian dari hak-hak asal mereka sebelum ini ketika menerima kaum lain sebagai warga negara Malaysia. Dalam hal ini tidak dapat dinafikan bahawa tindakan menghapuskan hak-hak keistimewaan orang-orang Melayu akan mengundang *mafsadah* yang besar iaitu ketidakseimbangan politik dan tidak mustahil boleh mencetuskan pergaduhan kaum sebagaimana berlaku dalam peristiwa 13 Mei 1969.

Jika dilihat kepada penguasaan ekonomi di Malaysia, sejak merdeka sehinggalah kini kaum bumiputera khususnya Melayu tidak mempunyai kelebihan bahkan ekonomi mereka paling mundur di Malaysia. Justeru itu asas persamaan yang cuba diambilkira untuk mengubah keadilan sosial tersebut tidak mewujudkan keadilan sejagat bahkan bakal mewujudkan ketidakstabilan ekonomi dan politik di Malaysia apabila kaum bumiputera yang rata-ratanya menjuari kemiskinan bertindak balas di atas ketidakadilan yang berlaku ke atas mereka. Pada asalnya tindakan menyamaratakan hak dalam kalangan kaum adalah untuk mencapai *masalah* iaitu keadilan dapat ditegakkan terhadap semua lapisan rakyat. Namun apabila tindakan tersebut boleh mengakibatkan kewujudan *mafsadah* yang lebih besar maka Kerajaan tidak boleh melaksanakannya. Dalam hal ini penolakan *mafsadah* diutamakan ke atas pencapaian *masalah* berasaskan pentarjihan terhadap risiko (*al-ma' al*) yang wujud⁵².

Sebenarnya jika kerasionalan akal digunakan secara seimbang maka kaum bukan Melayu mampu menerima hak-hak tersebut tersebut dengan lapang dada. Ini kerana manusia melalui akalnya cenderung kepada keadilan berbanding kezaliman, cenderung kepada kebenaran berbanding pembohongan, cenderung kepada kebaikan berbanding keburukan dan seumpamanya malah secara umumnya akal manusia cenderung kepada kesemua

⁵² Lihat Ridzwan Ahmad, *Metode Pentarjihan Masalah Dan Mafsadah Dalam Hukum Islam Semasa*, hlm. 133

kemuliaan berbanding yang berlawan dengannya dari kekejian⁵³. Tindakan mengekalkan hak keistimewaan Melayu berasaskan kedudukan ekonomi semasa adalah menepati apa yang dinyatakan oleh Ibn Abd al-salam iaitu *masalahah* golongan fakir miskin lebih utama didahulukan berbanding *masalahah* golongan kaya⁵⁴. Ini kerana ketiadaan bantuan ke atas golongan miskin akan membawa kemudaratkan ke atas mereka sedangkan orang kaya apabila kehilangan sesuatu peluang menambah kekayaan tidak akan menjadikan mereka sang sara sebagaimana sang saranya golongan miskin. Dalam hal ini kaedah pentarjihan iaitu mengutamakan *masalahah* yang membawa kesan lebih buruk apabila diabaikan ke atas *masalahah* yang kurang kesan buruknya perlu dihayati secara berterusan⁵⁵.

Semua bangsa di dunia ini menjadikan penguasaan ekonomi sebagai penanda aras sesuatu bangsa walaupun tidak menguasai politik negara. Perlu difahami hakikat di mana-mana sahaja negara di dunia ini bahawa sesebuah bangsa tidak mampu menguasai ekonomi sesebuah negara lebih-lebih lagi mereka adalah kaum minoriti jika dasar sesebuah negara tidak memberi hak keadilan kepada mereka. Justeru itu penguasaan ekonomi tidak mungkin berlaku berasaskan kecemerlangan sesuatu kaum sahaja jika tidak mendapat sokongan dan dokongan yang berterusan dari Kerajaan yang memerintah. Hal ini sewajarnya disedari dan difahami oleh semua kaum di Malaysia. Malah kaum bukan Melayu di Malaysia sewajarnya berterima kasih kepada sifat semula jadi bangsa Melayu yang amat menghormati kaum-kaum lain dan sentiasa bersifat lembut dan banyak bertolak ansur dengan mereka walaupun di tahap mengorbankan sebahagian hak mereka dalam sesetengah situasi.

Hakikat sebenar menunjukkan bahawa konsep parsamaan tidak pernah diterima pakai oleh Islam. Bahkan boleh dikatakan bahawa semua negara di dunia ini tidak beramal dengan konsep

⁵³ Najm al-Din al-Tufi, *Alam al-Jadhal fi'Ilm al-Jadal*, Wolfhart HeinrichS (edit.), Dar al-Nashr Franz Steiner, Wiesbaden, 1987M/1408H, hlm. 74

⁵⁴ Ibn 'Abd al-Salam, *Qawa'id al-Ahkam fi Masalih al-Anam*, juz. 1, hlm. 69

⁵⁵ Ridzwan, *Metode Pentarjihan Masalahah Dan Mafsadah Dalam Hukum Islam Semasa*, hlm. 112

persamaan dalam kalangan rakyatnya walaupun mereka melaungkan slogan tersebut. Justeru itu hak-hak keistimewaan Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan tidak berlawanan dengan maqasid al-Syari'ah bahkan ianya sejajar dengan kehendak asal Syarak yang terkandung dalam *kulliyat al-khams* iaitu memelihara agama, nyawa, keturunan, akal dan harta. Dari sudut tertegaknya keamanan sejagat pula konsep keadilan hakiki yang dipraktikkan melalui peruntukkan terhadap hak kaum bumiputera di Malaysia akan membawa kepada kestabilan ekonomi dan politik di Malaysia yang menjadi impian utama semua negara bangsa di dunia ini.

c) Perlaksanaan Hukuman Hudud

Isu pelaksanaan Hukuman Hudud dan Qisas tidak pernah terpadam dari minda umat Islam di Malaysia. Walaupun pada dasarnya umat Islam tidak dibenarkan mempertikaikan kewajipan pelaksanaan hukuman tersebut namun terdapat pihak yang masih membahaskan faktor dan bentuk kewajipan tersebut serta syarat-syaratnya. Hal ini berkisarkan permasalahan sama ada perintah pelaksanaan hukum Hudud itu berdasarkan hukuman yang regid bersandarkan *nass-nass* yang *qat'i*, tidak boleh diubahsuai ditambah dikurangi ataupun kewajipan tersebut lebih kepada *hikmah* mahupun *masalah* yang mendasarinya. Terdapat beberapa isu yang sering dikaitkan dengan pemakaian *masalah* dan *mafsadah* dalam pelaksanaan hukuman hudud di Malaysia. Di antaranya ialah masyarakat majmuk, kepentingan politik negara, kefahaman rakyat, kemantapan ekonomi dan sosial.

Masyarakat majmuk

Bagaimanakah pelaksanaan hukuman Hudud dan Qisas dapat dilaksanakan dalam sebuah negara yang mempunyai bilangan rakyat pelbagai kaum. Kalau dilihat di Malaysia komposisi masyarakatnya terdiri dari pelbagai kaum iaitu kaum Melayu, Cina dan India sebagai kaum terbesar di samping kaum-kaum lain. Apabila berbicara mengenai Undang-undang Islam di Malaysia, penulis dapati kebanyakan pihak akan melihat masyarakat majmuk sebagai hambatan utama seolah-olah tiada ruang langsung untuk

mengatasinya. Malah menurut Muhammad Qutb, masalah ini sentiasa diutarakan secara berterusan dan kebanyakan pihak menjauhkan diri dari memperkatakannya takut berlakunya fitnah di antara orang-orang Islam dan bukan Islam⁵⁶. Malah di Malaysia terdapat kajian yang menunjukkan bahawa masyarakat Cina sangat bimbang dengan isu ini. Mereka bimbang dipaksa menganut Islam, dikenakan hukum kesiksaan Islam ke atas mereka dan dipaksa tunduk kepada hukum Islam⁵⁷. Persoalannya di sini, mengapakah kaum bukan Islam dapat menerima Kanun Kesiksaan yang dipakai di Malaysia sekarang sedangkan undang-undang tersebut diimport dari Barat bukannya undang-undang agama mereka. Sebaliknya pula kita mendakwa golongan bukan Islam akan menentang jika Undang-undang Jenayah Islam dilaksanakan di Malaysia.

Realitinya masalah utama dalam perkara ini ialah berlakunya usaha tohmahan besar-besaran oleh musuh-musuh Islam terhadap Undang-undang Jenayah Islam yang menggambarkan gambaran yang salah dan negatif ke atas orang-orang bukan Islam. Islam dituduh tidak membenarkan umat bukan Islam di bawah pemerintahannya meneruskan kehidupan mulia yang sepatutnya diraih sebagai hak-hak kemanusiaan⁵⁸. Sejarah telah merakamkan bahawa orang-orang Islam tidak pernah menikmati keistimewaan sebagaimana dinikmati oleh golongan Yahudi dan Kristian dalam pentadbiran negara Islam⁵⁹. Hakikat ini diakui sendiri oleh beberapa cendekiawan Barat melalui beberapa penulisan mereka seperti Driver dan Th. Arnold⁶⁰. Semua tohmahan ini telah dibentangkan terlebih dahulu oleh Allah SWT dalam al-Quran⁶¹.

⁵⁶ Muhammad Qutb, *Shubhat Hawl al-Islam*, Maktabah Wahbah, Qaherah, 1964M, cetakan keenam, hlm. 176

⁵⁷ Lihat Hj. Razali Hj. Nawawi, *Hukum Kesiksaan Dalam Sistem Undang-undang Jenayah Islam* dalam Politik Hudud Sikap Kita, Biro Dakwah Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, Kuala Lumpur, 1992, cetakan pertama, hlm. 45

⁵⁸ Salih Ghanim al-Sadlan, *Wujub tatbiq al-Shari'ah al-Islamiyyah fi Kull 'Asr*, hlm. 229

⁵⁹ Al-Attar, *Tatbiq al-Shari'ah al-Islamiyyah fi al-'Alam al-Islami*, hlm. 29

⁶⁰ Th. Arnold seorang Orientalis Barat misalnya ada menyatakan "Sesungguhnya apabila kami melihat toleransi yang berpanjangan yang dilakukan oleh kaum muslimin terhadap pemeliharaan ke atas golongan Kristian pada awal pemerintahan Islam jelaslah kepada kami pemikiran bahawa pedang digunakan untuk mengubah manusia kepada Islam jauh dari kebenarannya" [Abd al-Hamid

Sesungguhnya masyarakat majmuk bukanlah menjadi penghalang mutlak. Allah SWT tidak menfardukan sesuatu yang tidak mampu dilakukan oleh hambaNya. Sebenarnya masalah utama ialah penyebaran penyelewengan kefahaman Islam terhadap golongan bukan Islam sehingga mereka berasa takut kepada undang-undang tersebut. Hukuman Hudud dan Qisas bukan sahaja bertujuan memelihara kemaslahatan umat Islam tetapi ianya merangkumi semua umat. Keunggulan dan keadilannya telah dibuktikan sejak zaman silam lagi dan ianya bukanlah suatu perundangan yang bersifat teori yang baru hendak diuji atau dicuba⁶², belum tentu berjaya atau tidak sebagaimana undang-undang ciptaan. Penulis dengan penuh optimis menyatakan bahawa jika kefahaman sebenar dilakukan terhadap golongan bukan Islam maka mereka tidak akan menentang undang-undang tersebut sebagaimana mereka tidak menentang sistem perbankan Islam pada masa kini. Persoalannya sejauh manakah usaha tersebut dilakukan oleh pihak yang bertanggungjawab dan sejauh manakah gambaran salah terhadap pelaksanaan hukuman Hudud dan Qisas dibanteras sehingga ke akar umbinya.

Sesungguhnya adalah lebih bijaksana hukuman Hudud dilaksanakan terlebih dahulu terhadap umat Islam jika umat bukan Islam tidak mahu menerimanya. Apabila kita meyakini hukuman Hudud berdasarkan pencapaian *maslahah* dan penolakan *mafsadah*

Mutawalli, *al-Shari'ah al-Islamiyyah ka Masdar Asasi li al-Dustur*, Mansha'at al-Ma'arif, Iskandariyyah, 1975, cetakan kedua, hlm. 83] Bandingkan apa yang dilakukan oleh Eropah apabila mereka menguasai Sepanyol, umat Islam telah dibunuh beramai-ramai dan mereka mengenakan undang-undang yang menyiksa sesiapa sahaja yang tidak sependapat dengan mereka sehingga membawa ketakutan yang besar kepada rakyat. Begitu juga ketika golongan Kristian menguasai Palastine mereka membunuh beramai-ramai umat Islam dan Yahudi. Fenomena yang masih boleh kita lihat ialah di beberapa negara komunis, kebebasan suara dan agama tidak diberikan sepenuhnya kepada rakyat. Adakah sejarah ada merakamkan kedurjanaan seumpama ini berlaku pada negara-negara Islam yang memerintah dengan pemerintahan Islam [lihat al-Attar, *Tatbiq al-Shari'ah al-Islamiyyah fi al-'Alam al-Islamiyyah*, hlm. 28]

⁶¹ Lihat misalnya Surat al-Baqarah (2): 256, Surat Yunus (10): 99, Surat al-Kahf (18): 29, Surat al-An'am (6): 112, Surat al-Ankabut (29): 46, Surat al-Nahl (16): 125, Surat al-Mumtahanah (60): 8 dan lain-lain

⁶² Lihat al-Sadlan, *Wujub al-Shari'ah al-Islamiyyah*, hlm. 74

terhadap manusia mengapa kita tidak melaksanakannya ke atas umat Islam terlebih dahulu. Mengapa hak-hak orang Islam dikesampingkan semata-mata meraikan hati dan perasaan umat bukan Islam yang tidak ada kena mengena dengan agama Islam. Perlu difahami bahawa di antara hak umat Islam yang diperintah oleh pemerintah Islam ialah pelaksanaan hukuman Hudud dan Qisas. Pemerintah Islam berkewajipan menunaikan hak tersebut⁶³. Kewajipan tersebut tidak mempunyai kaitan dengan hak bukan Islam sehingga mereka boleh campur tangan untuk membuat penentuan sama ada sesuai atau tidak dilaksanakan. Ironinya golongan bukan Islam dibenarkan memilih peraturan hidup agama mereka sendiri manakala peraturan agama Islam yang hendak dilaksanakan ke atas umat Islam sendiri terpaksa mengambil kira kehendak golongan bukan Islam. Bagaimana selepas ini jika rakyat bukan Islam di Malaysia mendakwa azan pada waktu subuh itu mengganggu keselesaan tidur mereka. Adakah azan tersebut juga terpaksa ditinggalkan demi memelihara keharmonian kaum dalam masyarakat berbilang kaum.

Sebenarnya hak itu pada asalnya berupa *masalah hakiki* yang termasuk dalam *maqasid al-shari'ah*. Apabila sesuatu hak itu tidak ditunaikan maka wujudlah pelbagai *mafsadah* walaupun akal manusia berasa selesa dengannya. Ini kerana *masalah* dan *mafsadah* tidak boleh wujud bersama dalam sesuatu *pentaklifan* Syarak. Adalah menjadi hak bagi umat Islam sekaliannya terhadap pemerintah melaksanakan undang-undang yang selari dengan kehendak akidah mereka iaitu Islam yang berupa cara hidup yang syumul. Pemerintah bukan sahaja wajib menunaikan hak bukan Islam tetapi hak umat Islam yang menjadi majoriti di bawah kekuasaannya wajib ditunaikan semampu mungkin. Apabila hak itu berupa *masalah* maka menunaikan hak dianggap melaksanakan *masalah*. Hal ini selari dengan kaedah *fiqh* yang berbunyi *تَصْرُفُ الْإِمَامِ عَلَى الرَّعِيَّةِ مَنْوُطٌ بِالْمَصْلَحَةِ*⁶⁴. Meraikan kehendak minoriti sehingga menafikan hak majoriti adalah berlawanan dengan kaedah pentarjihan

⁶³ Lihat Yusuf al-Qaradawi, *Malamih al-Mujtama' al-Muslim al-ladhi Nunshuduh*, Maktabah Wahbah, Qaherah, 1993M/1414H, cetakan pertama, hlm. 171; Al-Sadlan, *Wujub Tatbiq al-Shari'ah al-Islamiyyah*, hlm. 33

⁶⁴ Maksudnya: "Tindakan yang dilakukan oleh pemerintah terhadap rakyat hendaklah berdasarkan masalah" [al-Suyuti, *al-Ashbah wa al-Naza'ir*, Muhammad al-Mu'tasim bi Allah al-Baghdadi (edit.), Dar al-Kitab al-'Arabi, Beirut, 1987M/1407H, cetakan keempat, hlm. 233.]

di antara *masalah ammah* dengan *masalah khassah* iaitu diutamakan *masalah ammah* ke atas *masalah khassah*⁶⁵.

Permasalahan mengenakan hukuman Hudud ke atas golongan bukan Islam tidak perlu diperbesarkan ketika ini di Malaysia. Ini kerana persoalan tersebut masih diperdebatkan oleh para ulama silam sehingga kini. Pada dasarnya perlaksanaan hukuman Hudud berupa perintah Syarak. Apabila ianya *dinasskan* maka secara pastinya ianya mengandungi *masalah*⁶⁶ yang tidak perlu dipertikaikan lagi oleh seseorang Muslim itu. Namun ketika mana berhadapan dengan golongan bukan Islam kemungkinan mereka tidak mahu menerima hukuman tersebut walaupun setelah diberi penjelasan yang mencukupi maka bolehlah dielakkan perlaksanaan ke atas mereka. Penentangan golongan bukan Islam ke atas sesuatu dasar negara berupa *mafsadah* yang perlu dihindari secara bijaksana. Dalam menghadapi kontradiksi di antara *masalah* dengan *mafsadah* di antara pakej yang ditawarkan dalam membuat pentarjihan di antara keduanya apabila tidak dapat disatukan ialah dengan mengutarakan permuafakatan para ulama⁶⁷. Oleh itu boleh diamalkan pendapat yang mengecualikan golongan bukan Islam demi meraikan perbezaan pendapat yang wujud.

Maslahah dan mafsadah terhadap kepentingan politik negara

Sesetengah pihak menyeru agar dalam pelaksanaan hukuma hudud di Malaysia beberapa masalah tertentu khususnya berkaitan dengan kepentingan politik negara diberi keutamaan. Dalam konteks Malaysia, *masalah* utama ialah mempertahankan kuasa politik dan kepimpinan Islam di dalam pemerintahan dan pentadbiran Islam negara supaya terus kekal di tangan umat Islam. *Maslahah* ini dianggap oleh mereka sebagai paling ulung dan lebih utama dari pelaksanaan Undang-undang Jenayah Islam itu sendiri. Malah ada pihak yang menganggap keadaan politik di Malaysia menggambarkan keadaan umat Islam masih lemah

⁶⁵ Ridzwan Ahmad, *Metode Pentarjihan Masalah Dan Mafsadah Dalam Hukum Islam Semasa*, hlm. 111-112

⁶⁶ Lihat al-Razi, *al-Mahsul fi 'Ilm al-Usul*, Muhammad cAbd al-Qadir cAta' (edit.), Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut, 1999M/1420H, cetakan pertama, juz. 2, hlm. 288; al-Qarafi, *Nafa'is al-Usul fi Sharh a-Mahsul*, Muhammad 'Abd al-Qadir cAta (edit.), Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut, 2000M/1421H, cetakan pertama, juz.4, hlm.183 dan 204

⁶⁷ Lihat Ridzwan Ahmad, *Metode Pentarjihan Masalah Dan Mafsadah Dalam Hukum Islam Semasa*, hlm. 133

dan kurang berkemampuan justeru itu bagi mereka pelaksanaan Undang-undang Jenayah Islam dalam situasi seumpama ini akan melemahkan lagi umat Islam.

Sebenarnya dalam pelaksanaan hukuman Hudud, Syarak telah mengambil kira pelbagai aspek dalam meraikan *maslahah* dan menolak *mafsadah* termasuklah aspek politik. Perlu difahami dan diyakini secara mendalam bahawa penerimaan hukuman Hudud dan pelaksanaannya dalam sebuah negara Islam sekali gus termasuk di bawah *maslahah mu'tabarah* dan dianggap *maslahah qat'iyah* dan bukannya *maslahah zanniyyah* ataupun *maslahah wahmiyyah*. Ianya sejajar dengan *maqasid al-shari'ah* malah tidak termasuk di bawah *maslahah mursalah* sebagaimana difahami oleh sesetengah pihak. Manakala prosedur pelaksanaannya dan bagaimana melicinkan lagi pelaksanaannya terhadap masyarakat maka dalam hal ini termasuk di bawah *maslahah mursalah* ataupun dalam konteks politik pemerintahan diistilahkan sebagai *siyashah shar'iyah*.

Persoalan yang seharusnya dinilai terlebih dahulu untuk meletakkan *maslahah* terhadap kepentingan politik dalam konteks Malaysia sebagai lebih utama, adakah dengan tidak melaksanakan Undang-undang Jenayah Islam khususnya Hudud dan Qisas itu kuasa politik dan kepimpinan Islam pasti dapat terus kekal berada di tangan umat Islam. Apakah dengan melaksanakan Undang-undang Jenayah Islam penguasaan politik umat Islam akan tergugat dan apakah dengan tidak melaksanakannya setelah merdeka sehingga kini kuasa politik umat Islam semakin kuat. Apakah pelaksanaan Undang-undang Jenayah Islam boleh melemahkan kedudukan umat Islam manakala meninggalkannya dapat memperkukuhkan umat Islam. Dengan dakwaan terhadap perkara yang belum pernah dilakukan maka dakwaan tersebut berdasarkan sangkaan semata-mata. Maka jelaslah di sini *maslahah* yang dianggap lebih utama oleh pihak-pihak tertentu itu termasuk dalam *maslahah wahmiyyah* yang ditolak oleh Syarak.

Sebenarnya kelemahan umat Islam bukannya disebabkan mereka melaksanakan Syariat Allah SWT tetapi kerana meninggalkan Syariat Allah.⁶⁸ Hal ini sebgaimana yang dinyatakan oleh Sayyidina

⁶⁸ Sebagaimana dikatakan oleh Sayyidina 'Umar al-Khattab (إنا كما أذل قوم فأعزنا الله بالإسلام، (فمنهما نطلب العز بغير ما أنزل الله أذلنا الله)) maksudnya "Kita (dahulu) adalah satu kaum yang hina maka Allah telah memuliakan kita dengan Islam. Bila mana kita menuntut kemuliaan selain dari apa yang telah diturunkan oleh Allah maka Allah akan

'Umar al-Khattab iaitu (إنا كنا أدل قوم فأعزنا الله بالإسلام، فمهما نطلب العز بغير ما أنزل الله أدلنا الله), maksudnya "Kita (dahulu) adalah satu kaum yang hina maka Allah telah memuliakan kita dengan Islam. Bila mana kita menuntut kemuliaan selain dari apa yang telah diturunkan oleh Allah maka Allah akan menghinakan kita". Justeru itu di antara akibat dari dari melaksanakan undang-undang selain dari undang-undang Allah ialah berlakunya perpecahan, kelemahan, kemunduran kepada umat Islam begitu juga mereka akan dikuasai oleh umat bukan Islam dalam politik pemerintahan⁶⁹. Kita bimbangkan kuasa politik umat Islam akan terpinggir, sedangkan kuasa itu sebenarnya diberikan oleh Allah kepada sesiapa yang dikehendakiNya namun dalam waktu yang sama juga kita tidak menunaikan kewajipan yang diamanahkan olehNya kepada kita iaitu melaksanakan segala syariatNya. Maka kebimbangan ini tidak berasas sama sekali walaupun ia dianggap sebagai sebahagian *masalah* tetapi tidak sampai kepada *masalah qat'iyah* malah ianya termasuk di dalam *masalah wahmiyyah* yang ditolak pengiktirafannya oleh Syarak.

Masalah dan mafsadah terhadap kefahaman rakyat

Setengah pihak melihat kefahaman rakyat terhadap hukuman Hudud amat penting dan ianya seolah-olah dianggap syarat utama supaya kemaslahatan umat terjamin apabila undang-undang tersebut dilaksanakan. Mereka mendakwa adalah suatu kezaliman melaksanakan hukuman Hudud terhadap masyarakat yang belum lagi memahami undang-undang tersebut. Sebenarnya tidak ada sesiapa pun yang boleh memahami undang-undang Jenayah Islam secara mendalam atau detil melainkan ahli akademik yang berkecimpung khusus dalam bidang tersebut. Jika kefahaman biasa bahawa hukuman tersebut datangnya dari Allah dan wajib dilaksanakan oleh pemerintah Islam kerana ia membawa tercapainya *masalah* dan terhindarnya *mafsadah* dari manusia maka semua itu merupakan kefahaman yang wajib wujud pada setiap umat Islam dan dianggap sebagai *al-ma'lumah mi al-din bi al-darurah*. (pengetahuan asas yang wajib diketahui oleh setiap umat Islam).

menghinakan kita". [lihat 'Abd al-'Aziz Mustafa Kamil, *al-Hukm wa al-Tahakkum fi Khitab al-Wahy*, Dar al-Tayyibah, Riyad, 1995M/1415H, cetakan pertama, juz. 2, hlm. 741 dan 746]

⁶⁹ Lihat 'Abd al-'Aziz Mustafa Kamil, *al-Hukm wa al-Tahakkum fi Khitab al-Wahy*, Dar al-Tayyibah, Riyad, 1995M/1415H, cetakan pertama, juz. 2, hlm. 741 dan 746

Walau bagaimanapun tidak dapat dinafikan bahawa kejayaan sesuatu undang-undang terutamanya perundangan Islam itu amat bergantung kepada kefahaman dan keyakinan kepada undang-undang tersebut. Ini kerana hukuman Hudud hendak dilaksanakan ke atas masyarakat yang beriman. Masyarakat Islam yang telah terbiasa dengan Kanun Kesiksaan tajaan Barat perlu diberi ruang-ruang tertentu untuk memahami serba sedikit berkaitan dengan hukuman tersebut. Jika dilaksanakan dalam keadaan masyarakat tidak bersedia menerimanya ataupun menolak syiar Islam dan masih terpinga-pinga mengenai hukuman tersebut ditakuti matlamat sebenar yang dikehendaki tidak tercapai⁷⁰. Namun situasi tersebut tidak menghalang hukuman Hudud dari dilaksanakan buat selama-lamanya. Ianya mungkin mengambil masa sedikit untuk diperbetulkan.

Sebenarnya persoalan yang timbul di sini, jika masyarakat umat Islam khususnya di Malaysia masih dianggap jahil terhadap Undang-undang Jenayah Islam, siapakah yang bertanggungjawab untuk mengubah keadaan tersebut dan mengapakah mereka diselubungi kejahilan seumpama itu. Apakah kita tidak pernah mempersoalkan sehingga kini adakah semua lapisan masyarakat Malaysia memahami undang-undang sekular masa kini dan adakah persoalan kefahaman diambil kira ketika menerima pakai undang-undang tersebut. Hakikatnya kanun kesiksaan yang diterima pakai hari ini telah membentuk masyarakat menjadi jahil terhadap Hukum Hudud bukannya hudud itu sukar difahami.

Sesungguhnya pelaksanaan hukuman Hudud termasuk di dalam *masalah daruriyyah* manakala kefahaman rakyat terhadap undang-undang tersebut adalah *masalah tahsiniyyah*. Oleh itu hukuman hudud hendaklah dilaksanakan semampu mungkin di samping berusaha memberi kefahaman yang meluas terhadap rakyat melalui pelaksanaan tersebut. Aspek *mafsadah* iaitu ketidakfahaman terhadap hukuman tersebut adalah hasil dari berkekalannya Kanun Kesiksaan tajaan Barat diterima pakai di Malaysia. Untuk menghapuskan mafsadah tersebut sepenuhnya hukuman Hudud dan Qisas perlu dilaksanakan agar rakyat terdedah dengan aspek-aspek masalah yang terkandung dalam hukuman tersebut. Ini kerana sudah menjadi lumrah

⁷⁰ Lihat al-Sadlan, *Wujub Tatbiq al-Shari'ah al-Islamiyyah*, hlm. 306; Muhammad °Abd al-Ghaffar al-Sharif, *Buhuth Fiqhiyyah Mu'asirah*, Dar Ibn Hazm, Beirut, 1999M/1420H, cetakan pertama, hlm. 140

alam bahawa sesuatu hukuman tidak akan difahami semata-mata teori tanpa pelaksanaan. Oleh itu pendapat yang mengatakan Undang-undang Jenayah Islam tidak boleh dilaksanakan selagi pelaksanaan undang-undang berkenaan menimbulkan keraguan di kalangan masyarakat mengenai cara, tujuan dan sejauh manakah keberkesanan hukum tersebut dalam menegakkan keadilan adalah lemah sama sekali.

Masalah dan mafsadah terhadap kemandapan ekonomi dan sosial

Ada pihak yang melihat kemandapan ekonomi dan sosial adalah sebahagian dari kemaslahatan yang perlu dititikberatkan sebelum melaksanakan hukuman Hudud dan Qisas. Usaha pembersihan terhadap kerosakan masyarakat perlu dilakukan terlebih dahulu dan begitu juga mewujudkan kemandapan ekonomi supaya hukuman potong tangan dapat dilaksanakan. Mereka berpendapat adalah tidak adil dan bertentangan dengan *masalah 'ammah* jika hukuman Hudud dan Qisas dijalankan ke atas situasi rakyat yang masih bergelumang dengan kemaksiatan. Hal ini seolah-olah mengambil kesempatan ke atas mereka sedangkan falsafah undang-undang tersebut adalah untuk menghalang manusia dari mencero bohi hukuman tersebut dan bukannya semata-mata untuk menghukum penjenayah semata-mata. Oleh itu usaha memantapkan ekonomi dan memberi pentarbiahan ke atas rakyat perlu terlebih dahulu dilakukan sebelum dilaksanakan hukuman Hudud di Malaysia.

Jika Rasulullah SAW dapat melaksanakan hukuman Hudud dan Qisas dalam masyarakat umat Islam di Madinah ketika ekonominya masih dibelenggu oleh golongan saudagar Yahudi di manakah relevannya bagi sesetengah pihak yang mengaitkan ekonomi dan sosial sebagai prasyarat terhadap pelaksanaan hukuman Hudud dan Qisas di Malaysia. Oleh itu bagi penulis prasyarat seumpama itu tidak sewajarnya dikaitkan dengan pelaksanaan Undang-undang Jenayah Islam di Malaysia malah ianya tidak akan menjadi garis pengukur terhadap kejayaan ataupun kegagalan sesuatu undang-undang itu. Masalah kemiskinan, sosial dan sebagainya tidak akan selesai walaupun sehingga dunia kiamat. Program pendidikan dan pentarbiahan serta penghapusan kerosakan yang melanda masyarakat adalah agenda sepanjang hayat. Sempurna ataupun tidak program tersebut tidak menjadi penghalang kepada pelaksanaan undang-undang Allah di

muka bumi. Hakikat sebenar ialah masyarakat tidak akan menjadi baik kalau tidak ada undang-undang yang mengawal mereka.

Pelaksanaan hukuman Hudud dalam Islam bukannya bermakna menghukum penjenayah semata-mata tetapi ianya juga mendidik masyarakat dengan menutup segala pintu kemaksiatan agar masyarakat terhindar dari kesalahan tersebut⁷¹. Menurut ‘Abd al-Nasir Tawfiq al-‘Attar pendapat mengutamakan pembersihan kerosakan rakyat dan pemantapan ekonomi terlebih dahulu sebelum melaksanakan Undang-undang Jenayah Islam pada zahirnya menyokong pelaksanaan undang-undang tersebut tetapi pada hakikatnya adalah tipu muslihat yang dibuat untuk menghalang dari pelaksanaan Undang-undang Jenayah Islam. Ini kerana menurutnya pelaksanaan undang-undang Jenayah Islam itu sendiri merupakan pembersihan masyarakat dari kerosakan⁷².

Walau bagaimanapun ini bukan bermakna konsep *tadarruj* (pelaksanaan secara berperingkat-peringkat) tidak diterima pakai dalam undang-undang Islam malah *tadarruj* merupakan sebahagian dari penyempurnaan terhadap undang-undang tersebut. *Tadarruj* di sini adalah berkaitan dengan usaha memantapkan undang-undang tersebut dan bukannya menidakkan terhadap pelaksanaannya. Termasuklah *tadarruj* di sini mewujudkan beberapa infrastruktur yang berkaitan seperti memperkukuhkan kedudukan mahkamah syariah dan memantapkan sistem kehakiman bagi melicinkan pelaksanaannya terhadap rakyat. Walau bagaimanapun dengan tertegaknya Undang-undang Islam khususnya Undang-undang Jenayah Islam bukan bermakna segala-galanya selesai dan masyarakat menjadi baik dengan undang-undang itu sahaja tetapi hendaklah undang-undang itu dilaksanakan seiring dan sejalan dengan pentarbiahan dan pendidikan terhadap rakyat⁷³. Oleh itu di samping pelaksanaan Undang-undang

⁷¹ Sebagaimana kata Muhammad al-Ghazzali dalam hukuman zina: “Islam tidak memerangi zina dengan hukuman *hadd* semata-mata. Kalau Islam bertindak demikian sudah tentulah terhasilnya banyak kerosakan di setiap rumah. Islam meletakkan hukuman haram terhadap zina terlebih dahulu kemudian mendidik umatnya dari melakukan perbuatan tersebut”. [Muhamad al-Ghazzali, *Ma‘rakat al-Mushaf fi al-‘Alam al-Islami*, Dar al-Kutub al-Hadithah, Qaherah, cetakan pertama, 1966M, hlm. 313]

⁷² Al-Attar, *Tatbiq al-Shari‘ah al-Islamiyyah fi al-Alam al-Islamiyyah*, hlm. 26

⁷³ Lihat Yusuf al-Qaradawi, *fi Fiqh al-Awvaliyyat Dirasah Jadidah fi Daw’ al-Qur’an wa al-Sunnah*, Maktabah Wahbah, Qaherah, 1996M/1416H, cetakan kedua, hlm. 228

Jenayah Islam penekanan kepada pendidikan dan pentarbiahan perlu dilakukan oleh pemerintah terhadap rakyat. Namun perlu difahami jika hanya aspek pendidikan dan pentarbiahan sahaja dijalankan dengan mengetepikan pelaksanaan Undang-undang Jenayah Islam maka ianya tidak akan memberikan apa-apa makna kepada usaha untuk memperbaiki rakyat.

Perlaksanaan hukuman Hudud adalah sebahagian dari manifestasi kepada keimanan dan ketakwaan terhadap Allah s.w.t. Oleh itu orang beriman tidak perlu ragu dengan janji-janji Allah s.w.t. berkaitan permasalahan tersebut. Hukuman hudud bukannya dikhususkan untuk masyarakat yang kaya ataupun benar-benar mantap ekonomi dan sosialnya. Ini kerana di samping memelihara hak-hak orang kaya dan berada hukuman hudud juga memelihara semua golongan termasuk golongan miskin.

Penutup

Sebenarnya standard masalah dan mafsadah bukan bersumberkan akal semata-mata tetapi ia merupakan standard yang digubal berdasarkan sumber nas-nas Syarak yang berasaskan maqasid al-shari'ah. Justeru itu penguasaan terhadap standard tersebut amat penting dalam memelihara keabsahan dan ketepatan hukum yang diputuskan oleh para sarjana Islam. Dalam menangani isu hukum yang bersifat semasa dan setempat standard tersebut harus dijadikan sebagai garis panduan utama demi memastikan peranan akal dapat dijanakan sepenuhnya menepati kehendak asal Syarak. Dari sudut ketepatan pengamalan terhadap standard tersebut penguasaan mendalam terhadap ilmu usul al-fiqh dan *maqasid al-shari'ah* amat penting bahkan menjadi kayu ukur utama sama ada ianya digunapakai dengan cara yang betul ataupun sebaliknya. Sehubungan dengan itu adalah menjadi keperluan utama kepada para sarjana muslim tempatan menguasai kedua-dua ilmu tersebut dengan lebih mendalam sebelum menjadikan *maqasid al-shariah* sebagai panduan utama dalam menangani isu hukum Islam semasa dan setempat.

Salah Faham Terhadap Aplikasi Maqasid Al-Shari'ah Dalam Ijtihad Semasa

Abd. Rauf Muhammad Amin

Pendahuluan

Kajian mendalam dan komprehensif terhadap tindakan dan perilaku al-Syari dalam semua aspek hukum Islam menunjukkan bahawa penyariat hukum tidak hampa dari tujuan-tujuan yang ingin dicapai atau diwujudkan. Kerana itulah, semua pakar hukum Islam (kecuali golongan *al-Dzahiriyyah*)¹ samaada dari kalangan *usuliyyin* maupun *fuqaha* bersepakat bahawa setiap hukum pasti memiliki tujuan-tujuan tertentu. Tujuan-tujuan itu kemudian dinamakan dengan *Maqasid al-Syariah*. *Maqasid al-Syariah* merupakan isu sentral dalam kajian hukum Islam, dan kerananya, memiliki pengetahuan yang cukup mengenainya adalah sangat penting bagi seorang ulama terutama mujtahid dalam mengaktualisasikan hukum-hukum Islam. Dianggap penting kerana semua perangkat hukum Islam yang berupa dalil-dalil (*adillah*), *Nushūs* (teks-teks hukum), hukum-hukum (*Ahkām*), agar dapat digunakan dan bekerja dengan baik mesti sejalan dan bersesuaian dan dipastikan dapat mendukung terwujudnya *Maqasid al-Syariah*. Itulah sebabnya *Maqasid al-Syariah* menjadi isu sentral dalam kajian hukum Islam.

Berdasarkan remark di atas, maka setiap ijtihad atau fikih mesti selalu memperhitungkan *Maqasid al-Syariah* dalam setiap aktiviti dan tindakannya. Setiap ijtihad mesti sentiasa menghadirkan

¹ Beberapa ulama memandang termasuk al-Imam al-Juwaini bahawa terjadinya *ijma'* ulama tidak tergantung pada kesepakatan golongan al-Dzahiriyyah kerana penolakan *Ijma'* dari golongan al-Dzahiriyyah tidak dapat diambil kira untuk membatalkan *ijma* ulama. Alasannya ialah kerana al-Dzahiriyyah dianggap tidak memiliki *fiqh* dan ijtihad yang sebenar yang dapat diperhitungkan. Bagi sebagian besar ulama, berpegang teguh dengan *dzahir al-Nash* tidak dapat dikategorikan sebagai *fiqh*. Bahkan *jumhur* ulama menyatakan bahawa *fiqh al-Dzahiri* adalah *fiqh* yang lemah dan memiliki kekurangan. Sebahagian ulama bahkan ada yang mengatakan *fiqh al-Dzahiriyyah* adalah perkara baru yang muncul pada abad ketiga hijriyyah. Lihat, Ahmad al-Raisūni, *Muhādhharāt fī Maqāshid al-Syariah*, Kahera: Dār al-Kalimah, 2013. h.38.

dan memastikan terwujudnya Maqasid dalam proses memahami, menafsirkan dan menerapkan teks-teks hukum. Sebaliknya ijthad atau fiqh yang mengabaikan *Maqasid al-Ahkām* atau *al-Nushūsh* maka ijthad itu dapat dikatakan sebagai ijthad yang tidak *valid* atau *legal* dalam pandangan teori hukum Islam. Pada point inilah kita dapat memahami pentingnya kedudukan Maqasid al-Syariah dalam sistem hukum Islam. Ia bukanlah suatu perkara yang datang untuk menghapus atau melawan sistem hukum Islam baik itu teks-teks hukum, hukum itu sendiri maupun dalil-dalil hukum. Tapi ia dapat dinyatakan sebagai intisari sistem hukum Islam dan kerananya ia sangat penting untuk diambil kira dalam rangka menjaga orisinaliti atau validiti sistem hukum Islam. Prosedur inilah yang kemudian disebut dalam perkembangan hukum semasa dengan *al-Ijtihād al-Maqāshidi*. Ijthad ini dalam melakukan proses penggalan dan penetapan fiqh tidak hanya mengikuti kehendak dan tuntutan dzahir al-Nash, tetapi ijthad ini disamping melakukan itu ia juga berupaya mencari maksud dan tujuan di balik teks hukum yang sedang dikajinya berasaskan keyakinannya bahawa setiap teks mengandung maksud tertentu sepertimana yang sudah dikemukakan sebelumnya².

Pembacaan yang *syumul* terhadap sejarah hukum Islam menunjukkan bahawa ijthad yang berbasis *Maqasid al-Syariah* adalah sebuah pendekatan atau tipologi ijthad yang hidup subur pada masa-masa keemasan Islam, mulai zaman sahabat sampai pada masa sebelum gerakan pengkodifikasian ilmu Islam. Bahkan kedua sumber utama Islam telah meletakkan pondasi yang kuat bagi pendekatan ijthad ini. Berbagai hukum-hukum syara' dalam al-Quran dan Hadits tidak hanya disampaikan begitu sahaja tetapi juga diiringi dengan menyebutkan maksud-maksud yang ingin dicapai dari hukum-hukum yang dimaksud termasuk hukum-hukum ibadah yang utama yaitu ibadah shalat, puasa, zakat, dan haji. Meskipun ibadah-ibadah ini oleh para ulama dimasukkan dalam

² Karya ulama semasa yang cukup mewakili dalam mendiskripsikan ide dan gagasan *al-Ijtihād al-Maqāshidi* adalah Karya Nur al-Din al-Khādimi, *al-Ijtihād al-Maqāshidi: Hujjiyyatuhū, Dhawābituhū, Majālatuhū*: Qatar, Kitab al-Ummah. 1998; Ahmad al-Raisuni, *al-Fikr al-Maqāshidi: Qawāiduhū wa Fawāiduhū*. Maroko: Jarīdat al-Zaman. 1999.

kategori ibadah mahdhah yang ciri khasnya adalah *Ta'abbudi*³, namun al-Quran dengan sangat jelas memberi petunjuk mengenai tujuan-tujuannya atau maqāshidnya.

Berdasarkan fakta di atas, maka dapat dikatakan bahawa *al-Ijtihād al-Maqāshidi* merupakan project Islam yang cukup besar. Project ini diharapkan dapat menjawab berbagai cabaran-cabaran isu-isu semasa yang menyapa kehidupan umat Islam, begitu juga dapat memperbaiki citra hukum Islam dalam menghadapi dunia global yang serba mencabar. Oleh kerana itu, agar ia dapat bekerja dan berfungsi dengan benar dan tepat, ia mesti dikawal dengan benar dan ketat. Kalau tidak, pemikiran hukum Islam akan mengalami kerugian yang tidak dapat dijangkakan. Project ini boleh jadi gagal mencapai matlamatnya apabila ia tidak dijaga dan dipertahankan termasuk cabaran yang datang dari internal kelompok Islam itu sendiri. Pendekatan *Maqāsid al-Syariah*, kalau dilihat dari segi kekuatan legalitasnya, semestinya diterima oleh semua kalangan dari umat Islam. Namun kenyataannya project ini tetap saja ditolak oleh sebahagian kalangan Islam, baik dengan niat baik atau kerana tujuan-tujuan tertentu yang tidak dapat diketahui secara pasti. Bahkan penolakan mereka sudah sampai pada taraf tuduhan bahawa Ijtihad Maqāshidi akan menghantarkan kepada liberalisme dalam Islam, malah ada yang sudah menganggap pendekatan ini adalah pelecehan nyata terhadap Nash-nash syar'i yang konstant.

Artikel ini akan difokuskan untuk membincangkan kesalahpahaman yang berlaku terkait aplikasi *Maqasid al-Syariah* dalam hukum semasa. Ada dua kelompok besar dari kalangan Islam yang dapat dikesan sentiasa mengganggu lalu lintas pendekatan

³ *Ta'abbudi* ialah perkara hukum yang tidak dapat dijangkau oleh akal mengenai hikmah dan tujuannya. Sebaliknya *Ta'aqquli* ialah perkara hukum yang dapat dipahami oleh akal mengenai tujuan dan hikmahnya. Pakar hukum Islam menyatakan bahawa pada dasarnya hukum-hukum Islam adalah bersifat *Taaqquli* yang bermaksud bahawa akal diberi *aces* untuk mencari dan mengenali berbagai hikmah dan tujuan yang ada disebalik hukum-hukum itu. Ini bermaksud bahawa bila ada kemudian perkara-perkara hukum yang tidak dapat dijangkau oleh akal maka itu termasuk perkara yang dikecualikan kerana keterbatasa akal itu sendiri bukan kerana perkara itu ditutup oleh Allah bagi usaha untuk mengenalinya.

Maqāsid al-Syariah, yakni kelompok *dzhariyyah*⁴ dan kelompok Islam liberal. Kedua kelompok ini, pada kenyataannya telah melakukan kesalahan dalam isu Maqāsid al-Syariah. Menyangkut kelompok kedua, mereka telah membajak isu Maqāsid al-Syariah dan mengeksploitasinya untuk tujuan pelecehan hukum-hukum syara' yang qath'i. Maqāsid yang sejatinya untuk memperkokoh dan memperkuat kedudukan hukum-hukum syara', ditangan mereka hukum-hukum itu malah menjadi tidak berdaya.

Kedudukan dan Urgensi Ijtihad berbasis Maqasid dalam Ijtihad Semasa

Zaman yang sedang kita hidupi dan jalani saat ini sangatlah kompleks dan tidak sesederhana zaman turunnya wahyu dan zaman gerakan ijtihad masa lalu. Zaman kita disamping kompleks ia juga sangat rumit dan dinamis. Di sisi lain wahyu yang terkandung dalam al-Quran dan al-Sunnah sangat terbatas. Situasi seperti ini pada gilirannya, menjadikan kehidupan seorang muslim terpaksa mesti melakukan usaha sinkronisasi antara realiti wahyu yang terbatas dan realiti zaman yang dinamis. Pada point ini sebuah tugas besar segera menghadang ulama (mujtahid) Islam yakni bagaimana memastikan setiap prilaku yang dijalankan sudah sesuai dengan keinginan dan kehendak Allah. Ijtihad ulama yang merefer kepada spirit, semangat dan tujuan-tujuan luhur teks-teks suci itu adalah sangat penting dan sangat diperlukan. Dan inilah yang kita sebut sebagai *Ijtihad Maqāshidi*.

Kegiatan ijtihad seorang mujtahid, secara garis besar tidak terlepas dari dua poros utama, yakni ijtihad dalam rangka memahami/ menafsirkan dan mengaktualisasikan Nash (*al-Ijtihād fi Nithāq al-Nushūsh*). Yang kedua, ijtihad ntuk menetapkan hukum masalah-masalah yang sama sekali tidak disentuh oleh Nash (*al-Ijtihād fi Khārij Nithāq al-Nushūsh*)⁵. Pengetahuan yang mencukupi

⁴ Kelompok *al-Dzhariyyah* sering disebut sebagai kelompok fundamentalis, konservatif, tekstualis, skripturalis. Ada juga yang menjulukinya dengan *Nashshiyin*.

⁵ Tingkat kesulitan yang tidak normal yang kadang-kadang dihadapi oleh seorang mujtahid ialah apabila menerapkan tujuan Nash (*Maqashid al-Nash*) menghendaki atau berakibat kepada pengabaian arti dzahir kerana menggunakan arti dzahir

mengenai Maqāsid al-Syariah oleh seorang mujtahid sangat potensial untuk menjamin validiti ijtihadnya dalam dua poros itu. Dengan kata lain bahawa untuk mengukur kekuatan dan kelemahan sebuah ijtihad dapat dikesan melalui kemampuannya mengenal pasti kemudian mewujudkan apa sesungguhnya yang menjadi tujuan dari sebuah masalah hukum yang sedang dihadapi atau dikaji oleh seorang mujtahid. Kerana itulah, dapat dikatakan bahawa ijtihad yang berorientasi pada Maqāsid bukannya melecehkan teks tapi ia malah memperkokohnya. Teks dan hukum yang dikandungnya, bagi pendekatan ini memiliki *Maqshad/Maqshid* (tujuan) dan tidak boleh dipisahkan kerana ia adalah dua sisi mata uang.

Berdasarkan fakta diatas, maka urgensi ijtihad maqāshidi dapat dikesan pada dua point besar; pertama ialah pendekatan ini mampu menyegarkan hukum Islam kerana tidak perlu lagi tergantung pada teks-teks yang sangat terbatas dan yang kedua ia dapat memberi jaminan dan ketenangan bahawa keputusan atau ketetapan hukum yang telah diambil telah selaras dan sejalan dengan kehendak dan keinginan Allah swt.

Imam Ibn 'Āsyur telah merumuskan peran-peran yang dapat dimainkan oleh pengetahun *Maqasid al-Syariah* dalam proses pencarian, penggalian dan penetapan hukum Islam⁶.

Pertama, Peran *Maqasid al-Syariah* dalam memahami dan menafsirkan *Nushūs* (Teks-teks hukum).

Perlu ditegaskan bahawa peran ini hanya berlaku pada teks-teks yang dzanni dan tidak berlaku pada teks-teks qath'i. Peran ini bermaksud bahawa pengetahuan mengenai Maqāsid dapat mendrive perhatian seorang mujtahid agar ia dapat menentukan makna yang lebih sesuai dengan maksud teks dari makna-makna yang tersedia bagi teks dzanni yang dihadapinya. Bahkan kadang-kadang

dapat mengancam tidak terwujudnya maqshid Nash itu sendiri disebabkan masalah penerapan teks memiliki karakter yang spesifik yang tidak dimiliki masalah-masalah yang sama yang sudah terjadi sebelumnya.

⁶ Ibn āsyur, *Maqāsid al-Syariah al-Islāmiyyah*, Yordan: Dār al-Nafāis, 2001, hlm.183-184.

terpaksa melakukan takwil terhadap teks berkenaan dan mengalihkannya dari makna zahirnya apabila makna zahir itu menyalahi kehendak maqsidnya. Sebagai contoh misalnya, al-Quran menyatakan *al-Nafsu bi al-Nafsi*⁷. Berdasarkan makna dzahir ayat ini, seorang jiwa yang dibunuh maka tebusannya (qisas) adalah satu jiwa juga. Makna zahir ayat ini tidak dapat lagi dipertahankan apabila kesnya pembunuhan secara berombongan. Menurut zahir ayat tadi, pembunuh berombongan akan dibebaskan dari hukuman qisas. Tetapi apabila seorang mujtahid memahami bahawa memelihara jiwa merupakan salah satu tujuan hukum yang utama, maka ia akan mengutamakan tujuan hukum yang menghendakinya untuk memutuskan semua pembunuh akan dibunuh qisas kerana membunuh satu orang, daripada berpegang pada makna zahir ayat yang menghendaki satu jiwa kerana satu jiwa. Alasannya kalau mereka tidak diqisas maka artinya pemeliharaan jiwa manusia tidak akan tercapai, kerana pembunuhan akan mudah dilakukan orang hanya dengan berlindung pada pembunuhan secara berombongan. Inilah yang dimaksud pengetahuan maqasid berperan dalam memahami dan menafsirkan nash dengan benar.

Kedua, Peran *Maqasid al-Syariah* dalam melakukan kompromi atau tarjih antara teks-teks yang bertentangan.

Seorang mujtahid apabila ia ingin mengamalkan atau menerapkan sebuah dalil nash pada suatu masalah, maka hal pertama yang mesti ia lakukan ialah memastikan dalil yang ingin diterapkannya itu tidak ada dalil yang lain yang menggugatinya. Kontribusi Maqasid al-Syariah dalam hal ini dapat dilihat seperti berikut;

- a. Apabila dalil yang ingin digunakannya dalam sebuah kes memiliki konten yang sejalan dengan maqasid al-Syariah maka kemungkinan adanya dalil lain yang berbeza sangat kecil, dan dorongan untuk mencari dalil yang berbeza itu pun menjadi kecil. Begitu pun sebaliknya, kalau dalil yang ada di depannya tidak kuat kesesuaiannya dengan maqasid al-syariah, maka besar kemungkinan ada dalil lain yang menentanginya.

⁷ QS al-Maidah ayat 45.

- b. Setelah seorang mujtahid mencari lalu tidak menemukan dalil nash yang dapat menggugat dalil nash yang ada padanya, maka apabila dalil nash yang ada padanya memiliki konten yang sesuai dengan maqasid maka itu membuatnya menjadi tenang dan percaya diri bahawa tidak ada memang dalil lain yang menggugat dalilnya, begitu pun sebaliknya.
- c. Apabila ia menemukan dalil yang berbeza dengan dalil yang sudah ada, maka ia mesti mengutamakan dalil yang sesuai bahkan potensial mewujudkan maqasid daripada dalil yang tidak sesuai dan tidak dapat mewujudkan maqasid⁸.

Ketiga, Peran *Maqasid al-Syariah* dalam penentuan illat-illat hukum dalam rangka melakukan qiyas. Memahami peran Maqasid al-Syariah dalam konteks ini sangat mudah dan tidak susah, kerana hubungan yang sangat erat antara illat dan maqsid. Pengetahuan yang mantap mengenai Maqasid al-Syariah akan sangat membantu menentukan illat bagi sebuah hukum. Peran ini menghendaki bahawa sifat yang akan dijadikan atau ditentukan sebagai illat hendaknya tidak hanya ia merupakan perkara yang jelas dan terukur tapi ia juga mesti dapat mewujudkan kemaslahatan atau menghindarkan kemudaratan. Kenyataan ini misalnya dapat dilihat terutama pada metod “ al-Munāsabah” sebagai suatu cara menentukan illat. Hubungan metod “al-Munāsabah” dengan Maqāsid digambarkan oleh imam al-Zarkasyi dengan “ Yang dimaksud dengan *al-Munāsabah* ialah *al-Ikhālah*, *al-Mashlahah*, *al-Istidlāl* dan memelihara *Maqāsid al-Syariah*⁹.

Keempat, Peran *Maqasid al-Syariah* dalam penetapan hukum masalah-masalah baru yang tidak dapat ditentukan melalui qiyas.

Dalam bidang inilah seorang mujtahid lebih memerlukan pengetahuan Maqasid dibanding dengan bidang-bidang lain.

⁸ Lihat Ibnu ‘Asyur, *Maqāshid al-Syariah al-Islamiyyah*, h. 183, Nu‘man Jugaim, *Thuruq al-Kasyf ‘an Maqāsid al-Syāri’*, Yordan: Dār al-Nafāis, h. 143; Abd. Rauf Muhammad Amin, *al-Ijtihād fi Dhau Maqāsid al-Syariah: Malāmih wa Dhawābith*, Brunei Darussalam, Penerbitan KUPU, 2013, h. 357.

⁹ Al-Zarkasyi, *al-Bahr al-Muhīth*, Kairo: Dār al-Kutbi, 1994. vol.7 h. 262.

Pengetahuan yang cukup yang dimilikinya mengenai Maqasid akan sangat membantunya menyelesaikan berbagai masalah-masalah hukum semasa yang sulit ditemukan linknya ke Nash-nash syar 'i maupun qiyas. Setiap tindakan atau masalah hukum yang tidak ada dasarnya dalam teks hukum secara langsung atau qiyas, tapi dapat mendatangkan atau mewujudkan kemaslahatan maupun menghindarkan kemudharatan, maka perkara itu mesti dipertimbangkan oleh mujtahid. Namun hal penting yang perlu dicatat ialah mashlahah dan kemudharatan yang menjadi pertimbangan itu tetap mesti dilegitimasi oleh kesesuaiannya dengan Maqasid al-Syariah. Kerana setiap mashlahah yang tidak sejalan dengan Maqasid adalah mashlahah illegal dan kerananya mesti ditolak.

Kemestian adanya proses penyesuaian antara mashlahah dengan maqasid al-Syariah adalah perkara yang ditekankan oleh banyak *fuqaha* dan *ushuliyyun*. Imam al-Gazali misalnya mengatakan, mashlahah itu apabila kita sepakat mengartikannya dengan memelihara maqasid al-Syariah maka tidak sepatutnya ada perbezaan pandangan mengenainya bahkan mesti diyakini ianya sebagai hujjah¹⁰.

Kelima, Peran *Maqasid al-Syariah* dalam mempersempit wilayah hukum-hukum *Ta'abbudi*.

Peran Maqasid al-Syariah disini dibangun atas sebuah prinsip dasar dalam teori hukum Islam sepertimana sudah disingguh di awal secara umum bahawa pada dasarnya prinsip "rasionalisasi¹¹" itu berlaku pada hukum-hukum syara' samada pada bidang ibadah

¹⁰ Imam al-Gazali, *al-Mustashfa*, Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiah, 1413 H, h. 179; Keterangan lebih detil mengenai kode etik-kode etik mashlahah lihat al-Buthi, *Dhawābith al-Mashlahah*, Beirut: Muassasah al-Risalah, 1992. h. 110.

¹¹ Yang dimaksud dengan rasionalisasi di sini ialah upaya seorang mujtahid untuk mencari, menemukan kemudian menetapkan faktor apa yang mendorong al-Syari' dalam pensyariatian sebuah hukum atau menetapkan apa tujuan di balik pensyariatian sebuah hukum. Rasionalisasi adalah terjemahan sederhana dari terma " *al-Ta'lil*" atau " *al-Taqshiid*".

mahupun muamalah. Prinsip “*Irrasional*”¹² hanya berlaku pada isu-isu yang memang punya karakter atau sifat yang tidak dapat ditembus oleh akal samada pada bidang ibadah mahupun bidang muamalat.

Kerana itulah, seorang mujtahid yang memiliki pengetahuan yang mendalam dan komprehensif mengenai maqasid al-syariah sangat memungkinkan baginya dengan modal pengetahuan itu untuk dapat menetapkan illat-illat hukum-hukum yang bagi sebahagian ulama adalah irrasional. Bahkan ia mampu dengan pengetahuan itu menghilangkan asumsi sifat irrasional sebahagian hadis-hadis Nabi.¹³ Kerana itu pulalah dapat ditegaskan bahawa semakin tinggi dan dalam pengetahuan seorang mujtahid mengenai maqasid al-Syariah maka semakin sempit domain *Ta’abbudi* bagi dirinya meskipun ulama lain belum sampai pada taraf yang sama. Maka dengan demikian, ia selalu terdorong untuk melakukan penyelidikan berterusan untuk menemukan illat melalui cara-cara yang telah digariskan dan dirumuskan oleh para ulama dalam literatur-literatur ushul fiqhi¹⁴.

Berdasarkan fakta diatas, maka Maqāsīd al-Syariah adalah instrument yang sangat penting dan tidak dapat diabaikan dalam proses ijtihad dalam semua bentuknya. Disamping kerana perannya sangat strategis, ia juga dapat membantu memahami berbagai hikmah yang ada dalam sistem hukum Islam dan dapat menyelesaikan berbagai persoalan samasa dengan mudah.

Kesalahpahaman terhadap ijtihad berbasis Maqasid

Kesalahpahaman yang terjadi mengenai aplikasi *ijtihad maqāsidi* terutama dalam isu kontemporari disebabkan oleh banyak faktor. Namun pada kenyataannya, faktor itu berpunca pada suatu point kesalahan besar yakni menganggap *Maqāsīd* itu adalah lawan dari

¹² Ialah perkara-perkara hukum yang tidak dapat ditembus oleh akal mengenai apa faktor yang mendorong pensyariatannya atau apa tujuan di balik pensyariatannya. Irrasional terjemahan sederhana dari terma “ *al-Ta’abbud*”

¹³ Lihat Ibn ‘Asyur, *Maqāsīd al-Syariah al-Islamiyyah*, h.187.

¹⁴ Ada dua lagi peran pengetahuan maqasid al-Syariah yang disebut Ibnu ‘Asyur di tempat lain. Lihat Ibn ‘Asyur, *Maqāsīd al-Syariah al-Islamiyyah*, h. 188;

Nash dan ia hadir dari dunia lain jauh dari Nash-nash Syar'i sehingga ia dapat bekerja sendiri tanpa mengindahkan dalil-dalil yang lain. Padahal realiti yang sebenar ialah Maqāsid itu sebuah esensi-esensi yang diperolehi melalui berbagai penyelidikan terhadap pelbagai nash-nash syar'i. Begitu pula ia merupakan esensi yang menjadi tumpuan yang dikandung oleh berbagai dalil-dalil syar'i.

Kesalahpahaman ini tidak hanya terjadi pada masa ini, tetapi ketika al-Syātibi menulis pemikiran dan gagasannya tentang ilmu ini, ia sudah menyebut dua kelompok yang tidak sejalan dengan project ini. Yang pertama adalah kelompok penggugat, ialah kelompok *al-Dzhariyyah* dan yang kedua kelompok eksploitatif yakni kelompok *al-Bāthiniyyah*. Kedua kelompok ini kemudian berkembang sampai saat ini. Kelompok kedua direpresentasikan oleh kelompok liberal dari kalangan Islam dan yang pertama diwakili oleh kelompok tekstualis yang memiliki trend memahami dan mengaplikasikan teks-teks hukum berdasarkan makna dzahir dari teks itu¹⁵.

A. Kelompok Tekstual

Kelompok ini tidak pernah berhenti untuk mempengaruhi wacana Islam agar isu *Maqāsid al-Syariah* tidak mendapat tempat di hati umat Islam pada umumnya dan para pemerhati pemikiran Islam khususnya. Untuk mendistorsi project ini mereka selalu menggunakan statemen-statemen provokatif agar umat Islam membenci project ini. Kemungkinan lain dari munculnya kelompok ini ialah adanya kekhawatiran yang berlebihan yang dipicu oleh semangat keagamaan yang berlebihan pula terhadap sebarang perkara baru yang muncul dalam dunia pemikiran Islam dan boleh jadi juga dikeranakan oleh kecurigaan yang wajar yang dipicu oleh penyalahgunaan Maqāsid al-Syariah oleh orang-orang yang menekuni bidang ini tanpa batas. Bagi mereka, ada beberapa pertanyaan -sekaligus

¹⁵ Lihat al-Syāthibi, *al-Muwāfaqāt*, Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1992. 2/391; Abdul Majid al-Najjār, *Masālik al-Kasyf 'an Maqāsid al-Syāriah baina al-Syātibi wa Ibnī 'āsyūr*, *Thuruq al-Kasyf 'an Maqāsid al-Syāri'* Lubnan: Dār al-Garb al-Islami, 1992. h. 144; Nur al-Din al-Khādami, *Al-Ijtihād al-Maqāshidhi*, 2/24.

sebagai bentuk kekeliruan- yang selalu mengganjal dalam pikiran mereka terkait metod ijthad maqasidi seperti berikut;

1. Mengadopsi metod Maqasid kemudian merasionalkan hukum-hukum Islam berdasarkan maqasid akan berujung pada reinterpretasi teks-teks keagamaan berbeda dengan tafsiran-tafsiran yang sudah baku.
2. Ijthad Maqasidi akan berakibat pada pengabaian nash-nash hukum serta terlepas dari kekuasaannya kerana sudah merasa cukup dengan Maqasid dan mashlahah sepertimana yang sudah terbukti oleh sebahagian penulis, pemikir dan mufti yang sangat terpengaruh dengan metod Maqasid.
3. Propaganda Ijthad Maqasidi akan berujung pada penghapusan hasil ijthad (fikah) ulama-ulama terdahulu.
4. Propaganda massif terhadap metod ijthad ini kepada umat Islam seluas-luasnya akan menciptakan kekacauan keberagamaan umat Islam.¹⁶

Meskipun kekhawatiran dan kecurigaan ini terasa cukup berlebihan, tapi ia juga dapat dimaklumi dan cukup beralasan. Hal ini terjadi kerana medan kajian ini banyak diamalkan oleh kelompok yang bukan bidangnya, atau bidangnya tapi tidak *qualified*. Bahkan dieksploitasi oleh orang-orang yang memiliki tujuan buruk dan mendistorsi citra fiqhi Islam. Kerananya, kita seringkali disuguhkan oleh mereka fatwa-fatwa dan pandangan-pandangan yang nyeleneh dan sangat aneh yang-menurut mereka-dibangun diatas Maqāsīd al-Syariah. Kenyataan inilah kemudian yang memunculkan sebuah stigma buruk bagi umat Islam secara massif bahawa ijthad atau fatwa yang maqasidi adalah ijthad yang memiliki ciri khas atau karakter yang melampaui atau meminggirkan nash-nash syar'i. Bahkan ada yang lebih parah yakni terjadinya stigma bahawa ijthad Maqasidi adalah ijthad yang dapat membebaskan seorang muslim dari kewajiban-kewajiban agama dan membolehkan untuk melakukan hal-hal yang haram¹⁷.

¹⁶ Lihat Ahmad al-Raisuni, *Maqāsīd al-Maqāsīd: al-Gāyāt al-'Ilmiyyah wa al-'Amaliyya li Maqāsīd al-Syariah*, Beirut: al-Syabakat al-'Arabiyyah li al-Abhāts wa al-Nasyr. 2013, hlm. 4-5.

¹⁷ Lihat ibid, hlm. 5.

Setelah memaparkan kesalahpahaman kelompok tekstualis terhadap aplikasi *Maqasid al-Syariah*, kita dapat mengemukakan counter terhadap kekhawatiran dan kecurigaan mereka dengan mengemukakan esensi dan hakikat *Maqasid al-Syariah* serta cara kerjanya guna mencari persamaan persepsi mengenaiya agar ia tidak disalahpahami lagi yang dapat menghambat bagi kemajuan metod ini.

Keperluan ijtihadh/fikah terhadap Maqasid al-Syariah

Secara umum, suatu perkara penting yang tidak diketahui apa tujuan di sebaliknya, dan tidak mempertimbangkan tujuan itu ketika perkara itu dijalankan atau digunakan, maka akan kehilangan esensi, manfaat dan faedahnya. Kerana pentingnya sebuah tujuan, al-Syatibi menekankan bahawa "*Tujuan itu adalah ruh sebuah pekerjaan*".¹⁸

Dr. Ahmad al-Raisuni, seorang ulama kontemporari yang memiliki concern yang sangat tinggi terhadap isu *Maqasid* dan banyak menulis karya yang cukup berarti di bidang ini mengartikulasikan statemen al-Syatibi diatas sebagai berikut;

"Statement ini tidak hanya berlaku pada maksud-maksud mukallaf dan perbuatannya, tetapi berlaku umum untuk semua bidang. Ruh al-Quran itu ialah maksudnya, ruh al-Sunnah itu adalah maksudnya, ruh hukum-hukum syara' itu ialah tujuan-tujuannya, dan ruh keberagamaan itu ada pada tujuan-tujuannya dan mewujudkan tujuan-tujuan itu. Maka dari itu, fikah yang tidak memiliki/memperhatikan tujuan adalah fikih yang tidak punya ruh. Seorang faqih yang tidak memiliki tujuan adalah faqih yang tidak punya ruh, untuk tidak mengatakan ia bukan seorang faqih. Seseorang yang beragama tidak punya tujuan maka keberagamaannya tidak memiliki ruh. Pendakwah yang tidak mempunyai tujuan-tujuan, ia adalah pendakwa yang tidak memiliki ruh. Sangatlah jelas bagi setiap orang bahawa perbezaan antara sesuatu yang memiliki ruh dan perkara yang kehilangan ruh adalah perbezaan sangat esensial dan substansial.

¹⁸ Al-Syatibi, al-Muwafaqat, 2/344.

Berdasarkan hal ini, maka suatu fakta yang tidak dapat dielakkan ialah kepastian menerima suatu perkara dengan ruh dan maksudnya, begitu pula kemestian memahami dan mengamalkan hukum-hukum syara' berdasarkan maksud dan tujuannya¹⁹.

Pada kenyataannya, substansi ijtihad Maqāsidi memang sangat luhur dan mulia. Namun demikian merambah jalan ke substansi ini cukup susah dan melelahkan, bahkan penuh dengan kesusahan dan kesulitan yang cukup mencabar. Walau bagaimanapun cabaran-cabaran itu tidak bulih menjadi alasan untuk memberhentikan dan menganggapnya sebagai sesuatu yang illegal, sepertimana yang diinginkan oleh kalangan dzahiriyyin. Kerana itu, sesuatu teori atau konsep yang diyakini benar tidak boleh dihapuskan hanya kerana ada beberapa penerapan yang tidak tepat dan benar terhadap teori atau konsep berkenaan. Yang mesti dilakukan ialah membimbing penerapan-penerapan itu ke arah yang benar dengan menunjukkan aturan-aturan baku dan valid mengenai penerapannya.

Relasi Ideal antara Teks dan Maqāsīd

Secara faktual, isu yang paling rumit dan krusial dalam isu Maqasid ialah bagaimana cara yang tepat menyesuaikan antara teks dan maksudnya. Bukan hanya dalam proses ijtihad tetapi kerumitan ini berlaku pada semua lini studi Islam dengan menggunakan terma-terma yang berbeda, misalnya antara akal dan naql, antara wahyu dan ijtihad dan antara agama dengan realiti dan sebagainya.

Projek Maqāsīd al-Syariah sangat potensial mengalami keberhasilan tertakluk pada kesuksesannya menjelaskan dengan kemas hubungan atau relasi antara keduanya. Dengan sendirinya kelompok yang awalnya curiga dapat dengan mudah menerimanya setelah mereka merasa aman terhadap eksistensi dan kelestarian teks-teks hukum.

Isu penyesuaian nash dengan masalah (maqasid) bukan isu baru, bahkan sudah memicu perdebatan sejak lama lagi dalam

¹⁹ Ahmad al-Raisuni, *Maqāsīd al-Maqāsīd*, hlm.5.

sejarah pemikiran hukum Islam. Isu ini kemudian memicu munculnya tiga sikap yang berbeza. Pertama, pandangan jumbuh ulama, dan yang kedua, kelompok tekstualis sementara yang ketiga pandangan al-Tufi.

Jumbuh ulama memiliki pandangan yang menetapkan kemestian antara lafaz dan makna, antara makna tersurat dan maksud yang tersirat berjalan selaras, sehingga keduanya dapat difungsikan dan diamalkan. Apa bila terjadi pertentangan maka yang lebih kuat hujjah dan *dalalah*-nya diutamakan di semua kes sambil merujuk kepada nash-nash yang lain atau kepada kaedah-kaedah syara' untuk memperkuat satu makna atas makna yang lain. Kelompok dzahiri memiliki ciri yang mengutamakan makna literal nash-nash syar'i dan menolak segala bentuk takwil, ta'lil dan mengabaikan kemaslahatan. Sementara al-Thufi, menurut hasil analisis al-Raisuni, tampaknya tidak beza dengan pandangan sebahagian ulama jumbuh mengenai kebolehan men-*takhsis* atau men-*taqyid* nash-nash syar'i. Yang membezakan al-Thufi dari mereka ialah al-Thufi memberi diskripsi berlebihan mengenai asumsinya tentang pertentangan nash dengan mashlahah dan pendapatnya yang mengutamakan mashlahah atas nash. Tetapi tesisnya yang paling buruk ialah penekanannya bahawa nash-nash itu saling bertentangan dan merupakan pemicu terjadinya perbezaan pendapat yang dicela oleh Islam sementara mashlahah merupakan esensi yang sejati yang tidak diperselisihkan dan ia menjadi punca kesepakatan.²⁰

B. Kelompok Liberal

Kelompok ini tidak jarang menggunakan Maqāsid al-Syariah sebagai topeng untuk meloloskan project liberalisme di dunia Islam. Mereka juga seringkali dengan sengaja mengatasnamakan Imam al-Syatibi dalam menggambarkan dan membenarkan gagasan liberalismenya. Ahmad al-Raisuni memiliki diskripsi yang cukup menarik mengenai kelompok ini. Ia mengatakan sebagai berikut;

²⁰ Lihat Ahmad al-Raisuni, *Muhādharāt fi Maqāsid al-Syariah*, hlm.241-242.

“Dulu, ada kelompok yang disebut “al-Bathiniyyah” seperti “Ikhwan al-Shafa” yang mempunyai kebiasaan melakukan penakwilan segala bentuk teks dan memutar balik segalanya. Semuanya itu dilakukannya tanpa ada sandaran dalil apapun. Hari ini, ada kelompok yang disebut oleh Syekh al-Qaradawi sebagai “Jaringan al-Thufi moden”, namun saya menganggap al-Thufi terbebas dari mereka. Kerana mereka ini sesungguhnya sama sekali tidak memberi tempat (pengakuan) sedikit pun terhadap teks-teks syar’i (Nushus) itu, bahkan mereka berusaha agar nushus itu dapat dinon fungsikan atas nama “mashlahah”. Bahkan diantara mereka sudah ada yang menolak dengan sangat jelas “supremasi teks” dan mengajak orang ramai agar terbebas dari supremasi itu²¹.

Berikut slogan dan cirikhas kesalahpahaman kaum liberalis dalam memahami dan mengaplikasi Maqāsid al-Syarīah.

a. Mendiskreditkan nilai nash-nash.

Mereka ingin bahkan mendorong agar dalam ijtihad atau memproduk pemikiran keagamaan Islam, semestinya kita terbebas dari nash-nash partikular (*Nushūsh Juziyyah*) kemudian hanya mengikatkan diri dengan Maqāsid al-Syariah (ide-ide moral). Bahkan, bagi mereka, apabila teks-teks partikular (*Nushus Juziyyah*) bertentangan dengan Maqasid al-Syariah, maka teks itu ditolak dan diabaikan kemudian berfokus pada maqāsid al-Syarīah. Realitanya di lapangan, kelompok liberal dengan sangat mudah membuang teks-teks hukum hanya kerana berdasarkan asumsi belaka tanpa melalui penyelidikan yang komprehensif.

Al-Syatibi, tampaknya memiliki perasaan akan munculnya kesalahan ini, dengan demikian, ia kemudian membantahnya.

كما أن من أخذ بالجزئي معرضا عن كليهِ؛ فهو مخطئ، كذلك من
أخذ بالكلي معرضا عن جزئيه.

²¹ Lihat Ahmad al-Raisuni, *Muhādarāt*, hlm.244.

أن الكلي لا يعتبر بإطلاقه دون اعتبار الجزئي، وهذا كله يؤكد لك أن المطلوب المحافظة على قصد الشارع؛ لأن الكلي إنما ترجع حقيقته إلى ذلك، الجزئي كذلك أيضا؛ فلا بد من اعتبارهما معا في كل مسألة.

فالجزئيات مقصودة معتبرة في إقامة الكلي

أن الجزئيات داخله مدخل الكليات في الطلب والمحافظة عليها.

أن الجزئيات لو لم تكن معتبرة مقصودة في إقامة الكلي لم يصح الأمر بالكلي من أصله

فإذا ثبت بالاستقراء قاعدة كلية ثم أتى النص على جزئي يخالف القاعدة بوجه من وجوه المخالفة فلا بد من الجمع في النظر بينهما لأن الشارع لم ينص على ذلك الجزئي إلا مع الحفظ على تلك القواعد إذ كلية هذا معلومة ضرورة بعد الإحاطة بمقاصد الشريعة فلا يمكن والحالة هذه أن تخرم القواعد بإلغاء ما اعتبره الشارع وإذا ثبت هذا لم يمكن أن يعتبر الكلي ويلغى الجزئي.

b. Membuka lebar-lebar wilayah kemashlahatan dunia.

Mereka mengeksploitasi isu Maqasid untuk mengenyampingkan kemaslahatan agama (akhirat). Klaim ini juga tidak lepas dari pantauan al-Syatibi. Ia menegaskan dengan statemen yang jelas bahawa konsep maqasid yang ia kembangkan bukan sama sekali membuka lebar masalah dunia meskipun merugikan mashlahah akhirat.

المصالح المحتملة شرعا والمفاسد المستدفةة إنما تعتبر من حيث تقام الحياة الدنيا للحياة الأخرى لا من حيث أهواء النفوس في جلب مصالحها العادية أو درء مفاسدها العادية والدليل على ذلك

أن الشريعة إنما جاءت لتخرج المكلفين عن دواعي أهوائهم حتى يكونوا عبادا لله وهذا المعنى إذا ثبت لا يجتمع مع فرض أن يكون وضع الشريعة على وفق أهواء النفوس وطلب منافعها العاجلة كيف كانت²².

واعتبار الدين مقدم على اعتبار النفس وغيرها في نظر الشرع²³ وجدنا الدين أعظم الأشياء، ولذلك يهمل في جانبه النفس والمال وغيرهما²⁴

c. Memperluas Otoriti Akal dalam Ijtihad.

Al-Syatibi memiliki statement yang sangat tajam membantah klaim ini. Ia malah memberi supremasi nash ke atas akal. Ia juga sangat meragukan kemampuan akal mengetahui mashlahah secara detail.

إذا تعاضد النقل والعقل على المسائل الشرعية؛ فعلى شرط أن يتقدم النقل فيكون متبوعا، ويتأخر العقل فيكون تابعا، فلا يسرح العقل في مجال النظر إلا بقدر ما يسرحه النقل²⁵ فالعادة تحيل استقلال العقول في الدنيا بإدراك مصالحها ومفاسدها على التفصيل، اللهم إلا أن يريد²⁶ هذا القائل أن المعرفة بما تحصل بالتجارب وغيرها، بعد وضع الشرع أصولها، فذلك لا نزاع فيه²⁶.

d. Melepaskan diri dari Prinsip “Saddu al-Dzariah”.

وسد الذرائع مطلوب مشروع، وهو أصل من الأصول القطعية في الشرع²⁷

²² Al-Syatibi, *al-Muwafaqāt* 2/28.

²³ Ibid, 2/265.

²⁴ Ibid, 2/511.

²⁵ Ibid, 1/125.

²⁶ Ibid, 2/78.

e. **Memperkecil Peran Dalil-dalil Syara’.**

ويطلق أيضاً لفظ السنة على ما عمل عليه الصحابة، وجد ذلك في الكتاب أو السنة أو لم يوجد؛ لكونه اتباعاً لسنة ثبتت عندهم لم تنقل إلينا، أو اجتهاداً مجتمعاً عليه منهم أو من خلفائهم؛ فإن إجماعهم إجماع، وعمل خلفائهم راجع أيضاً إلى حقيقة الإجماع من جهة حمل الناس عليه.

f. **Mengadopsi “Kemudahan Hukum” di semua lini.**

وكذلك صلاة الجماعة، من داوم على تركها يجرح، فلا تقبل شهادته؛ لأن في تركها مضادة لإظهار شعائر الدين، وقد توعد الرسول -عليه السلام- من دوام على ترك الجماعة؛ فهم أن يحرق عليهم بيوتهم²⁸

الأمر بالمعروف والنهي عن المنكر؛ فإنه أمر مشروع لأنه سبب لإقامة الدين، وإظهار شعائر الإسلام، وإخماد الباطل على أي وجه كان، وليس بسبب -في الوضع الشرعي- لإتلاف مال أو نفس، ولا نيل من عرض، وإن أدى إلى ذلك في الطريق، وكذلك الجهاد موضوع لإعلاء كلمة الله، وإن أدى إلى مفسدة في المال أو النفس²⁹

g. **Menyokong “Fenomena Perbedaan pandangan keagamaan”³⁰**

وهذه الآية³¹ صريحة في رفع النزاع والاختلاف؛ فإنه رد المتنازعين إلى الشريعة، وليس ذلك إلا ليرتفع الاختلاف، ولا يرتفع الاختلاف إلا

²⁷ Ibid, 3/263.

²⁸ Ibid, 1/211.

²⁹ Ibid, 1/374.

³⁰ Lihat, Ibrahim al-Sakrān, *Ihtijājāt al-Munāwiin li al-Khitāb al-Syar’I*, t.cet, t.thn, h. 75.

³¹ QS al-Nisa ayat 59.

بالرجوع إلى شيء واحد؛ إذ لو كان فيه ما يقتضي الاختلاف لم يكن في الرجوع إليه رفع تنازع، وهذا باطل³².

والآيات في ذم الاختلاف والأمر بالرجوع إلى الشريعة كثير كله، قاطع في أنها لا اختلاف فيها، وإنما هي على مأخذ واحد وقول واحد³³.

Kelompok ini merasa tidak cukup telah melakukan dosa besar kerana telah mendistorsi tesis-tesis maqasid al-Syatibi. Mereka juga sering mengeksploitasi tesis al-Thufi dengan memberi muatan yang jauh melenceng dari tesis al-Thufi. Point yang mereka selalu tegaskan ialah Islam memang telah datang membawa kemaslahatan, namun kemashlahatan itu sendiri selalu berubah. Setelah mengecualikan aqidah dan sebahagian ibadah ritual, mereka tegaskan semua bentuk kemashlahatan itu berubah terus atau boleh berubah. Kerana itulah, segala sesuatu yang mereka anggap menurut standar dan asumsi mereka sebagai sebuah mashlahah maka mereka mengamalkannya. Nash boleh jadi-kata mereka-telah berfungsi dengan baik di zamannya namun saat ini tidak lagi dapat berfungsi sebagaimana yang diharapkan.³⁴

Salah satu karya kontemporari yang cukup artikulatif mengelaborasi identiti dan trend kelompok liberal dalam memainkan isu maqasid al-Syariah dalam memahami Islam adalah karya Syekh Yusuf al-Qaradhawi yang berjudul : *Dirāsah fi Fiqh Maqāsīd al-Syariah Bainal al-Maqāsīd al-Kullīyyah wa al-Nushūs al-Juzīyyah*. Karya ini mengulas tiga sikap utama kelompok-kelompok Islam terkait dengan isu Maqasid al-Syariah; *al-Dzāhīriyya al-Judud, al-Mu 'aththilah al-Judud dan madrasah al-Washatiyyah*. Ia telah membuat senarai mengenai cirikhas, asas metodologi dan sikap keagamaan yang diadopsi oleh kalangan liberal.

Menurut al-Qaradhawi, ada empat pondasi metodologi yang diadopsi oleh kalangan ini;

1. Mengutamakan logika akal diatas logika wahyu

³² Al-Syatibi, al-Muwafaqāt 5/60.

³³ Ibid, 5/61.

³⁴ Lihat Ahmad al-Raisuni, *Muhādarāt*, hlm.244.

2. Jargon Umar telah membuang Nash kerana pertimbangan Mashlahah
3. Jargon Kemashlahatan al-Thufi
4. Supremasi Mashlahah diatas Syara' (*Haitsu Tuwjad al-Mashlahah fatsamma Syar 'ullah*)³⁵

Contoh Penyelewengan Kalangan Liberal Dalam Aplikasi Maqasid Al-Syariah

a. Hukum Potong Tangan.

Bagi kalangan liberal, hukum potong tangan yang digariskan dalam al-Quran sudah tidak relevan lagi diaplikasikan pada masa sekarang kerana maksud dan mashlahah yang diinginkan dulu dapat diwujudkan dengan cara lain³⁶. Manusia pada masa sekarang sudah memiliki cara yang lebih relevan dan lebih tepat yang dapat mewujudkan penjeraan itu tanpa pesalah itu dipotong tangannya atau dibunuh.

b. Hukum Iddah

Seorang liberal yang berkebangsaan Tunis, Nuruddin Buthuri, mengatakan, “ Di zaman sekarang seorang muslim tidak lagi merasa perlu untuk melakukan poligami, hukum rajam dan sebat. Begitu pula seorang perempuan yang diceraikan tidak lagi perlu mengambil iddah tiga kali suci atau haid atau 4 bulan 10 hari bagi seorang janda yang mati suaminya. Ini dikeranakan maksud dari hukum itu ialah memastikan ada atau tidak ada kehamilan bagi perempuan yang diceraikan atau mati suaminya. Fasilitas teknologi kedokteran masa sekarang sudah memungkinkan kita mengetahui semua itu secara pasti dengan sangat cepat, bahkan perempuan yang sedang hamil dapat diketahui jenis janin yang dikandungnya tidak lama setelah konsepsi janin (al-'ulūq). Kerana itulah, beberapa kalangan sudah mulai menyuarakan perlunya melakukan ijtihad

³⁵ Lihat Yusuf al-Qaradhawi, *Dirāsah fi Fiqh Maqāsīd al-Syariah Bainal al-Maqāsīd al-Kullīyyah wa al-Nushūs al-Juzīyyah*, Kairo: Dār al-Syurūq, 2008. Hlm.97-116.

³⁶ Lihat *ibid*, 245.

pada hukum-hukum yang disebutkan sendiri oleh teks-teks hukum itu sendiri³⁷.

Dalam konteks Indonesia, tampaknya apa yang dinyatakan oleh Syekh Yusuf al-Qaradawi itu adalah benar adanya. Kelompok liberal yang tergabung dalam JIL (Jaringan Islam Liberal) yang berdiri sejak tahun 2001 telah menyerang metodologi studi Islam dengan merilis metodologi baru dalam studi Islam. Salah seorang dari mereka sangat aktif memutar balik hukum-hukum syariat dengan menerapkan metodologi baru dalam kajian dan studi hukum Islam. Dalam tajuk artikelnya “Membangun Ushul Fikhi Alternatif”, ia menyerang dan mencap ushul fikhi klasik yang telah dibangun oleh ulama yang kapaciti keilmuannya tidak diragukan dengan metodologi yang sudah out of date dan kerananya sudah saatnya merekonstruksi ushul fikih baru dengan mengajukan empat tawaran baru³⁸.

1. *Al-Ibrah bi al-Maqāshid la bi al-Alfādz* (Mengutamakan maksud nash bukan makna lafaznya)
2. *Jawāz Naskh al-Nushūsh bi al-Mashlahah* (Bolehnya membatalkan nash kerana bertentangan dengan tuntutan mashlahah)
3. *Tanqīh al-Nushūsh bi aql al-Mujtama’* (Nash dapat dirubah kalau bertentangan dengan logika publik)

Untuk membendung dan menekan kesan buruk dan pengaruh negatif dari kesalahpahaman atau kekeliruan baik disengaja atau tidak disengaja dari kedua kelompok literal dan liberal, maka dipandang perlu meletakkan panduan metodologis bagi penggunaan Maqasid al-Syariah dalam proses penggalan, penetapan dan penerapan hukum-hukum Islam.

A. Panduan Metodologis Penggunaan Maqasid dalam Ijtihad semasa.

Panduan ini adalah hasil akumulasi pembacaan berbagai literatur yang telah membahas isu ini secara tidak langsung. Ada kesukaran

³⁷ Lihat ibid, 246 mengutip dari Nur al-Din Buthūri, *Maqāsid al-Syariah: al-Tasyrī’ al-Islāmiy al-Mu’āshir bainā Tumūh al-Mujtahid wa Qushūr al-Ijtihād*, hlm.155.

³⁸ Lihat <http://islamlib.com/kajian/fikih/membangun-ushul-fikih-alternatif/>

tersendiri yang dialami dalam proses ini kerana literatur Islam yang langsung menusuk ke jantung isu ini sangat jarang kalau bukan tidak ada.

1- Perlunya mendeteksi wilayah *Ta'abbudi* dan *Ta'lil*.

Teori besar dalam ajaran Islam khususnya hukum Islam adalah Syariat Islam adalah Syariat Kemashlahatan, hikmah dan rahmah. Setiap kebijakannya mesti diyakini mengandung hikmah dan mashlahah kemanusiaan. Tidak ada kemashlahatan di balik ketetapan sebuah hukum yang kembali kepada diri Tuhan, tapi semuanya kembali kepada penerima hukum yaitu manusia. Teori besar ini kemudian dikeruhkan oleh teori kecil yaitu bahawa ada bagian-bagian dari syariah yang tidak dapat ditangkap hikmah dan rahasianya, kerana demikian wilayah ini adalah wilayah haram bagi ijthid maqasidi. Pertanyaannya kemudian siapa yang menentukan kes tertentu tidak dapat di rasionalkan lalu kemudian dilarang untuk memasukinya? Menurut penulis, ini adalah masalah paling krusial dalam wacana ijthid maqasidi. Literatur-literatur ushul fiqhi termasuk miskin dalam wilayah ini. Persoalannya kemudian adalah boleh jadi suatu kes tertentu secara substantif adalah wilayah muamalah tapi kesalahan teknis ia dikategorikan sebagai wilayah ibadah begitu juga sebaliknya.

Cara menyelesaikan problem ilmiah yang krusial ini adalah dengan mengadopsi pembagian wilayah syariah ibadah dan syariah muamalah, penjelasannya sebagai berikut:

Dalam ranah Ibadah ada yang disebut dasar-dasar Ibadah (*Ushūl al-Ibādah*) dan cabang-cabang ibadah (*Furū' al-'Ibādah*). Dasar-dasar ibadah perlu ada kesatuan metod dalam rangka berinteraksi dengannya yaitu dengan mengakui bahawa wilayah ini adalah wilayah paten Tuhan, dengan demikian kita mesti tunduk pada apa yang telah digariskan dan ditentukan olehnya, di dalamnya tidak boleh ada upaya merasionalkannya dengan cara memindahkan hikmah yang ada di dalamnya kepada kes lain yang memiliki kesamaan karakter. Metod ini adalah inti dan basis agama dan tidak boleh kita melirik kemashlahatan manusia meskipun kita sudah meyakini sebelumnya bahawa di dalam semua bagian syariah

terdapat mashlahah yang tidak nampak di mata. Termasuk dalam kategori ini adalah yang populer dengan sebutan *Muqaddarāt*, *Kaffārāt*, *Kaifiyyāt*. Berbeda dengan dasar-dasar ibadah, cabang-cabang ibadah terdapat peluang untuk melakukan ijtihad maqasidi dan wilayah ini sangat tergantung kepada kecerdasan ilmuan Islam dan para fuqahanya. Artinya mereka mesti melihat dengan cara teliti menyangkut tabiat dan karakter kes yang ada di depannya dan sedang ia hendel. Bilamana hasil penyelidikannya menunjukkan bahawa kes itu layak untuk dirasionalkan (pemberlakuan qiyas) maka ia akan melakukannya tapi kalau ia menemukan bahawa tabiatnya tidak dapat ditembus oleh rasionalisasi³⁹ maka ia mesti menyerah dan mendasarkan diri pada apa yang sudah digariskan, dan tidak boleh menarik hukum itu kepada kes-kes lain. Alasan metod ini adalah kerana dasar-dasar ibadah meskipun mampu dideteksi hikmah dan illatnya tapi tidak ada jaminan bahawa illat itulah yang menjadi patokan kerana ini adalah wilayah Tuhan buka wilayah manusia, kemudian mengetahui secara pasti alasan filosofis di balik hukum itu bukanlah merupakan kemestian dan bukan pula merupakan pembebanan agama.

Berbeda dengan ranah ibadah, hukum dan ketentuan dasar dalam ranah muamalah adalah karakter mashlahah. Maksudnya Mashlahahlah yang akan menjadi fokus utama seorang ilmuan Islam ketika ia sedang menghadapi kes-kes kontemporari dalam wilayah ini⁴⁰. Artinya seorang ilmuan Islam ketika menghadapi kes muamalah pertama kali yang mesti ia lakukan adalah mendeteksi mashlahah apa yang dibidik oleh Allah di balik sebuah kes muamalah lalu ia kemudian mesti menempuh cara tertentu untuk membumikan mashlahah itu ke dalam kes itu. Dalam kondisi ini, ia akan menghadapi dua kemungkinan. Pertama, ia akan menemukan bahawa hukum formal yang ditentukan oleh Nash mampu membumikan atau mewujudkan mashlahah yang ia klaim. Kalau kemungkinan ini yang terjadi maka ia mesti menuruti hukum formal itu dan tidak boleh mencari-cari mashlahah yang lain. Kedua,

³⁹ Rasionalisasi yang dimaksud disini upaya seorang mujtahid untuk menetapkan illat (Ta 'lil) tertentu atau maksud tertentu (Taqsīd) bagi sebuah masalah hukum.

⁴⁰ Lihat : Abd. Rauf Muhammad Amin, *al-Ijtihad Taathuruhu wa Ta'tsiuruhu fi Fiqhay al-Maqasid wa al-Waqi*, Beirut: Dār al-Kutub al- 'Ilmiyyah, 2013. h. 212.

kemungkinan yang akan terjadi adalah hukum formal yang disebutkan dalam Nash tidak mampu mewujudkan mashlahah yang ditemukannya. Kalau kemungkinan ini yang terjadi, maka berdasarkan panduan dan metod ijtihad dalam wilayah ini, ia mesti mengalihkan diri dari hukum formil ke hukum nonformil yang mampu mewujudkan mashlahah tadi⁴¹. Kebijakan ini berdasarkan pada kaedah baku bahawa mashlahah yang ia temukan dari penyelidikannya tadi kemudian ia verifikasi orisinalitinya adalah mashlahah yang menentukan dan ia tidak perlu menoleh kepada kemungkinan adanya masalah lain yang akan menjadi pertimbangan oleh agama.

Metod ini diharapkan membuahkan hasil yang diharapkan oleh banyak penstudi Islam yaitu terjadi harmonisasi dan sinkronisasi antara Teks dengan Mashlahah. Metod ini juga mampu mengikis dan menyingkirkan asumsi terjadinya benturan antara Nash dengan Mashlahah. Dan tidak kalah pentingnya adalah bahawa dengan metod ini seorang mujtahid atau semacamnya akan mampu memperkecil wilayah *ta'abbudi* dalam hukum Islam. Dengan demikian, kita akan dapat bersenang hati kerana apa yang kita yakini dari teori besar bahawa tidak ada bagian dari ajaran-ajaran syariah yang tidak dapat dirasionalkan, semuanya mengandung alasan filosofis.

2- Perlunya revitalisasi pembedangan atau pewilayaan "Maqāsid" dan "Wasā'il" dalam hukum Islam.

Dari semua rangkain ajaran-ajaran syariah, mesti dipahami betul bahawa hukum-hukum itu memiliki karakternya masing-masing. Ada hukum-hukum yang menjadi tujuan hukum ada juga hukum-hukum yang hanya sebatas sarana hukum yang ditempuh untuk memenuhi tujuan hukum. Dalam kajian Syariah ditegaskan bahawa sarana itu dihadirkan untuk membantu terciptanya tujuan hukum. Dengan demikian, seorang ilmuan mesti menjadikan fokus kajiannya adalah tujuan hukum, jangan sampai tujuan-tujuan luhur

⁴¹ Metode ini tidak boleh dilihat sebagai upaya untuk melecehkan Nash, tapi mesti dipahami sebagai sebuah upaya untuk mewujudkan apa yang menjadi cita-citanya.

itu tidak terpenuhi dan tercapai dan jangan sampai seorang mujtahid menjadikan hukum-hukum sarana sebagai fokus kajiannya. Artinya jangan sampai ia terlalu komitmen dengan perwujudan hukum-hukum sarana meskipun mengorbankan hukum-hukum tujuan.

Dengan demikian, maka mesti ada usaha-usaha untuk selalu memantau perkembangan perwujudan tujuan hukum, dan mesti selalu memikirkan sarana apa yang paling tepat dan efektif untuk mewujudkan tujuan-tujuan syariah. Dalam terapannya tidak semua dan tidak selamanya aktifitas-aktifiti keberagamaan umat Islam sudah sesuai dengan tujuan-tujuan hukum. Kadangkala sebuah keberagamaan kerana ia ditunjuk oleh teks atau Nash kita konsisten dengannya padahal ia telah menabrak tujuan syariah. Dengan metod ini hal-hal seperti ini tidak dapat terjadi atau mesti dihindari. Salah satu implikasi dari rasionalisasi yang liar adalah bilamana kita menempatkan suatu hukum tujuan pada level hukum sarana, sehingga hukum itu kita anggap sesuatu yang berubah pada hal ia sungguh hukum paten yang tidak berubah.

Ayat 60 dari surah al-Anfal Allah S.w.t menyinggung masalah maqasid(Tujuan) dan wasail(sarana): *Dan siapkanlah untuk menghadapi mereka kekuatan apa saja yang kamu sanggupi dan dari kuda-kuda yang ditambat untuk berperang (yang dengan persiapan itu) kamu menggentarkan musuh Allah dan musuhmu dan orang orang selain mereka yang kamu tidak mengetahuinya; sedang Allah mengetahuinya. apa saja yang kamu nafkahkan pada jalan Allah niscaya akan dibalasi dengan cukup kepadamu dan kamu tidak akan dianiaya (dirugikan).* Ayat ini menyinggung tujuan utama yang tetap dan tidak dapat berubah yaitu kemestian menghadirkan wibawa dan ketakutan dalam diri orang -orang kafir sehingga mereka tidak sewenang-wenang memperlakukan umat Islam sebagaimana yang mereka inginkan. Salah satu (sarana) yang disebutkan ayat ini untuk mewujudkan tujuan utama itu adalah umat Islam mesti memiliki kekuatan yang menggentarkan hati orang-orang kafir. Sedangkan kuda-kuda yang ditambat yang disebutkan dalam ayat itu hanya sebatas bagian dari sarana (kekuatan).

3- Perlunya kategorisasi Prioritas Mashlahah dan mafsadah.

Setelah meyakini perlunya mempertimbangkan tujuan-tujuan hukum, maka hal penting yang segera di hadapi oleh seorang ilmuan adalah mashlahah yang menjadi fokus perhatiannya adalah suatu hal yang bertipe-tipe, bertingkat-tingkat dari segi kekuatan dan kepentingannya, begitu pun halnya pada kes mafsadah. Ulama klasik yang lebih awal mengemukakan ide ini adalah Izzuddin bin Abdussalam, ia misalnya mengatakan “ Kemashlahatan dan Kemafsadatan memiliki tingkat atau level yang berbeza-beza. Berdasarkan tingkatan kemashlahatan itu orang diberi penghormatan dan kemuliaan didunia dan pahala di akhirat, begitu pun orang diberi ganjaran dan siksaan di akhirat berdasarkan kemafsadatan itu. Dan dosa kecil dan dosa besar juga berdasarkan tingkatan kemafsadatan itu”⁴². Sesungguhnya ini adalah metod orisinil kerana ia berbasis al-Quran. Misalnya, dalam al-Quran kita mendapatkan firman Allah : *Dan Ketahuilah olehmu bahawa di kalanganmu ada Rasulullah. kalau ia menuruti kemauanmu dalam beberapa urusan benar-benarlah kamu mendapat kesusahan, tetapi Allah menjadikan kamu 'cinta' kepada keimanan dan menjadikan keimanan itu indah di dalam hatimu serta menjadikan kamu benci kepada kekafiran, kefasikan, dan kedurhakaan. mereka Itulah orang-orang yang mengikuti jalan yang lurus.*

Kita coba perhatikan ketika Allah menyebut tiga tipe mafsadah yaitu kekafiran(*kufir*), kefasikan (fusūq), dan kedurhakaan ('*Ishyān*). Di ayat lain misalnya Allah juga membuat hirarki kebaikan. Allah berfirman : Perkataan yang baik dan pemberian maaf lebih baik dari sedekah yang diiringi dengan sesuatu yang menyakitkan (perasaan si penerima). Pada surah yang sama Allah berfirman :61. Dan (ingatlah), ketika kamu berkata: "*Hai Musa, kami tidak dapat sabar (tahan) dengan satu macam makanan saja. sebab itu mohonkanlah untuk kami kepada Tuhanmu, agar dia mengeluarkan bagi kami dari apa yang ditumbuhkan bumi, yaitu sayur-mayurnya, ketimunnya, bawang putihnya, kacang adasnya, dan bawang merahnya*". Musa berkata: "*Maukah kamu mengambil yang rendah sebagai pengganti yang lebih baik ? pergilah kamu ke suatu kota, pasti kamu memperoleh apa*

⁴² Lihat : Izzuddin bin Abdussalam, *Qawaid al-Ahkam fi Mashalih al-Anam*, Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, t.cet. t.thn. h. 27

yang kamu minta". lalu ditimpahkanlah kepada mereka nista dan kehinaan, serta mereka mendapat kemurkaan dari Allah. hal itu (terjadi) Kerana mereka selalu mengingkari ayat-ayat Allah dan membunuh para nabi yang memang tidak dibenarkan. demikian itu (terjadi) Kerana mereka selalu berbuat durhaka dan melampaui batas ".

Teori tingkatan kemashlahatan dan kemafsadatan pada gilirannya akan melegitimasi teori baru dalam rasionalisasi hukum Islam yaitu bahawa apabila kemashlahatan mesti diupayakan perwujudannya maka tidak semua mafsadah mesti dipertimbangkan dalam tataran aplikatif kerana pada kondisi-kondisi tertentu mashlahah-mashlahah itu akan berbenturan sama lain dan kondisi itu memastikan pembuangan mashlahah tertentu dan mempertimbangkan yang lain. Disini tampak jelas manfaat penetapan prioritas-prioritas masalah- dan kemafsadatan. Yang mesti ditekankan disini adalah pengabaian seorang ilmuan terhadap panduan penetapan prioritas ini akan menyalahi panduan *ijtihad maqasidi*. Berdasarkan penelusuran sejarah rasionalisasi hukum Islam, tercatat bahawa pemerkosaan terhadap panduan rasionalisasi hukum pertama kali terjadi dari seorang al-Thufi yang menempatkan "Mashlahah" diatas teks-teks suci agama dan kemudian ia mengasumsikan kemungkinan terjadinya perseteruan antara teks dengan mashlahah. Saat itulah perubahan paradigma rasionalisasi dari sentralisasi Nash ke arah sentralisasi Mashlahah. Paper ini tidak bertujuan untuk mendiskusikan dasar-dasar pikiran yang membidani teori mashlahah al-Tufi kerana sudah dibahas oleh banyak penyelidik atau penstudi. Namun yang menarik untuk dikemukakan adalah betapa maraknya pendekatan rasional dalam kajian Islam, dan tidak kalah menariknya adalah kurangnya literatur yang mengupas tuntas panduan rasionalisasi ajaran Islam (*Ta'lim wa Taqshid*) pada saat yang sama kita dapat terilhami oleh al-Quran dan Sunnah betapa pentingnya menyuguhkan Islam atau hukum yang rasional. Paper ini mengasumsikan bahawa isu paling krusial adalah tidak adanya aturan-aturan baku yang menjadi rujukan semua pihak dalam isu ini.

Kesimpulan

Setelah memaparkan beberapa perkara yang terkait dengan isu utama paper ini, ada beberapa point yang perlu di-*highlight* yang sekaligus menjadi kesimpulan.

1. Pendekatan Maqasid al-Syariah tidak hanya penting dalam studi hukum Islam, tetapi kepentingannya juga berlaku pada semua bidang studi Islam, bahkan pendekatan ini sangat diperlukan oleh siapapun yang menginginkan kehidupannya berarti dan penuh dengan makna. Kerana itu, pendekatan ini sangat layak dijadikan sebagai project besar oleh Institusi-institusi Islam dan institusi pengajian tinggi Islam khususnya, bahkan menjadikannya sebagai salah satu subjek yang mesti dipelajari oleh setiap yang ingin mendalami kajian Islam.
2. Ada dua kecenderungan dalam kajian-kajian Islam yang dapat mengganggu lalu lintas Maqasid al-Syariah yakni kecenderungan pendekatan literal dan pendekatan yang diadopsi oleh kalangan liberal. Keduanya berpotensi besar mendistorsi citra Islam bahkan mengancam kehancuran Islam. Kerana itu, perbincangan mengenai pentingnya pendekatan ijihad maqasidi perlu dikembangkan untuk membongkar kesalahpahaman-kesalahpahaman yang terus terjadi kalau tidak dibendung dengan langkah-langkah yang sistemik.
3. Kajian-kajian mengenai panduan mekanisme (*Dhawābith*) ijihad maqasid perlu terus dikembangkan dan dibincangkan untuk menekan lajunya trend liberalisme dalam kajian dan studi Islam sekaligus bertujuan untuk menepis kekhawatiran dan kecurigaan kaum literal yang masih banyak mempengaruhi kalangan Islam terutama kalangan muda Islam.
4. Kalangan liberal seringkali mengeksploitasi pandangan-pandangan teoritis beberapa tokoh maqasid dalam seperti Umar bin Khattab, al-Thufi dan al-Syatibi. Kerana itu, dipandang perlu adanya karya yang berterusan dan serius yang dapat menjelaskan pandangan murni tokoh-tokoh berkenaan untuk

menjaga orisinaliti sikap keagamaan umat Islam, *Wallahu A 'lam bi al-Shawāb*.

Bibliografi

- Abd. Rauf Muhammad Amin, *al-Ijtihād fi Dhau Maqāsid al-Syariah: Malāmih wa Dhawābith*, Brunei Darussalam, Penerbitan KUPU, 2013
- Abd. Rauf Muhammad Amin, *al-Ijtihad Taathuruhu wa Ta'tsiiruhu fi Fiqhay al-Maqasid wa al-Waqi*, Beirut: Dār al-Kutub al- 'Ilmiyyah, 2013.
- Abdul Majid al-Najjār, *Masālik al-Kasyf 'an Maqāsid al-Syāriah baina al-Syātibi wa Ibnī 'āsyur*, Thuruq al-Kasyf 'an Maqāsid al-Syāri' Lubnan: Dār al-Garb al-Islami, 1992.
- Ahmad al-Raisuni, *al-Fikr al-Maqāshidi: Qawāiduhū wa Fawāiduhū*. Maroko: Jarīdat al-Zaman. 1999.
- Ahmad al-Raisuni, *Maqāsid al-Maqāsid: al-Gāyāt al-'Ilmiyyah wa al-'Amaliyya li Maqāsid al-Syariah*, Beirut: al-Syabakat al-'Arabiyah li al-Abhāts wa al-Nasyr. 2013.
- Ahmad al-Raisūni, *Muhādharāt fi Maqāshid al-Syāriah*, Kaherah: Dār al-Kalimah, 2013
- al-Buthi, *Dawābith al-Mashlahah*, Beirut: Muassasah al-Risalah, 1992.
- al-Gazali, *al-Mustashfa*, Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyah, 1413 H
- al-Syāthibi, *al-Muwāfaqāt*, Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1992.
- Al-Zarkasyi, *al-Bahr al-Muhīth*, Kairo: Dār al-Kutbi, 1994.
- Ibn āsyur, *Maqāsid al-Syariah al-Islāmiyyah*, Yordan: Dār al-Nafāis, 2001.
- Ibrahim al-Sakrān, *Ihtijājāt al-Munāwiin li al-Khitāb al-Syar'I*, t.cet. t.thn,
- Izzuddin bin Abdussalam, *Qawaid al-Ahkam fi Mashalih al-Anam*, Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, t.cet. t.thn.
- Nu'man Jugaim, *Thuruq al-Kasyf 'an Maqāsid al-Syāri'*, Yordan: Dār al-Nafāis.
- Nur al-Din al-Khādimi, *al-Ijtihād al-Maqāshidi: Hujjyyatuhū, Dhawābituhū, Majālātuhū*: Qatar, Kitab al-Ummah. 1998.

Nur al-Din Buthūri, *Maqāsid al-Syariah: al-Tasyrī' al-Islāmiy al-Mu'āshir baina Tumūh al-Mujtahid wa Qushūr al-Ijtihād*.

Yusuf al-Qaradhawi, *Dirāsah fi Fiqh Maqāsid al-Syariah Bainal al-Maqāsid al-Kulliyah wa al-Nushūs al-Juziyyah*, Kairo: Dār al-Syurūq, 2008.

[4]

Aplikasi Maqasid Al-Syariah Dalam Isu-Isu Kewangan Islam

Mohamad Akram Laldin

Pendahuluan

Syariat Islam mencakupi seluruh aspek kehidupan manusia kerana syariah bermatlamat memandu manusia mencapai nilai kehidupan yang terbaik di dunia dan akhirat. Oleh yang demikian, al-Qur'an dan al-sunnah telah memberi penekanan terhadap sifat anjal (fleksibel) hukum syariah dan kepentingan memastikan kesesuaian aplikasinya dalam kehidupan manusia.

Perkara ini akan terjamin apabila hukum syariah dilaksanakan berdasarkan panduan objektif-objektif syariah yang khusus atau umum. Hukum syariah tidak boleh diaplikasi secara berasingan daripada *maqasid al-syari'ah* kerana sekiranya hal ini berlaku, syariah tidak akan terlaksana secara keseluruhan dan matlamat yang diinginkan daripada pelaksanaan hukum syariah tidak akan tercapai.

Antara aspek kehidupan manusia yang mendapat perhatian khusus syariah adalah hal ehwal yang berkaitan dengan pengurusan harta atau lebih dikenali dengan sistem ekonomi dan aktiviti kewangan. Ianya adalah kerana syariah mengiktiraf bahawa harta atau wang adalah salah satu keperluan hidup manusia dan perlu diurus tadbir dengan baik. Para ulama silam telah meneliti sumber-sumber syariah dan mengeluarkan hukum-hukum syariah berkaitan dengannya, beserta dengan beberapa *maqasid* (objektif) *syari'ah* khusus mengenai urusan ini.

Kertas kerja ini akan meneroka aplikasi *maqasid al-syari'ah* dalam isu-isu kewangan Islam. Pada peringkat awal, ia akan membicarakan secara ringkas konsep *maqasid al-syari'ah* dan perkara yang berkaitan dengannya, *maqasid al-syari'ah* berhubung aktiviti ekonomi dan kewangan Islam, mekanisma syariah dalam mencapai

maqasid al-syari'ah beserta mekanisma-mekanisma lain yang berkaitan dan kesimpulan.

Maqasid Al-Syari'ah: Konsep dan Dimensi

Maqasid al-syari'ah ialah tujuan dan rahsia-rahsia yang telah ditetapkan Allah pada setiap hukum yang telah disyariatkan, iaitu untuk mencapai kebahagiaan individu dan masyarakat, memelihara undang-undang dan seterusnya untuk memakmurkan dunia sehingga mencapai tahap kesempurnaan, kebaikan, kemajuan dan ketamadunan yang tinggi.¹ Menurut *al-Shatibi* dalam kitabnya *al-Muwafaqat fi Usul al-Syariah*, selain untuk memelihara kemaslahatan atau kepentingan manusia dalam menjalani kehidupan di dunia, ia juga bertujuan untuk memelihara kepentingan manusia selepas kematian mereka.

Oleh yang demikian, konsep *maqasid al-syari'ah* mesti difahami dalam kerangka yang lebih besar dan tidak terlakuk hukum yang termaktub sahaja bahkan yang belum diputuskan, syariah. Dalam hal ini Yusuf al-Qaraḍāwī² menjelaskan bahawa maksud syariah boleh difahami dalam dua sudut pandang yang berbeza, pertama, syariah difahami sebagai undang-undang Islam (*aḥkām*) berkaitan dengan *'ibādah* (dalam hubungan manusia dan Tuhan) dan *mu'āmalāt* (dalam hubungan sesama manusia). Syariah dalam perspektif ini dibatasi dalam kerangka undang-undang yang mengatur aspek praktikal kehidupan manusia. Kerana itu, *maqasid al-syari'ah* juga difahami dalam kerangka tujuan undang-undang Islam atau tujuan Islam dalam perundang.

Pandangan kedua melihat syariah dalam konteks yang lebih luas. Syariah adalah aturan kehidupan yang mencakupi seluruh aspek kehidupan manusia dalam bidang keyakinan (*'aqidah*), etika dan moral (*akhlāq*) dan juga peraturan dan undang-undang (*aḥkām*). Syariah dalam perspektif ini mencakupi seluruh spektrum

¹ Wahbah Al-Zuhayli, *Nazariyah al-Dharurah al-Shari'ah Muqaranah Ma'a al-Qanun al-Wadhi'* (Damsyik: Dar al-Fikr. 1996), 48.

² Yusuf al-Qaraḍāwī, *Dirasah fi Maqasid al-Shari'ah: Baina al-Maqasid al-Kulliyah wa al-Nusus al-Juz'iyah* (Kaherah: Dar al-Shuruq, 2007), 16-22.

kehidupan manusia berkaitan dengan keyakinan, moral, etika, prinsip-prinsip dasar ekonomi, social, politik, budaya, dan seluruh dimensi ketamadunan manusia.³

Pemahaman berasal dari makna syariah itu sendiri iaitu “sumber air” atau “jalan menuju ke sumber air”. Syariah kerana itu dipahami sebagai sebuah konsep yang menyeluruh dan kerangka besar yang ada untuk menyokong kewujudan manusia dan menyediakan segala prinsip-prinsip utama, nilai-nilai, dan jalan untuk mewujudkan kesejahteraan manusia (*maṣāliḥ al-‘ibād*) di dunia dan akhirat (Qur’an, 2:30; 3:191; 6:165; 38:27; 44:38-39; 42:13, 21; 45:18; 67: 1-2).⁴

Syariah sebagai sistem kehidupan mempunyai tujuan utama mewujudkan kesejahteraan manusia (*maṣlaḥah*; pl. *maṣāliḥ*). Semua ajaran, perintah dan larangan berkait rapat dengan tujuan dan hikmah menjadi rahmat, dan menepati dengan kehendak manusia. Oleh itu, *maqasid al-syari’ah* sudut bahasa, sering disamakan dengan *maṣlaḥah*. Al-Qaradawi⁵ menyatakan, "Di mana ada syariah, terdapat *maṣlaḥah*." Ia adalah mustahil bahawa syariah, yang telah diciptakan oleh Allah, akan diturunkan untuk membahayakan manusia atau penciptaan (Al-Quran, 2: 143; 67: 14)⁶ atau untuk menjadikan kehidupan manusia sukar (Qur'an, 2: 185, 220; 4:28, 5: 6).⁷ Sebaliknya, ia telah diturunkan kepada menyebabkan manusia dan segala makhluk berkembang di dunia dan akhirat.

Maqasid al-syari’ah secara asasnya ialah hubung kait dengan *Maṣlaḥah* manusia dengan menyediakan aturcara kehidupan yang kondusif. Al-Ghazālī mengklasifikasikan apa yang dimaksud dengan *maqāsid* dan *maṣāliḥ* sebagai berikut:

³ Abdil Aziz Berghout, *Maqasid al-Shari’ah as an Approach for Intellectual Reform and Civilization Renewal*, (Kuala Lumpur), 51-66.; Abdul Rauf Faisal, *Islam A Sacred Law* (Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), 2002), Jil. 3.

⁴ Al-Baqarah: 2:30; Ali- ‘Imran 3:191; Al-An’am 6:165; Al-Sad 38:27; Al-Dukhan 44:38-39; Al-Shu’ara’ 42:13, Al-Anbiya 21; Al-Jathiyah 45:18; Al-Mulk 67: 1-2.

⁵ Al-Qaradawi, *Dirasah fi Maqasid al-Shari’ah*, 116.

⁶ Al-Baqarah 2: 143; Al-Mulk 67: 14.

⁷ Al-Baqarah 2: 185, 220; Al-Nisa’4:28, Al-Maidah 5: 6.

أَمَّا الْمَصْلَحَةُ فَهِيَ عِبَارَةٌ فِي الْأَصْلِ عَنِ جَلْبِ مَنْفَعَةٍ أَوْ دَفْعِ مَضَرَّةٍ،
وَلَسْنَا نَعْنِي بِهِ ذَلِكَ، فَإِنَّ جَلْبَ الْمَنْفَعَةِ وَدَفْعَ الْمَضَرَّةِ مَقَاصِدُ الْخَلْقِ
وَصَلَاحُ الْخَلْقِ فِي تَحْصِيلِ مَقَاصِدِهِمْ، لَكِنَّا نَعْنِي بِالْمَصْلَحَةِ
الْمُحَافَظَةَ عَلَى مَقْصُودِ الشَّرْعِ، وَمَقْصُودِ الشَّرْعِ مِنَ الْخَلْقِ خَمْسَةٌ:
وَهُوَ أَنْ يَحْفَظَ عَلَيْهِمْ دِينَهُمْ وَنَفْسَهُمْ وَعَقْلَهُمْ وَنَسْلَهُمْ وَمَالَهُمْ، فَكُلُّ
مَا يَتَضَمَّنُ حِفْظَ هَذِهِ الْأَصُولِ الْخَمْسَةِ فَهُوَ مَصْلَحَةٌ، وَكُلُّ مَا
يُفَوِّتُ هَذِهِ الْأَصُولَ فَهُوَ مَفْسَدَةٌ وَدَفْعُهَا مَصْلَحَةٌ.

Adapun maslahat pada dasarnya adalah ungkapan dari menarik manfaat dan menolak mudarat, tetapi bukan itu yang kami maksud; sebab menarik manfaat dan menolak mudarat adalah tujuan makhluk (manusia), dan kebaikan makhluk itu akan terwujud dengan meraih tujuan-tujuan mereka. Yang kami maksud dengan maslahat ialah memelihara tujuan syara' / hukum Islam, dan tujuan syara' dari makhluk itu ada lima, yaitu memelihara agama, jiwa, akal, keturunan (ada yang menyatakan keturunan dan kehormatan, pen.), dan harta mereka. Setiap yang mengandung upaya memelihara kelima hal prinsip ini disebut maslahat, dan setup yang menghilangkan kelima prinsip ini disebut mafsadat dan menolaknya disebut maslahat."

Oleh itu perbincangan mengenai *maqasid* merangkumi semua dimensi kehidupan manusia sejagat, dimensi mikro dan makro serta agama dan dunia, syariah akan memastikan faedahnya kepada individu dan masyarakat sosial. Peraturan ini diciptakan untuk

melindungi dan menambahbaik keadaan manusia yang hidup di atas muka bumi ini.⁸

Merujuk kepada perkara yang pertama di atas, matlamat utama hukum Islam adalah bagi memelihara kemaslahatan (kepentingan) masyarakat yang terbahagi kepada tiga bentuk kepentingan:

1. *Maslahah* asas (*Daruriyyah*) yang melibatkan pemeliharaan lima perkara iaitu agama, jiwa, akal, kehormatan dan harta. Kesemua kepentingan ini dapat dianggap sebagai keperluan asasi yang amat diperlukan oleh setiap manusia, di dalam kehidupan bermasyarakat. Seandainya salah satu daripada keperluan ini tidak dipenuhi, kehidupan manusia sudah tiada ertinya lagi. Sebarang perkara dan tindakan yang mencabul kelima-lima perkara ini akan dianggap sebagai *mafsadah*.
2. *Maslahah* yang diperlukan (*Hajiyah*) yang melibatkan semua yang diperlukan oleh manusia untuk mewujudkan kemudahan dan kelapangan dalam menjalankan tugas dalam kehidupan. Walaupun ianya tidak sampai kepada tahap keperluan asasi yang boleh menyebabkan kebinasaan hidup manusia, tetapi ianya diperlukan bagi mengelakkan kesusahan hidup di dalam masyarakat.
3. *Maslahah* yang diperlukan untuk menjaga kehormatan hidup manusia (*Tahsiniyyah*) yang melibatkan kemuliaan akhlak dan adat yang baik. Semuanya diperlukan bagi menjamin kelancaran hidup manusia dalam masyarakat.

Selain daripada yang telah dinyatakan di atas, terdapat juga klasifikasi lain yang telah dibincangkan oleh para ulama' seperti, objektif umum dan khusus oleh Ibn 'Ashur dan objektif menyeluruh dan objektif tidak menyeluruh oleh Imam Al Raisuni. Ini adalah

⁸ Muhammad Hisham Kamali, *Shariah Law an Introduction* (England: Oneworld Publication, 2008), 22.

hasil daripada penelitian dan pemerhatian mereka kepada hukum Syariah.

Selain konsep *maslahah* (kepentingan umum), *darar* (kemudaratan) juga adalah konsep yang amat berkait rapat dengan *maqasid al-syari'ah*. Pemerhatian kepada dua konsep ini membawa kepada realisasinya *maqasid al-syari'ah*, iaitu menjamin kepentingan manusia dan memeliharanya daripada kemudaratan. Kedua-dua aspek ini mestilah ditentukan berdasarkan panduan syariah dan bukan berpandukan akal manusia semata. Ulama telah membicarakan konsep-konsep ini dan mengambil kira dalam mengeluarkan hukum. Malah, terdapat banyak kaedah fiqh yang telah dibangunkan sebagai panduan kepada aplikasinya, antaranya:

- *Daf'u al-mafasid muqaddam 'ala jalb al-manafi'*: "menghalang kejahatan atau kemudaratan adalah lebih utama daripada mendapatkan manfaat."
- *Al-dararu yuzal*: "kemudaratan perlu dibasmi."
- *Al-dararu yudfa 'u bi qadr al-imkan*: "Kemudaratan perlu dibasmi sedaya upaya."

Oleh yang demikian, segala kegiatan manusia serta aktiviti ekonomi dan kewangan Islam perlulah memberi perhatian kepada kedua - dua aspek ini agar sentiasa selari dengan *maqasid al-syari'ah*.

Maqāṣid Al-Syarī'ah dalam Aktiviti Ekonomi dan Kewangan

Maqāṣid al-syarī'ah dalam kewangan Islam perlu dipahami sebagai asas, rangka kerja dan panduan yang memastikan terwujudnya *maṣlahah* (kebaikan) di dalam berbagai transaksi kewangan. Dalam konteks ini *maqāṣid al-syarī'ah* dalam aspek kewangan Islam adalah segala tujuan Islam yang mendasari system kehidupan yang mencakup kriteria, nilai, dan petunjuk berasaskan wahyu untuk diaplikasikan dalam aspek ekonomi dan kewangan dan

membimbing manusia dalam merealisasikan *masalah* dan mencegah/menghilangkan *mafsadah*.⁹

Pandangan seperti ini penting kerana ia akan meluaskan lagi perbincangan kita kepada persoalan *mengapa* dan *untuk tujuan apa* kontrak tertentu dilarang atau dibolehkan. Pada masa yang sama perbincangan tidak akan terhenti kepada kontrak apa yang dilarang atau dibolehkan oleh hukum Islam, elemen-elemen yang perlu ada atau mekanisma apa yang mesti dipatuhi untuk menjadikan sebuah transaksi sah seperti yang sekarang mengikut piawaian syariah yang ditetapkan. Malahan, *maqāsid* perbincangan *maqāsid* dalam kewangan Islam akan membuka ruang kepada pertanyaan lain seperti apa kewujudan kewangan Islam, *mengapa* kita perlu mengembangkan kewangan Islam, tujuan apa yang ingin dicapai, dan kemanakah hala tuju industri kewangan Islam sepatutnya diarahkan.

Pada peringkat awal, ulama' memfokuskan kepada penemuan hukum Syariah berkaitan dengan aspek kehidupan dan antaranya dalam aspek kewangan Islam. Mereka telah meneliti pelbagai kontrak yang digunakan dalam transaksi harian, berkaitan aktiviti agrikultur dan perdagangan. Namun, pada ketika itu, tumpuan yang diberi adalah lebih kepada status haram dan halal sesuatu perkara. Lalu, ulama' seterusnya telah mengkaji aspek *maqāsid* dalam segala hukum syariah sebagai memenuhi jurang yang ada.¹⁰ Maka *maqāsid* dalam setiap aspek kehidupan manusia termasuk ekonomi dan kewangan telah dicapai hasil penelitian ulama' terhadap segala hukum syariah.

Memahami *maqāsid* adalah amat penting, dan ianya membawa kepada kefahaman yang jelas terhadap kontrak-kontrak dan aktiviti ekonomi yang dibenarkan syariah. Perbincangan ini juga memberi kefahaman berkenaan *maqāsid* sebenar syariah dalam aktiviti ekonomi dan kewangan Islam, justeru menjelaskan bagaimana *maqāsid* membawa kepada amalan atau sistem ekonomi

⁹ Mohamad Akram Laldin dan Hafas Furqani. "The Foundation of Islamic Finance and The *Maqāsid al-Shari'ah* Requirement." Jurnal Kewangan Islam, (2013).

¹⁰ Muhammad Tahir Ibnu Ashur, *Treatise on Maqāsid as-Shari'ah*, terj. Dr. Muhammad Tahir el-Mesawi (International Institute of Islamic Thought, 2006).

berkeadilan. Keperluan semasa manusia serta transaksi – transaksi kompleks yang banyak berlangsung memerlukan ulama' dan para penyelidik memberi perhatian kepada aspek *maqāsid syari'ah* dan memastikannya dipenuhi.

Antara objektif Syariah berkaitan aktiviti ekonomi dan kewangan Islam yang telah ditemui ulama' adalah:

Kitaran / Pusingan Harta Secara Berterusan

Syariah memberi fokus terhadap keadilan dan manfaat manusia. Oleh yang demikian, Syariah mementingkan pencapaian objektif ini supaya sebahagian besar masyarakat dapat terlibat dalam aktiviti kewangan dan menghalang daripada ianya terkumpul pada sebahagian manusia sahaja. Hal ini adalah selari dengan firman Allah:

“Dan jangan sekali-kali orang-orang yang bakhil dengan harta benda yang telah dikurniakan Allah kepada mereka dari kemurahanNya, menyangka bahawa keadaan bakhilnya itu baik bagi mereka. Bahkan dia adalah buruk bagi mereka. Mereka akan dikalungkan (diseksa) dengan apa yang mereka bakhilkan itu pada hari kiamat kelak dan bagi Allah jualah hak milik segala warisan (isi) langit dan bumi dan (ingatlah), Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan segala yang kamu kerjakan”.

(Al-Nisa':4: 180)

Objektif ini adalah bagi membawa kemakmuran dan kesejahteraan kepada anggota masyarakat. Oleh yang demikian syariah menetapkan kewajipan menunaikan zakat, anjuran melakukan infaq kebajikan dan larangan terhadap monopoli dan mengumpukkan harta. Malah, syariah turut mengharuskan segala kontrak selagi ianya tidak melanggar batas-batas syariah. Selain itu, syariah turut menganjurkan pelaksanaan pelbagai kontrak dan aktiviti ekonomi yang mengajak kepada perkongsian sumber atau modal dan pemindahan wang.

Pelaburan Kekayaan Secara Berterusan

Pembangunan hidup manusia tidak hanya meliputi aspek memenuhi keperluan asasi mereka sahaja tetapi juga peningkatan taraf hidup, dan aspek ini memerlukan peningkatan terhadap kekayaan dan sumber. Oleh itu, harta sedia ada perlu dilaburkan supaya keuntungan dapat dijana dan pelbagai projek yang meningkatkan kehidupan manusia dapat dilancarkan. Aktiviti pelaburan dapat menjana keuntungan, modal, sumber dan perusahaan baru. Oleh itu, aktiviti ini perlu disertai oleh seramai mungkin pelabur beserta pelbagai mekanisma dan instrument pelaburan perlu dibangunkan supaya modal dapat dimanfaatkan secara efektif.

Objektif ini mengajak manusia untuk memaksimumkan manfaat sumber dan modal sedia ada bagi menaik taraf hidup manusia dan memakmurkan bumi selain membantu orang lain. Al-Qur'an dan hadis melarang manusia meminta-minta tanpa terlebih dahulu memanfaatkan sumber atau modal sedia ada seperti apa jua barangan atau tenaga kerja atau tubuh yang dimiliki untuk mencari pendapatan dan meneroka alam dalam mencari rezeki Allah.

Pencapaian Kemakmuran Masyarakat yang menyeluruh

Antara matlamat asas syariah adalah memenuhi keperluan asas setiap anggota masyarakat. Oleh itu, kemakmuran secara menyeluruh perlu dihasilkan dan kekayaan perlu diagih secara adil dalam masyarakat. Maka, aktiviti ekonomi dan kewangan tidak boleh menumpukan terhadap penjanaan keuntungan semata-mata tetapi perlu juga memberi tumpuan terhadap keadilan sosial dan kebajikan masyarakat. Ekonomi dan kewangan Islam perlu membasmi amalan kasta atau kelas ekonomi dalam masyarakat dan mengurangkan jurangnya. Oleh itu lebih banyak perkhidmatan mikro perlu ditawarkan oleh institusi kewangan Islam selain menjadi teman rapat masyarakat dalam mencari penyelesaian terbaik kepada masalah kewangan mereka. Malah, aktiviti ekonomi dalam negara juga perlu selari dengan pembangunan sosio-ekonomi masyarakat.

Ketelusan Aktiviti Ekonomi dan Kewangan

Syariah turut berusaha untuk mencapai objektif ini bagi mengelak berlaku sebarang konflik, penyalahgunaan dan pembaziran sumber, pertikaian dan pertelingkahan atau dendam antara pihak – pihak urusan ekonomi dan kewangan. Hal ini adalah kerana Islam amat mementingkan keredhaan antara dua pihak yang berusniaga serta keadilan dalam urusan niaga yang berlangsung. Oleh itu, Syariah menganjurkan amalan merekod dan penyaksian dalam sebarang transaksi serta penetapan syarat-syarat tertentu dalam transaksi berkaitan perincian tertentu seperti dalam kontrak murabaha, mudarabah dan musyarakah. Syarat-syarat sedemikian adalah amat penting dan sebarang kemungkiran boleh menyebabkan kontrak jadi tidak sah.

Pemilikan Sah

Objektif ini adalah berdasarkan kepada penekanan Syariah terhadap pemilikan serta perbelanjaan sesuatu harta secara halal dan sah. Hal ini adalah selari dengan firman Allah:

“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengasihani kamu.”

(Al-Nisa': 29)

Malah Rasulullah s.a.w turut melarang umat Islam menjual sesuatu barang yang belum dimilikinya. Jika dilihat dalam aspek transaksi, syariah amat mementingkan aspek qabdh (pegangan) dan penyerahan (*taslim*) barangan dalam setiap urusan niaga.

Maka dapat disimpulkan bahawa *maqasid al-syari'ah* dalam aspek kewangan dan ekonomi Islam adalah berkait rapat antara satu sama lain dan menyokong pelaksanaan sistem ekonomi berkeadilan. Selain itu, kita juga boleh dapati bahawa ulama' turut menggariskan objektif lain seperti pengagihan semula harta, mengurangkan jurang

sosial dan ekonomi masyarakat dan lain – lain sebagai sebahagian daripada *maqasid al-syari'ah* dalam aspek kewangan dan ekonomi Islam. Namun, pada pandangan penulis, objektif –objektif ini telah turut disertakan dalam perbincangan di atas.

***Maqasid Al-syari'ah* dalam Isu-Isu kewangan Islam**

Prinsip *Maqasid Al-syari'ah* dalam Pengembangan Produk Kewangan Islam

Dalam makalah ini kami mengenalpasti empat peranan *maqāsid Syariah* dalam mengembangkan sistem kewangan Islam. Pengenalan ini juga bakal menjadi penanda aras serta kerangka asas dalam kewangan Islam *maqasid*.

a. Dalam pengenalan *maqāsid* pematuhan syariah dalam kewangan Islam tidak bermakna semata-mata mematuhi prinsip minimum perundangan Islam.

Sebaliknya, pematuhan syariah bermakna menstruktur dan menyusun kewangan Islam dalam kerangka semangat dan nilai Islam agar mencapai cita-cita dan tujuan Islam dalam bidang kewangan. Kefahaman ini bermula dari konsep syari'at secara asasnya adalah satu arena yang lebih luas daripada undang-undang/peraturan/perundangan Islam. Syariah merupakan satu sistem hidup yang merangkumi semua aspek sistem kepercayaan dan kepercayaan (*aqidah*), undang-undang dan peraturan (*ahkam*) hubungan Tuhan (*'ibādah*) dan hubungan sesama manusia (*mu'amalah*) dan juga sistem etika dan moral (*akhlak*).¹¹ Syari'at dalam perspektif ini meliputi seluruh spektrum kehidupan Islam yang merangkumi kepercayaan, moral (akhlak), kebaikan, prinsip-prinsip dan panduan, hal-hal ekonomi, politik, budaya dan ketamadunansikap prihatin bukan sahaja masyarakat Islam tetapi seluruh umat manusia.¹² Syariah ialah perspektif Islam yang terhasil

¹¹ Al-Qaradawi, *Dirasah fi Maqasid al-Shari'ah*, 16-22.

¹² Berghout, 'Maqasid al-Shari'ah as an Approach', 51-66.

dari petunjuk Ilahi yang terdiri daripada kerangka dan sistem pada setiap binaanya.¹³

Oleh itu *maqāṣid* adalah satu konsep menyeluruh yang terbentuk hasil daripada objektif shari'at yang berkaitan dengan kehidupan manusia. *Maqasid al-syari'ah* tidak sekadar hanya mengenal pasti objektif syariah dalam undang-undang (Ahkam) semata-mata. Perbincangan *maqāṣid* dalam bidang kewangan perlu sentiasa merujuk kepada objektif umum syari'at yang memberikan rangka kerja besar dan arah bagaimana transaksi kewangan hendaklah disusun dalam sistem ekonomi Islam. Dalam rangka *maqāṣid*, aktiviti kewangan dan perbankan Islam membawa kepada objektif syari'at sebenar dalam merealisasikan masalah (manfaat) dan mencegah atau menangkis mafsadah (kemudaratan).

b. *Maqasid Al-syari'ah* dalam kewangan Islam merujuk kepada keseluruhan aktiviti kewangan dan matlamat agar mencapai piawaian yang ditetapkan oleh prinsip Syariah.

Dalam memahami ruanglingkup undang-undang Syariah, *maqāṣid al-Syariah* adalah satu disiplin ilmu yang perlu ada bagi mencapai keseluruhan matlamat dan objektif Islam, dan ianya dijadikan sebagai piawaian serta kriteria, nilai dan panduan berdasarkan wahyu yang diaplikasikan dalam kehidupan praktikal untuk menyelesaikan masalah dan membimbing arah kehidupan manusia. *Maqasid al-syari'ah* adalah matlamat atau tujuan asas shari'at yang telah diketengahkan kembali. Oleh itu, perbincangan *maqasid al-syari'ah* dalam kewangan Islam, perlu dilihat dalam perspektif yang lebih luas dan semasa, ia tidak harus terhad kepada objektif Islam dan undang-undang sahaja bahkan ia mencakupi maksud dan hikmah disebaliknya.

Walaupun kita bersetuju akan kepentingan menilai kewangan islam dari sudut pandang falsafah asal, ilmu *maqasid al-syari'ah* dilihat sebagai nilai tambah dalam mengkaji dan mengetahui untuk apa dan kenapa dihalalkan atau diharamkan sesuatu

¹³ Abdul Rauf Faisal, 'Islam A Sacred Law' (Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), 2002), jil.3.

transaksi. Teras perbincangan bukanlah sekadar menjurus kepada hukum kontrak sahaja tetapi turut mencakupi segenap aspek demi merealisasikan kewangan Islam yang sebenar. Dari sudut pandang *maqāsid*, Islam mengambil kira semua aspek termasuklah kerangka, proses, dan operasi dalam kewangan Islam sebagai menyediakan satu platform yang kondusif kepada pengamal aktiviti perbankan.

c. Membangunkan sistem kewangan Islam yang kukuh, pendekatan integratif dan perspektif menyeluruh mengenai visi Islam secara menyeluruh dalam bidang kewangan adalah diperlukan.

Maqasid al-syari'ah berasal dari sumber utama iaitu al-Quran dan Sunnah yang secara jelas atau tersirat dengan menerangkan tujuan syari'at dalam kehidupan manusia. Dalam usaha ini, hujah intelek (*'Aql*) adalah penting. Teks-teks (*nusus*) sendiri perlu dibaca secara mendalam dan menyeluruh sejajar dengan rasional mereka, tujuan dan matlamat supaya keseimbangan antara proses dan tujuan, bentuk dan kandungan, tafsiran literal dan pemahaman hakiki dalam menggubal undang-undang dalam urus niaga kewangan Islam. Ekonomi dan kewangan dalam pandangan Islam dianggap sebagai sistem utama kehidupan. Oleh itu, semangat, ajaran, norma-norma dan garis panduan agama dilihat sebagai merangkumi semua dimensi. Bidang ekonomi dibincangkan dalam rangka kerja ini. Di peringkat yang lebih tinggi, terdapat makro-matlamat yang cuba diketengahkan, seperti keadilan sosial, kesaksamaan, kerjasama dan kebersamaan dalam masyarakat pada peringkat mikro, Islam menggalakkan individu yang mempunyai ciri-ciri yang dikehendaki tampil ke hadapan untuk merealisasikan matlamat dari sudut praktikal.

Sebagai satu kerangka pemikiran baru yang menitik-beratkan aktiviti kehidupan manusia; ekonomi Islam, perbankan dan system kewangan adalah satu cabaran dalam memperbaharui sistem ekonomi manusia yang sedia ada, penambahbaikkannya dari sudut praktikal dan penawaran sesuatu yang memberi faedah sebagai membimbing manusia dalam mencapai kesejahteraan. Pelbagai krisis dihadapi umat manusia-seperti yang ternyata jelas

membezakan jurang antara kebendaan dan kesejahteraan, antaranya kemiskinan dalam angka yang besar dan ketidakadilan, kemusnahan ekologi, dan lain-lain-mencerminkan bahawa sistem ekonomi semasa benar-benar tidak berfungsi dengan baik dalam menjawab isu-isu dan masalah yang sedia ada. Oleh itu, alternatif baru diperlukan untuk membasmi dan memulihkan keadaan dan memberi jalan keluar dari belenggu masalah ekonomi yang ada. Antara perkara asas yang perlu dilengkapi ialah dengan pemahaman syariah secara menyeluruh beserta disiplin-disiplin ilmu yang lain dan pada masa yang sama, pihak yang berkepentingan akan merasa terpacu dalam memberikan sumbangan seperti ahli-ahli falsafah, ahli ekonomi, sosiologi, dan lain-lain untuk menyertai perarakan dalam membangunkan sistem kewangan Islam.

d. Keperluan memahami *maqasid* sebelum garis panduan diletakkan. Dengan demikian, ketepatan praktikal/amali dapat dicapai dalam mendapatkan hasil yang betul untuk proses ijtihad dalam menstruktur produk kewangan Islam dan hala tujunya.

Interaksi *'aql* dan literasi (*nusus*) bukan sahaja dalam mengesah-taraf bahkan digalakkan untuk menerangkan secara lebih lanjut *maqasid al-syari'ah* dalam rangka kerja umum (*maqasid 'ammah*) dan rangka kerja khusus (*maqasid khaṣṣah*). Dalam *ijtihad*, semua aspek dari *'illah*, *masalah*, *hikmah* dan *maqasid* perlu diambil kira, supaya keputusan (hukum) yang baik yang akan menghubungkan-jalinkan perkara *usul* (akar) dan perkara *furū'* (cawangan), undang-undang yang praktikal dan objektif yang jelas boleh dihasilkan.¹⁴ *Maqasid* akan membuka saluran ijtihad seiring dengan prosedur teknikal undang-undang *usul al-fiqh* dan *amali (Ahkam shar'iyya āmaliyya)*¹⁵. Pendekatan sebegini bukan sahaja meneliti 'mekanisme yang terbaik' dalam aspek teknikal luaran dalam pembikinan produk kewangan bahkan mencakupi semangat dan ruh Syariah dalam segenap aspek.

¹⁴ Al-Qaradawi, *Dirasah fi Maqasid al-Shari'ah*.

¹⁵ Kamali, *'Shariah Law an Introduction'*.

Pemerhatian dari sudut *maqasid al-syari'ah* dapat membuka persepsi dalam memahami teks yang berkaitan dengan konteks praktikal dan dari sudut pandang Syariah.

Amalan perbankan Islam sebahagian besarnya mengambil berat isu-isu teknikal /operasi disamping mempunyai produk atau kontrak yang patuh Syariah, ini hasil dari usaha para intelektual untuk menggubah sistem kewangan yang berasaskan riba kepada Islam dengan mengekalkan konsep yang sedia ada pada produk konvensional untuk memenuhi keperluan undang-undang Islam di samping mengekalkan objektif yang sama seperti sistem kewangan kapitalis. Hasilnya, kita melihat terdapat hampir semua perbankan yang berasaskan riba mempunyai kaunter yang menawarkan kewangan Islam.¹⁶

Dalam usaha menghasilkan produk yang menepati piawaian Syariah, kita perlu sedar bahawa ini bukanlah pengakhiran hasilnya, tetapi usaha kita dalam mencapai maksud dan tujuan yang dikehendaki oleh agama yang selari dengan kehendak *maqasid* ini merupakan anjakan paradigma dalam menangkis pemahaman yang sempit, pematuhan yang selari dengan aplikasi undang-undang formal kepada uas dan lebih mendalam syariah sebagai merangkumi keseluruhan kehidupan manusia. Dari segi ini, ia akan menjadi satu anjakan kepada pematuhan syari'ah dan maqasid. Usaha perlu memberi tumpuan kepada menghasilkan instrumen kewangan yang konsisten dengan objektif yang lebih tinggi.¹⁷ Kerangka kewangan Islam perlulah optimis agar dapat memastikan quality produk yang dihasilkan samada dari segi sistem dan etika memuaskan hati pelanggan.

Aplikasi Mekanisma Syariah dalam Merealisasi *Maqasid* dalam Ekonomi dan Kewangan Islam

Bukan sahaja matlamat akhir aktiviti ekonomi dan kewangan Islam membawa kepada sistem ekonomi berkeadilan, tetapi Syariah juga

¹⁶ Hafas Furqani,. "Contemplating Raisons D'etre and Future Direction." *Kertas Penyelidikan ISRA 27*, (2011).

¹⁷ Ibid.

menggariskan pelbagai panduan bagi memastikan *maqasid* aspek kewangan dan ekonomi Islam dapat direalisasikan. Maka, dapat disaksikan di sini bahawa Syariah bukan sahaja menggariskan matlamat tetapi turut menyenaraikan kaedah-kaedah (panduan) untuk mencapainya. Justeru, perlu dipastikan bahawa segala panduan ini diikuti dan dilaksanakan. Antara panduan-panduan tersebut adalah:

a. Larangan Menimbunkan Harta

Demi pembangunan kehidupan manusia, larangan menimbunkan harta adalah antara aspek yang perlu difokuskan. Ianya adalah selari dengan firman Allah:

“Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya banyak di antara pendeta-pendeta dan ahli-ahli agama (Yahudi dan Nasrani) memakan harta orang ramai dengan cara yang salah dan mereka menghalangi (manusia) dari jalan Allah (agama Islam). Dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya. (Iaitu) pada hari dibakar emas perak (dan harta benda) itu dalam Neraka Jahanam, lalu diselar dengannya dahi mereka dan rusuk mereka, serta belakang mereka (sambil dikatakan kepada mereka): Inilah apa yang telah kamu simpan untuk diri kamu sendiri, oleh itu rasalah (azab dari) apa yang kamu simpan itu”

Al-Taubah:34-35

Larangan ini adalah penting kerana aktiviti menghimpunkan harta membawa kepada pelbagai impak negatif antaranya harta tidak dimanfaatkan untuk pelaburan atau infaq, lalu menyebabkan tiada kemakmuran ekonomi dan produktiviti yang amat penting bagi seluruh anggota masyarakat. Contohnya, harga barangan di pasaran akan menjadi tidak tentu dan penindasan terhadap pengguna berlaku apabila para peniaga menyorok barangan runcit dan menanti harga naik. Maka jelaslah bahawa amalan ini perlu dibasmi dengan tegas.

b. Larangan Riba

Amalan riba merupakan suatu amalan yang tidak beretika dan haram. Ianya melibatkan pemilikan harta secara tidak adil serta penindasan terhadap pihak lain. Selain itu, amalan riba turut menyuburkan budaya malas di kalangan golongan berharta kerana mereka beruapaya mendapat keuntungan tanpa mengambil sebarang risiko atau dengan sekadar menunggu pulangan deposit mereka. Oleh yang demikian Rasulullah s.a.w telah menyatakan bahawa Allah melaknati semua pihak yang terlibat dengan riba. Perhatikan juga berkaitan amalan riba dalam firmanNya berkaitan hal ini:

“Orang-orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk Syaitan dengan terhuyung-hayang kerana sentuhan (Syaitan) itu. Yang demikian ialah disebabkan mereka mengatakan: Bahawa sesungguhnya berniaga itu sama sahaja seperti riba. Padahal Allah telah menghalalkan berjual beli (berniaga) dan mengharamkan riba. Oleh itu sesiapa yang telah sampai kepadanya peringatan (larangan) dari Tuhannya lalu dia berhenti (dari mengambil riba), maka apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharaman itu) adalah menjadi haknya dan perkaranya terserahlah kepada Allah dan sesiapa yang mengulangi lagi (perbuatan mengambil riba itu) maka mereka itulah ahli Neraka, mereka kekal di dalamnya. Allah susutkan (kebaikan harta yang dijalankan dengan mengambil) riba dan Dia pula mengembangkan (berkat harta yang dikeluarkan) sedekah-sedekah dan zakatnya. Dan Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang kekal terus dalam kekufuran dan selalu melakukan dosa. Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal soleh dan mengerjakan sembahyang serta memberikan zakat, mereka beroleh pahala di sisi Tuhan mereka dan tidak ada kebimbangan (dari berlakunya sesuatu yang tidak baik) terhadap mereka dan mereka pula tidak akan berdukacita.”

Al-Baqarah: 275 -277

c. Larangan Berlaku Boros, Bakhil dan Membazir

Syariah mengambil berat sikap dan perbuatan manusia dalam segala aspek kehidupannya termasuk dalam urusan mengendali hartanya atau harta orang lain. Tiga sifat yang dinyatakan di sini, adalah merupakan sikap-sikap negatif utama yang perlu diperhatikan. Hal ini adalah kerana sikap ini membawa kepada kemusnahan harta yang mana tiada harta dapat disimpan atau dibangunkan. Malah, ianya merosakkam nilai diri manusia dan menjerumuskannya ke dalam aktiviti haram dan tidak bermoral. Oleh yang demikian, sikap – sikap ini wajar dielakkan dan dikawal.

d. Larangan Monopoli

Syariah menganjurkan agar aktiviti kewangan dijalankan secara sihat serta pencapaian kemakmuran sejagat dan bukan keuntung pihak tertentu sahaja. Oleh itu, apa jua bentuk monopoli tidak dibenarkan. Malah, Islam menggalakkan amalan kebebasan ekonomi serta membuka peluang untuk semua pihak. Monopoli perlu dibasmi kerana ianya adalah bertentangan dengan Syariah dan akhlak Islam kerana melibatkan sifat pentingkan diri, tamak dan kekikiran selain daripada membawa kepada penindasan golongan lemah. Sesungguhnya Rasulullah s.a.w melaknati mereka yang mengamalkannya.

e. Larangan Terlibat dengan *Gharar Fahish*

Oleh kerana antara *maqasid al-syari'ah* dalam ekonomi dan kewangan Islam adalah ketelusan, maka keterlibatan dengan *gharar fahish* adalah dilarang oleh kerana konflik dan piolemik yang akan disebabkan. Malah, ianya adalah bagi memastikan keadilan berlansung dan setiap pihak memperolehi haknya. Namun, penglibatan dengan *gharar yasir* adalah dimaafkan syariah dan hal ini akan ditentukan oleh amalan kebiasaan antara para peniaga dan uruf.

Perbincangan di atas menunjukkan bahawa Syariah telah meletakkan beberapa panduan bagi merealisasikan *maqasid al-syari'ah* dalam aspek ekonomi dan kewangan Islam. Panduan ini

agak menyeluruh kerana membimbing manusia berkaitan amalan serta sikap yang perlu diterapkan tatkala berurusan dengan harta atau pun dalam menjalankan aktiviti ekonomi dan kewangan Islam. Benarlah firman Allah:

“... Tiada Kami tinggalkan sesuatu pun di dalam kitab Al-Quran ini; kemudian mereka semuanya akan dihimpunkan kepada Tuhan mereka (untuk dihisab dan menerima balasan).”

Al-An’am: 38

Selain daripada mekanisma yang disebut di atas, terdapat panduan lain daripada *maqasid* Syariah yang boleh membimbing ke arah sistem ekonomi berkeadilan. Antaranya adalah seperti berikut:

- a. Aplikasi klasifikasi *maqasid* (*daruriyat*, *hajiyat* dan *tahsiniyat*) sebagai panduan dalam membuat keputusan berkaitan aktiviti ekonomi dan kewangan Islam. Hal ini melibatkan agen ekonomi dan institusi kewangan Islam perlu menilai aktiviti – aktiviti mereka dan mengutamakan aktiviti yang memenuhi keperluan *daruriyat* masyarakat terlebih dahulu, sebelum aspek *hajiyat* dan *tahsiniyat*. Sebagai contoh, seperti pembangunan berkaitan sumber makanan, perumahan kos rendah, pendidikan dan kesihatan diutamakan atau dilaksanakan terlebih dahulu sebelum menyediakan perkhidmatan berkaitan pelancongan, rekreasi dan lain-lain. Justeru, pembangunan secara berperingkat dan menyeluruh akan dicapai dan segala keperluan semasa masyarakat dipenuhi. Maka, tiadalah masyarakat yang terpinggir daripada menikmati hasil pembangunan ekonomi dan kemakmuran dicapai secara bersama. Perkara ini akan memerlukan agar kajian menyeluruh dilakukan sebelum sebarang aktiviti ekonomi atau kewangan dilaksanakan dan sebarang perbelanjaan dilakukan secara berhemah.
- b. Mengambil kira *masalah* dan *darar* dalam aktiviti ekonomi dan kewangan Islam. Hal ini akan menuntut para agen

ekonomi dan institusi kewangan melakukan penilaian secara menyeluruh terhadap impak sebarang aktiviti yang ingin dilakukan. Mereka perlu berusaha membangunkan sesuatu yang bebas daripada membawa kemudaratan kepada masyarakat selain ianya amat bermanfaat kepada masyarakat. Segala kaedah fikah yang berkaitan boleh dijadikan panduan. Malah pada masa kini, pihak – pihak yang terlibat dalam ekonomi turut mempromosikan pelaburan hijau (*green investment*) dan pelaburan bertanggungjawab sosial (*socially responsible investment*) yang berusaha mengelakkan pelaburan yang membawa kemudaratan pada masyarakat serta meningkatkan taraf sosio-ekonomi mereka. Konsep sama boleh diterapkan dalam ekonomi Islam selagi ianya selari dengan Syariah.

- c. Promosi dan aplikasi konsep keusahawanan social (*social entrepreneurship*) yang selari dengan Syariah. Konsep ini perlu digalakkan kerana ianya mendorong semua individu untuk terlibat menyelesaikan masalah dan menjana aktiviti yang dapat meningkatkan socio-ekonomi masyarakat. Ianya membawa kepada penerokaan idea, plan atau aktiviti baru yang luar biasa untuk membantu masyarakat. Namun, ianya akan menuntut agar segala modal, tenaga, sumber dan masa individu dilaburkan dalam aktiviti yang keutamaannya membantu masyarakat beserta membawa pulangan kewangan pada masa kemudian. Konsep ini adalah selari dengan *maqasid* Syariah dan merupakan suatu aktiviti ekonomi baru yang perlu diteroka.
- d. Pengubahsuaian amalan urustadbir korporat (*corporate governance*) agar selari dengan panduan Islam. Hal ini adalah kerana para agen ekonomi dan pengurus institusi kewangan Islam perlulah bertindak berdasarkan panduan Syariah bagi menjamin dan potensi institusi berkaitan dapat dioptimumkan bagi membawa kepada pencapaian *maqasid al-syari'ah*. Oleh yang demikian, dicadangkan agar rangka urustadbir korporat masa kini diterapkan dengan aspek Syariah dan akhlak serta prinsip Taqwa kepada Allah

diterapkan dalam diri setiap individu yang terlibat dengan aktiviti ekonomi. Mereka perlu jelas bahawa mereka merupakan khalifah yang akan dihisab Allah di atas segala perbuatannya serta menjadi pemegang amanah Allah apabila berurusan dengan harta memandangkan Islam menggariskan bahawa harta adalah pinjaman daripada Allah dan bukan milik mutlak manusia. Malah, beberapa aspek dalam prinsip tanggungjawab social korporat (*corporate social responsibility*) yang selari dengan Syariahboleh diambilkira.

Perbincangan di atas memperlihatkan pelbagai mekanisme lain yang berpandukan *maqasid*, yang boleh diaplikasikan bagi menyokong usaha merealisasikan sistem ekonomi berkeadilan. Malah, mungkin terdapat mekanisme lain yang tidak dinyatakan di sini yang turut menyokong matlamat ini. Sesungguhnya syariah itu kaya dengan panduan – panduan untuk memandu kehidupan manusia ke arah yang terbaik selain dan fleksibel dari sudut aplikasinya dan menjadi tanggungjawab manusia untuk melaksanakannya

Kesimpulan

Syariah dan *maqasid*nya seharusnya menjadi dasar kepada segala aktiviti manusia, malah perlu dipastikan bahawa segala tercapai secara menyeluruh, termasuk *maqasid* berkaitan aktiviti ekonomi dan kewangan Islam. Pelbagai mekanisme dan panduan Syariahboleh dimanfaatkan dan dilaksanakan dalam proses ini, justeru menjamin pelaksanaan sistem ekonomi berkeadilan. Jika tidak, ianya akan kekal sebagai teori dan idea serta impian yang tidak akan tercapai dan menjadi kerugian besar kepada manusia.

Manusia perlu menyedari bahawa inilah panduan terbaik dan menyeluruh bagi kehidupan mereka dan melaksanakannya. Ianya menjamin kesejahteraan hidup manusia di dunia dan akhirat dan bukan sahaja memenuhi keperluan asasi manusia tetapi membuka peluang kepada mereka menikmati pembangunan serta peningkatan taraf hidup. Malah, manusia bertanggungjawab melaksanakannya sebagai sebahagian daripada tanggungjawab mereka selaku khalifah dalam masyarakat dan pemegang amanah

Allah (harta). Oleh itu, manusia seharusnya memainkan peranan aktif dalam mengusahakan dan mencapai keadilan ekonomi dan sosial untuk manfaat seluruh umat manusia, selain menjadi contoh teladan kepada orang bukan Islam tentang keadilan dan manfaat panduan Syariah dan *maqasidnya*.

Bibliografi

- Al-Qardhawi, Yusuf. *Dirasah fi Maqasid al-Shari'ah: Baina al-Maqasid al-Kulliyah wa al-Nusus al-Juz'iyah*. 16-22 vols. Kaherah: Dar al-Shuruq, 2007.
- Al-Shatibi, Abu Ishaq. *Al-Muwafaqat fi Usul al-Shari'ah*. Vol. 1. 351 vols. Beirut: Dar- al-Maarifah, 1996.
- Al-Zuhayli, Wahbah. *Nazariyah al-Dharurah al-Shari'ah Muqaranah Ma'a al-Qanun al-Wadhi'*. 48 vols. Damsyik: Dar al-Fikr, 1996.
- Ashur, Muhammad Tahir Ibnu. *Treatise on Maqasid as-Shariah*. Translated by Dr. Muhammad Tahir el-Mesawi. International Institute of Islamic Thought, 2006.
- Berghout, Abdil Aziz. *Maqasid al-Shari'ah as an Approach for Intellectual Reform and Civilization Renewal*. 51-66 vols. Kuala Lumpur, 2006.
- Faisal, Abdul Rauf. *Islam A Sacred Law*. Vol. 3. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), 2002.
- Furqani, Hafas. "Contemplating Raisons D'etre and Future Direction." *Kertas Penyelidikan ISRA*, 2011.
- Kamali, Muhammad Hisham. *Shariah Law an Introduction*. Oneworld Publication. 2008.
- Laldin, Mohamad Akram, and Hafas Furqani. "The Foundation of Islamic Finance and The *Maqasid al-Shari'ah* Requirement." *Jurnal Kewangan Islam*, 2013.

Ta'arud Antara Maqasid Syariah: Penyelesaian dan Kesannya Terhadap Fatwa

Ahmad Fauwaz Bin Fadzil & Noor Naemah Abdul Rahman

Pengenalan

Perbincangan berkenaan dengan Maqasid Syariah adalah perbincangan yang sangat penting kerana ia merupakan ruh kepada Syariah Islam yang membawa keadilan,rahmah,hikmat dan masalah. Apatah lagi dizaman semua orang berbincang tentang maqasid samada dalam bentuk yang sempit atau terlampau meluas sehingga menzalimi nas-nas Syarie yang ada. Perbincangan secara ilmiah yang berpandukan kepada disiplin ilmu perlu dipatuhi oleh semua pembicara-pembicara maqasid Syariah sehingga ia bersifat seimbang dan wasatiyyah seperti yang diinginkan oleh Allah Taala.

Di antara isu penting di dalam ilmu maqasid adalah *ta'arud* maqasid yang perlu diberi perhatian oleh para mufti dan para sarjana hukum bagi memastikan setiap fatwa atau keputusan hukum dirumuskan dengan wajah yang sah tanpa menafikan setiap tahap maqasid.

Definisi Ta'arud dan Maqasid Syariah:

Ta'arud telah didefinisikan dengan pelbagai ungkapan dalam kalangan ulama usul. Secara umumnya terdapat definisi secara Bahasa dan Istilah bagi istilah tersebut

Al-Ta'arud dari sudut bahasa: Percanggahan setiap satu perkara ke atas perkara lain. *Al Ta'arud* dari sudut istilah adalah "Percanggahan dua dalil atau dalil-dalil berdasarkan kefahaman yang berlainan sehingga terhalang berlakunya penyatuan di antara dalil-dalil tersebut kerana terhasilnya hukum yang berlainan daripada kedua-duanya,satu hukum mewajibkan sementara yang satu lagi adalah hukum yang mengharamkan¹.

¹ Wahbah al-Zuhaily, *Usul al-Fiqh al-Islami* (Kaherah: Dar al-Fikr, 2009), 2: 456.

Sementara maqasid syariah pula, telah didefinisikan oleh para ulama dengan pelbagai ungkapan. Antaranya, Dr Alyubi telah mendefinisikan maqasid syariah sebagai

“ Ilah dan hikmah yang dijaga oleh Syariat dalam pensyariatan samada dalam bentuk umum dan khusus kerana ingin merealisasikan masalah hamba-hamba²”

Sheikh Abdullah bin Bayyah mendefinisikan ia sebagai

“ Sesuatu perkara yang diinginkan oleh syarak dengan mensyariatkan sesuatu hukum³”

Ia memberi makna apabila syariat ingin daripada manusia melaksanakan agendanya maka syariat mensyariatkan hukum syarak bagi merealisasikan kehendak syarak.

Berdasarkan dua definisi ini maka maqasid syariah bererti: matlamat syariat yang dijelmakan pada pensyariatan hukum.

Setelah melihat kepada definisi *Ta'arud* dan *Maqasid Syariah* maka pengkaji menyimpulkan bahawa *Ta'arud Maqasid Syariah* adalah “Pertembungan di antara salah satu *afrod maqasid* dengan yang lain dari aspek yang mana satukah yang perlu didahulukan”.

Adakah perbincangan Ta'arud Maqasid termasuk di dalam perbincangan ilmu usul?

Sekiranya dirujuk kepada kitab-kitab usul dalam perbahasan *taa'rud* dan *tarjih*, tidak kedapatan perbincangan secara khusus tentang hal ini melainkan setelah munculnya *al-Amidi 631H* yang memasukkan *al Maqasid* di dalam bab *al Tarjih* seperti yang dinyatakan oleh *al-Raysuni*.⁴

Al-Amidi telah menyebutkan isu ini dengan menyatakan ⁵

² Al-Ayubi, *Maqasid al Shariah wa 'Alaqatuha Bi al- Adillah al Syar'iyah*, (Riyadh: Dar al-Hijrah Li al-Nasyr wa al-Tawzi', 1998), 37.

³ Abd Allah Ibn Bayyah, *'Amali al-Dilalah Wa Majal al Ikhtilafat*, (Lubnan : Darul Minhaj 2007), 332.

⁴ Raysuni, *Nazariyyah al-Maqasid 'Inda Al Imam Al Syatibi* (? : Matba'ah Al Hidayah 2011) ms49.

⁵ Al-Amidi, *Al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*, (Lubnan: Dar al-Minhaj 1997), juz 4, ms 383

أن يكون المقصود من احدا العلتين من المقاصد الضرورية كما بيناه من قبل والمقصود من العلة الأخرى غير ضروري فما مقصوده من الحاجات الضروريات أولى لزيادة مصلحته وغلبة الظن به.

Secara rumusan ungkapan tersebut membawa pengertian bahawa 'illah yang dibawah maqasid daruriyyah lebih diutamakan daripada illah yang bukan dibawah maqasid daruriyyah.

Al-Amidi membicarakan isu ini di dalam bab *ta'arud* sifat illah sewaktu membincangkan perkara *al-Ta'arud al-waqi' bayn al ma'qulayni*.

Daripada perbincangan al-Amidi tersebut, jelas menunjukkan perbincangan tentang maqasid di zaman beliau masih tertakluk di dalam bab qiyas dan belum menjadi ilmu yang asing dan mustaqil seperti pendapat sebahagian ulama yang lain

Sementara al Syatibi, tokoh maqasid yang dianggap luar biasa dalam sejarah perundangan Islam telah membahaskan secara tidak langsung tentang maqasid di dalam kitabnya *al Muwafaqat*. Beliau juga telah membuat sentuhan tentang ta'arud antara afraad maqasid. Sebagai buktinya beliau telah menyebutkan dalam permasalahan ketiga dari bab al maqasid⁶

وبيان ذلك أن حفظ المهجة مهم كلي وحفظ المروءات مستحسن ,
فحرمت النجاسات حفظ للمروءات وإجراء لأهلها من محاسن العادات.
فإن دعت الضرورة إلى حفظ المهجة بتناول النجس كان تناوله أولى.

Bermaksud : *Di dalam menerangkan fakta al takmilah kepada al asl, bahawa penjagaan nyawa adalah daruriy kulliy (prinsip) dan menjaga maruah adalah perkara tahsinat maka dengan sebab itu diharamkan pengambilan bahan najis untuk menjaga maruah dan membawa golongan ini kepada budaya yang menarik. Tetapi sekiranya keadaan darurat iaitu menjaga nyawa menuntut untuk dipelihara dengan mengambil bahan najis maka menjaga nyawa lebih atwla"*

⁶ Al-Shatibi, *Al Muwafaqat*, (Beirut: Dar al-Makrifah1975) j2 ms 11

Kenyataan ini menunjukkan bahawa ta'arud di dalam maqasid memberi impak dalam penentuan hukum fiqh dan fatwa sehingga makna masalah itu tercapai dalam kalangan manusia bagi kehidupan dunia dan akhirat mereka. Gambaran yang diberikan oleh al Syatibi berkenaan dengan ta'arud daruri iaitu menjaga nyawa dan mengelak daripada penggunaan bahan najis yang dianggap beliau sebagai perkara tahsinat yang bertujuan menjaga maruah perlu diambil berat oleh para mufti atau para faqih dalam menilai bagaimana memberikan keutamaan antara afraad maqasid apabila berlakunya pertembungan.

Bahkan senario seumpama ini telah didapati dilakukan oleh Rasulullah SAW sendiri dalam peristiwa Baginda telah memberikan para sahabat meminum air kencing unta⁷ yang ditimpa penyakit sedangkan air kencing unta adalah najis mengikut sebahagian mazhab tetapi untuk menyelamatkan nyawa maka menjaga nyawa adalah lebih diutamakan daripada menjaga maruah yang termasuk dalam kelompok maqasid *tahsinat*.

Menangani hal yang sama al Zarkasyi juga turut melihat isu ta'arud afraad maqasid adalah dari sentuhan ilmu usul. Hal ini boleh dibuktikan melalui apa yang disebutkan oleh beliau sewaktu mendefinisikan ta'arud dan tarjih dengan menyebutkan⁸

والقصد منه تصحيح الصحيح وإبطال الباطل . اعلم أن الله تعالى لم ينصب على جميع الأحكام الشرعية أدلة قاطعة, بل جعلها ظنية قصدا للتوسيع على المكلفين لئلا ينحصروا في مذهب واحد لقيام الدليل عليه . وإذا ثبت أن المعتبر في الأحكام الشرعية الأدلة الظنية فقد تعارض بعارض في الظاهر بحسب جلائها وخفائها فوجب الترجيح بينهما والعمل بالأقوى

⁷ Al-Dar al-Qutni, *Sunan al-Dar al-Qutni* (Dar al-Fikr 1994) hadith no: 1746

⁸ Al-Zarkashi, *Al-Bahr al-Muhit fi Usul al-fiqh*, (Maghrib: Dar al-Hidayah 1992) juz 6, ms 134

والدليل على تعيين الأقوى أنه إذا تعارض دليلان أو أمارتان فإما أن يعمل
جميعاً أو يلغيا جميعاً أو يعمل با بالمرجوح والراجح وهذا متعين.

“ Yang dimaksudkan daripada bab ini adalah mentashihkan yang sah dan membatalkan yang salah. Ketahuilah bahawa Allah Taala meletakkan pada semua setiap hukum hakam dengan dalil-dalil yang qatie sebaliknya Allah Taala menjadikan dalil-dalil tersebut bersifat zanni dengan bertujuan untuk meringankan beban golongan mukallafin agar tidak terbatas kepada satu mazhab sahaja ketika wujudnya dalil pada sesuatu hukum. Apabila secara pastinya pensabitan hukum-hukum Syarak sabit dengan dalil-dalil zanni . kadang-kadang terdapat dalil-dalil zanni bertentangan dengan dalil yang lain pada zahir pandangan mujtahid berdasarkan sifat yang jelas atau tidak jelasnya sesuatu dalil maka ketika itu pentarjihan adalah wajib pada dalil-dalil yang bertembung dan wajib beramal dengan dalil yang terkuat. Dan dalil yang menunjukkan kepada beramalan dengan dalil yang kuat adalah apabila bertembung dua dalil sama ia diharmonikan kedua-keduanya atau digugurkan kedua-keduanya atau diamalkan salah satu daripada dalil yang marjuh atau rajih maka pendapat yang rajih ini perlu diamalkan:

Berasaskan apa yang disebutkan oleh al-Zarkasyi menunjukkan bahawa pertentangan antara dalil syarak secara zahirnya akan berlaku. Dalam memperkatakan ta'arud yang berlaku antara dalil syarak maka adalah menjadi satu tuntutan untuk turut dibicarakan ta'arud dalam maqasid kerana maqasid adalah satu pendekatan *maslak* yang mendampingi dalil-dalil Syarie. Dr al Raysuni mengesahkan perkara ini dengan menyatakan bahawa ulama usul memasukkan perbahasan tarjih antara maqasid dalam perbahasan al Tarjih. Keadaan ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa kewujudan ta'arud antara maqasid adalah suatu hakikat

ورأينا أيضا أن الأصوليين أدخلوا المقاصد في باب الترجيح ونصوا على
ترجيح المقاصد الضروريات على الحاجة والحاجة على التحسينية ...

كما تعرضوا لترجيح الضروريات فيما بينها. وهذا اشتراط ضمنى للعلم بالمقاصد في حق كل من يجتهد ويرجح بين العلل والمقاصد فلا يمكن أن يرحح بين المقاصد إلا عالم بها⁹.

Bermaksud : Kita melihat bahawa ulama-ulama usul memasukkan maqasid di dalam bab Tarjih dan mereka menaskan bahawa maqasid daruriat ditarjihkan ke atas maqasid hajiah dan ditarjihkan maqasid hajiah ke atas maqasid tahsiniah. Sepertimana mereka turut membicarakan pertarjihan di dalam maqasid daruriat(menjaga agama,nyawa,kehormatan,akal dan harta) di antara kandungan maqasid daruriat itu sendiri. Pensyaran secara tidak langsung ini(bukan secara lafaz) terhadap pengetahuan ilmu maqasid adalah pada setiap orang yang berjihad dan orang yang mentarjih di antara illah dan maqasid. Tidak mungkin seseorang mentarjih di antara maqasid melainkan dia mengetahui ilmu maqasid.

Kenyataan ini menunjukkan wujudnya *ta'arud* maqasid yang perlu disedari dan difahami oleh setiap mufti dan ahli hukum agar mereka dapat mengeluarkan fatwa atau jawapan fiqh dengan tepat. Hal ini penting kerana apabila seseorang mufti tidak mampu membezakan kedudukan hukum hakam mengikut darjat dan kedudukan dari aspek daruriyyat,hajiyyat dan tahsiniyyat dia pasti akan terjebak kepada kesilapan fatwa (Zallah) dan menyanggahi prinsip Syariah iaitu keadilan, rahmah, hikmah dan maslahah.

Antara contoh yang dapat diberikan seperti isu menunaikan solat bersama imam yang fasiq. Sifat adil di dalam solat adalah bersifat tahsiniyyat dan menunaikan solat adalah daruriyyat dan berjamaah boleh dimasukkan di dalam kategori hajiyyat di mana tidak boleh seseorang meninggalkan solat berjamaah di atas alasan imamnya fasiq kerana kedudukan solat berjamaah lebih tinggi daripada sifat adil pada imam. Dalam hal ini terdapat hadis yang telah diriwayatkan bahawa Nabi pernah bersabda:

⁹ Al-Raysuni, *Nazariyyah al-Maqasid*, 374.

Terjemahan: Solatlah dibelakang setiap imam yang baik dan jahat.

Dalam sejarah juga telah sabit secara yang sahih bahawa sebahagian sahabat Nabi telah menunaikan solat dibelakang Hajjaj al-Thaqafi¹⁰. Ini adalah sebahagian dari contoh ta'arud antara maqasid yang berlaku di zaman para sahabat dan diselesaikan secara baik oleh para sahabat di zaman mereka.

Penyusunan Maqasid

Di dalam penyusunan keutamaan maqasid , terdapat dua aliran yang menyusun secara tertib untuk dijadikan sebagai parameter keutamaan kepada para mujtahid ketika berlakunya pertembungan di antara afraad maqasid. Penyusunan dan tertib ini pada hakikatnya menunjukkan kepada wujudnya ta'arud di antara afraad maqasid yang memerlukan kepada pentarjihan ketika berlaku pertembungan. Aliran jumhur menyusun susunan dan tertib maqasid seperti berikut¹¹:

1. Menjaga agama
2. Menjaga nyawa.
3. Menjaga keturunan
4. Menjaga akal
5. Menjaga harta.

Dr Ali Jumaah bekas mufti Negara Mesir sewaktu membincangkan tentang susunan tertib maqasid dalam kitab beliau *Simat al-'Asr*¹² telah memberikan pandangan baru yang agak asing daripada pandangan majoriti ulama dalam susunan tertib *Maqasid Ammah*. Dr Ali menganggap susunan tertib maqasid bukannya bermula dengan agama tetapi dengan jiwa. Beliau menyebutkan di dalam bukunya:

¹⁰ Muhammad al-Shirbini al-Khatib, *al-Iqna'* (Dar al-Fikr, 1995), 166.

¹¹ Al-Shatibi, *al-Muwafaqat*, 2: 11.

¹² Ali Jumaah, *Simat al-Asr Ru'yah Muhtam* (Kaherah :Dar al-Faruq, 2006) 335

Penyusunan yang kami berpandangan yang sesuai di zaman ini adalah:

1. Menjaga nyawa
2. Menjaga akal.
3. Menjaga agama
4. Menjaga keturunan
5. Menjaga harta.

Menurut beliau susunan yang secara tradisinya yang dimulakan dengan maqsad penjagaan agama sebagai yang paling atas perlu diubah kepada susunan yang lebih berkesan dengan keperluan pada zaman kini iaitu meletakkan maqsad penjagaan nyawa terdahulu. Ini kerana agama yang dimaksudkan dalam penyusunan maqasid daruriyyat al khamis menurut beliau bukan bererti Islam, tetapi menurut beliau agama di sini bererti syiar-syiar agama yang berhajat kepada niat walaupun berada di dalam bab muamalat. Maka dengan secara logiknya menjaga nyawa dan akal mesti diletak di peringkat paling atas kerana ia lebih praktikal kerana tanpa nyawa dan akal syiar syiar agama tidak dapat di laksanakan. Menurut beliau:

“ Tertib ini walaupun ia adalah baru tetapi ia tidak terkeluar daripada manhaj orang terdahulu bahkan ia termasuk di dalam satu mukaddimah yang boleh menjadikan kehidupan ini lurus”¹³

Meneliti perselisihan pandangan antara Dr Ali Jumuah dengan para ulama terdahulu, pengkaji tidak melihat penyusunan baru yang dikemukakan oleh Dr Ali ini bercanggahan dengan apa yang disusun oleh ulama terdahulu seperti al Syatibi dan lain-lain kerana asas kepada perbezaan penyusunan ini merujuk kepada permasalahan *maratib al taqqadum* seperti yang dibahaskan oleh ulama mantik seperti al Bajuri di dalam Hasyiah ke atas matan al Sulam iaitu¹⁴:

1. *Taqaddum Tabie*
2. *Taqaddum zaman*

¹³ Ibid.

¹⁴ Al-Bajuri, *Hashiyah al-Bajuri a'la Matn al-Sulam* (Mesir: Mustafa al-Halabi, t.t), 3.

3. *Taqaddum illah*
4. *Taqaddum rutbah*
5. *Taqaddum sharaf.*

Ia diringkaskan di dalam bait Syair

وخمسة أنواع التقدم يا فتى أقر بها بيت من الشعر واعترف
تقدم طبع والزمان وعلّة ورتبة أيضا والتقدم للشرف

Maka pengkaji melihat apa yang disusun oleh ulama -ulama terdahulu ia disusun dari aspek taqaddum syaraf di mana mereka menyusun dari aspek kemuliaan adapun Dr Ali Jumuah beliau menyusun dari aspek taqaddum zaman iaitu sekiranya mengikut aspek susunan masa sudah tentu nyawa dan akal yang dijaga terdahulu kerana manusia lah yang menggerakkan agama. Maka seperti kata ulama usul

إذا انفكت الجهة فلا تعارض¹⁵

Ta'arud Maqasid Dan Kesannya Kepada Penentuan Fatwa

Perbincangan terdahulu telah membuktikan bahawa ta'arud antara afрад maqasid adalah suatu yang benar berlaku. Sebagai rentetan dari kedudukan tersebut, secara tidak langsung ia membawa kesan kepada penfatwaan. Hal ini dapat dilihat berlaku kepada fatwa para ulama silam. Sebagai contoh fatwa Yahya Ibn Yahya al-Laythi seorang ulama di Andalus ketika memberi fatwa bagi kes seorang Raja di Andalus yang melakukan hubungan persetubuhan dengan hambanya setiap hari di bulan Ramadan. Menangani hal ini Yahya telah berfatwa bahawa Raja tersebut perlu berpuasa dua bulan berturut-turut kerana dia melihat sekiranya berfatwa dengan membebaskan hamba tidak mencapai maqasid syarak yang bersifat menjaga agama walaupun mengikut aturannya pembebasan hamba berada pada susunan terlebih dahulu sebelum puasa dua bulan berturut-turut

¹⁵ Lihat Ahmad bin Hamzah al-Ramli, *Ghayah al-Ma'mul Fi Sharh al-Waraqat* (Damsyiq: Mu'assasah al-Risalah Nasyirun 2005), 345.

Pertembungan antara maqasid menjaga kehormatan dengan menjaga agama dalam kes di atas telah menyebabkan Yahya Ibn Yahya al-Laythiy berfatwa dengan kewajipan berpuasa berturut-turut agar raja tersebut tidak mengulangi perbuatan berkenaan. Walaupun fatwa ini dikatakan oleh ulama sebagai *fasad al I'tibar* فساد الاعتبار tetapi ia dijadikan sebagai contoh pertembungan dalam dunia fatwa¹⁶.

Pertembungan maqasid akan menjadikan fatwa sentiasa berubah mengikut ijtihad para ulama kerana terdapat perbezaan *maslak* dikalangan mereka dalam menentukan kedudukan peringkat maqasid. Apalagi apabila fatwa merupakan pandangan yang sentiasa dinamik dan menerima perubahan. Para ulama Islam hampir bersepakat bahawa fatwa akan berubah mengikut perubahan empat dimensi/ الجهات الأربع iaitu¹⁷ : masa, tempat, uruf dan budaya serta manusia itu sendiri

Sheikh al-Qaradawi telah memberikan penambahan kepada faktor perubahan dengan menditilkannya kepada perkara-perkara berikut¹⁸:

1. Perubahan zaman.
2. Perubahan keadaan
3. Perubahan kawasan
4. Perubahan Uruf
5. Perubahan maklumat
6. Perubahan pemikiran mujtahid
7. Perubahan politik dan sosial
8. Perubahan keperluan
9. Perubahan kemampuan manusia
10. Umum al Balwa

¹⁶ Al-Qaradawi, *al-Fatawa al-Shadhdhah* (Mesir: Dar al-Syuruq 2010), 13 dan 14

¹⁷ Lihat Ali Jumu'ah, *Simat al Asr*, 45

¹⁸ Lihat al-Qaradawi, *Mujibat Taghyir al Fatawa fi 'Asrina* (Kaherah: Dar al-Syuruq 2010) 11

Perbincangan-perbincangan seumpama ini tidak lain kecuali untuk menggambarkan bahawa fatwa sifat adalah menerima perubahan kerana faktor luaran yang mewajibkan seseorang mufti mengubah fatwa-fatwanya apabila wujud faktor perubahan tersebut. Sehingga didapati al Qarafi menyatakan satu kenyataan yang tegas bahawa

“ Kejumudan ke atas kitab-kitab(ulama -ulama) adalah kesesatan di dalam agama¹⁹.

Terdapat beberapa lagi contoh pendapat atau fatwa yang terkesan dengan ta’arud maqasid seperti berikut:

1. Pengharusan membatalkan solat fardu untuk menyelamatkan nyawa orang lemas dari aspek pertembungan penjagaan agama dan nyawa. Dalam hal ini para ulama melihat pertimbangan keutamaan diberikan kepada penjagaan nyawa mengatasi penjagaan agama.
2. Pengharusan mengeluarkan harta yang ada dalam perut mayat kerana hendak menjaga harta. Dalam contoh ini berlaku pertembungan di antara maqasid menjaga kehormatan dengan menjaga harta. Didapati sebahagian ulama mentarjihkan keutamaan penjagaan harta sebagai lebih awla.
3. Pengharusan membuang barang kapal laut untuk menyelamatkan penumpang kapal. Dalam contoh ini dilihat berlaku pertembungan di antara penjagaan nyawa dan penjagaan harta. Ulama sepakat menyatakan penjagaan nyawa diberi keutamaan
4. Pengharusan berbuka puasa ketika lapar melampau. Dalam contoh ini berlaku pertembungan di antara penjagaan agama dan penjagaan nyawa. Dalam hal ini yang diutamakan adalah penjagaan nyawa.

Penutup

Setelah membahaskan isu ta’arud antara maqasid, secara kesimpulannya beberapa perkara boleh dirumuskan:

¹⁹ Shihab al-Din al-Qarafi, *Al-Ihkam Fi Tamyiz al-Fatawa ‘An al-Ahkam*, (Beirut: Dar al-Basya’ir al-Islamiyyah 1995), 67.

1. Ta'arud adalah keadaan menunjukkan percanggahan dua dalil atau amarah dalam sesuatu isu hukum
2. Maqasid bukan merupakan dalil mustaqil yang merupakan petunjuk mutlaq kepada para mujtahid atau pun mufti kerana padanya boleh berlaku *ta'arud* yang memerlukan proses pentarjihan
3. Fatwa memang terkesan dengan *ta'arud* antara *afrad maqasid*.
4. Terdapat khilaf di kalangan ulama terdahulu dengan sebahagian ulama semasa dalam menentukan keutamaan penyusunan tertib maqasid

Bibliografi

- Al-Amidi, *Al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*, Lubnan: Dar al-Minhaj, 1997
- Al-Ayubi, *Maqasid al Shariah wa 'Alaqtuha Bi al- Adillah al Syar'iyah*, Riyadh: Dar al-Hijrah Li al-Nasyr wa al-Tawzi', 1998
- Al-Bajuri, *Hashiyah al Bajuri a'la Matn al Sulam*, Mesir:Mustafa al-Halabi, t.t.
- Al-Dar al-Qutni, *Sunan al- Dar al-Qutni*, Dar al-Fikr 1994
- Al-Jumu'ah, *Simat Al-Asr Ru'yah Muhtam*, Kaherah :Dar Al Faruq, 2006
- Al-Qaradawi, *al-Fatawa al-Shadhdhah* , Mesir: Dar al-Syuruq, 2010.
- Al-Ramli, Ahmad bin Hamzah al-Ramli, *Ghayah al-Ma'mul Fi Syarh al-Waraqat* , Damsyiq: Mu'assasah al-Risalah, 2005
- Al-Raysuni, *Nazariyyah al-Maqasid 'Inda Al Imam Al Syatibi* , Matba'ah Al Hidayah, 2011
- Al-Shatibi, *Al- Murwafaqat*, Beirut: Dar al-Makrifah, 1975
- Al-Syirbini Al Khatib, *al-Iqna'* , Darul Fikri 1995
- Al-Zarkashi, *al-Bahr al Muhit fi Usul al-Fiqh*, Maghrib: Dar al-Hidayah, 1992
- Al-Zuhaily, *Usul al fiqh al- Islami* , Kaherah: Dar al-Fikr, 2009)
- Ibn Bayyah, *Amali al-Dilalat Wa Majal al Ikhtilafat*, Lubnan : Darul Minhaj 2007.

Pemakaian Maqasid al-Shari'ah Sebagai Seismograf¹ Dalam Penilaian Isu Semasa

*Mohd Anuar Ramli, Saiful Islam Nor Mohd Zulkarnain, Mohammad Fuad
Mohd Rozib & Mohd Farhan Md Ariffin*

Pendahuluan

Islam merupakan *al-din* yang komprehensif lagi progresif di mana dalam menurunkan Shariah untuk diamalkan oleh umat Islam, Allah SWT tidak menetapkannya melainkan telah menggariskan beberapa objektif sama ada secara umum ataupun khusus agar manusia dapat meneruskan kehidupan dengan mendatangkan kemaslahatan dan menolak segala mafsadah.

Maqasid al-Shari'ah merupakan wacana yang mengalami perkembangan sebagaimana disiplin ilmu Islam yang lain dalam Usul al-Fiqh. Ia adalah asas kepada segala perlakuan *mukallaf* dan menjadi enjin yang menggerakkan aktiviti manusia dalam rangka merealisasikan kepentingan umum iaitu memberikan kemanfaatan dan menghindarkan kerosakan bagi mencapai keredhaan Allah. Ini kerana sifat Shariat Islam adalah bersumberkan Ilahiyyah, tetapi berorientasikan insaniyyah.²

Dengan sifat tersebut, maqasid al-Shari'ah yang terbentuk merupakan integrasi antara dimensi Ilahi yang bersumberkan daripada Allah SWT yang bersifat transenden, yang ditaati kerana keimanan dan petunjuk wahyu dan juga dimensi insani yang mengambilkira kemaslahatan manusia sebagai makhluk yang ditaklifkan Shari'ah.³ Situasi ini disebabkan hukum Islam bukan lahir dari kondisi yang hampa (*ex nihilo*), bukan juga diturunkan

¹ Seismograf adalah alat untuk mengukur kekuatan gempa bumi. Dalam konteks kajian ini, pengkaji menggunakan ia sebagai alat untuk mengukur sahaja.

² Muhammad 'Imarah. *Al-Shari'ah al-Islamiyyah wa al-'Ilmaniyyah al-Gharbiyyah*, (Kaherah: Dar al-Shuruq, 2003), 11-12.

³ La Jamaa, "Dimensi Ilahi dan Dimensi Insani dalam Maqashid al-Syari'ah", *Asy-Syir'ah: Jurnal Ilmu Syari'ah dan Hukum*, vol. 45, no. 2, 2011, 1251-1270.

dalam kondisi yang hampa (*in nihilo*).⁴ Tiapnya mempunyai kondisi dan ruang yang tertentu di samping sasaran mukallaf.

Sehubungan itu, kajian ini akan membincangkan konsep maqasid al-Shari'ah, asasnya sebagai seismograf dalam penilaian di samping bentuk aplikasinya dalam konteks semasa sama ada sebagai kayu ukur pembinaan indeks, parameter mahupun penggunaannya sebagai etika.

Konsep Maqasid al-Shari'ah

Istilah *maqasid Shari'*, *maqasid al-Shari'ah* dan *maqasid al-Shar'iyyah* merupakan istilah-istilah yang sinonim⁵. Istilah ini akan dihuraikan berasaskan dua konsep, iaitu, berasaskan literal dan berasaskan satu disiplin ilmu.

Maqasid Shariah Berdasarkan Pengertian Literal

Konsep ini memerlukan huraian kepada dua perkataan utama yang menjadi asas kepada konsep *maqasid al-Shari'ah*, iaitu perkataan *maqasid* dan *al-Shariah*.

Definisi Maqasid

Perkataan *maqasid* dari sudut bahasa merupakan jamak kepada perkataan *maqad*, iaitu *masdar mimiy* yang diambil dari kata kerja (قصد) yang membawa maksud pegangan, punca, sasaran, kelurusan, keadilan dan kesederhanaan.⁶ Dengan lain perkataan, istilah ini merujuk kepada maksud objektif yang membawa erti berasaskan kenyataan atau fakta sebenar.⁷

⁴ Maulidi. "Paradigma Progresif dan Maqashid Syariah: Manhaj Baru Menemukan Hukum Responsif", *Asy-Syir'ah: Jurnal Ilmu Syariah dan Hukum*, vol. 49, no. 2, 2015, 251-264.

⁵ Ahmad al-Raysuni, *Nazariyyat al-Maqasid 'Inda al-Imam al-Shatibi*, cet. 4, (Riyadh : al-Dar al-Alamiah Li al-Kitab al-Islami, 1995), 17.

⁶ Muhammad Ibn Manzur, *Lisan al-'Arab*, (Beirut: Dar Sadir, t.t), 3: 353.

⁷ Noresah Baharom et al., *Kamus Dewan*, edisi ketiga, cet. 5, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000), 939.

Definisi Shari'ah

Shari'ah berasal daripada perkataan *shara'a* (شَرَعَ) yang bermaksud sumber air yang tidak pernah putus⁸ dan terus mengalir, memulai sesuatu pekerjaan dan juga menjelaskan⁹, menerangkan serta menunjukkan jalan¹⁰. Dari segi istilah, ia merangkumi keseluruhan apa yang diturunkan oleh Allah SWT kepada umat manusia melalui Rasul-Nya, Nabi Muhammad SAW¹¹. Menurut Muhammad 'Imarah, Shari'ah merupakan ciptaan Allah SWT, bukanlah ijihad kemanusiaan. Sifatnya tetap dan tidak berubah kerana ia adalah asas dan usul agama.¹² Metode untuk sampai kepada matlamat dan tujuannya adalah berasaskan manhaj Rabbani, kerana sumbernya adalah wahyu Allah SWT.¹³ Sedangkan pengembangannya adalah melalui fiqh yang terdedah kepada perkembangan zaman, tempat, realiti, kemaslahatan dan kefahaman.

Maqasid al-Shariah Sebagai Satu Istilah

Maqasid al-Shariah merupakan istilah yang mempunyai sejarah perkembangannya yang tersendiri. Sama seperti perkembangan ilmu-ilmu Islam yang lain, seperti ilmu fiqh dan usul fiqh. Istilah ini mengalami perkembangan dari satu period ke satu period di mana pada peringkat awalnya ia tidak menonjol sebagai satu bidang yang tersendiri sehinggalah ke zaman kemuncaknya di zaman al-Shatibi, ilmu ini masih juga belum dikonsepsikan dengan satu huraian yang lengkap. Namun, ulama mutakhir memberanikan diri untuk memberikan konsep *maqasid al-Shari'ah* serta huraiannya dengan

⁸ Muhammad b. Abi Bakr al-Razi, *Mukhtar al-Sihhah*, (Beirut: Dar al-Fikr al-'Arabi, 1997), 151.

⁹ Ali Ibn Muhammad al-Jurjani, *Mu'jam al-Ta'rifat*, (Kaherah: Dar al-Fadilah, t.t.), 109.

¹⁰ Ibn Manzur, *Lisan al-'Arab*, 8: 175.

¹¹ Mahmood Zuhdi Abdul Majid, *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*, edisi 2, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1992), 2.

¹² Muhammad 'Imarah, *Ma'rakah al-Mustalahat Bayna al-Gharb wa al-Islam*, (Kaherah: Nahdah Misr, t.t.), 70.

¹³ Fawzi Ba Thabit, *Fiqh Maqasid al-Shari'ah fi Tanzil al-Ahkam*, (Beirut: Mu'assasah al-Risalah, 2011), 26.

panjang lebar di samping menjadikannya sebagai satu disiplin ilmu yang tersusun. Definisi ini penting agar ia tidak disalah fahami oleh golongan awam.

Dari segi pengertian Shara', ulama usul al-fiqh telah mentakrifkan bahawa *maqasid al-Shari'ah* adalah merupakan makna dan tujuan yang dikehendaki Shara' dalam mensyariatkan sesuatu hukum bagi kemaslahatan umat manusia.

Ibn 'Ashur (1393 H)¹⁴ mendefinisikan *maqasid al-Shari'ah* dalam konteks am dan khas. Beliau menjelaskan bahawa *maqasid 'ammah* sebagai pengertian-pengertian dan hikmah-hikmah yang dititikberatkan dalam semua atau sebahagian besar perundangan Islam. Ia tidak hanya dikhususkan kepada hukum-hukum tertentu sahaja. Beliau menyebut dan menerangkan *maqasid 'ammah* ini sebagai memelihara peraturan, menarik kebaikan, menolak keburukan, menyamaratakan semua manusia, memartabatkan Shariah, memperteguhkan umat dan sebagainya. Beliau mendefinisikan *maqasid khashah* sebagai metode-metode yang digunakan oleh Shari' untuk merealisasikan objektif manusia yang bermanfaat atau untuk memelihara kepentingan umum mereka dalam urusan personal mereka. Ini termasuklah setiap hikmah yang dipelihara dalam pertasyriatan hukum yang berhubung dengan tindak tanduk manusia, contohnya, tujuan perjanjian dalam kontrak al-rahn, mendirikan sistem rumahtangga dan kekeluargaan dalam akad perkahwinan dan menolak kemudharatan yang berterusan dalam pensyariatkan talak.

Manakala 'Ilal al-Fasi (1394 H) menghimpunkan objektif Shari'ah am dan khas dalam definisi beliau di mana ditakrifkan sebagai matlamat Shari'ah dan rahsia-rahsia pensyariatkan setiap hukum yang ditentukan oleh Allah¹⁵. Konsep ini merangkumi objektif umum dalam frasa yang pertama iaitu (matlamat Shari'ah) dan objektif khusus iaitu dalam frasa keduanya.

¹⁴ Muhammad al-Tahir Ibn 'Ashur, *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah*, (t.t.p.: al-Basha'ir Li al-Intaj al-'Ilmi, 1998), 171.

¹⁵ 'Ilal al-Fasi, *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah Wa Makarimuha*, cet. 5, (Tunisia: Dar al-Gharb al-Islami, 1993), 7.

Al-Raysuni mendefinisikan maqasid al-Shari'ah sebagai matlamat-matlamat yang diletakkan Shari'ah untuk merealisasikan kemaslahatan umat manusia¹⁶. Pada hakikatnya definisi ini merujuk kepada takrif al-Fasi, melainkan beliau menghapuskan frasa terakhir yang menunjukkan objektif khusus.

Wahbah al-Zuhayli mendefinisikan maqasid al-Shari'ah sebagai makna-makna dan tujuan yang dititikberatkan dalam semua hukum atau sebahagian besarnya atau ialah matlamat dari Shari'ah dan rahsia-rahsia yang diletakkan oleh Shari' dalam setiap hukum¹⁷.

Al-Yubi pula mendefinisikan maqasid al-Shari'ah sebagai makna-makna dan hikmat-hikmat dan seumpamanya yang Shari' memeliharanya dalam pentasyriatan sama ada secara umum atau khusus untuk merealisasikan kemaslahatan umat manusia¹⁸.

Muhammad Bakr mendefinisikan maqasid al-Shari'ah sebagai kepentingan-kepentingan sama ada segera atau bertanggung yang dikehendaki Allah SWT kepada para hambaNya yang menganut Islam dan mereka berpegang dengan syariatNya.¹⁹

Dalam menganalisis konsep maqasid al-Shari'ah menurut kalangan ulama usul dan fuqaha', 'Abd Allah Bayyah merumuskan terdapat tiga penggunaannya, iaitu maqasid sebagai hukum dan matlamat, maqasid sebagai jalan yang merealisasikan hukum dan maqasid sebagai tujuan atau niat bagi mukallaf dan matlamat mereka. Namun, beliau menegaskan bahawa maqasid Shari'ah merupakan falsafah penyariatan Islam.²⁰ Allah SWT menurunkan Shari'ah untuk tujuan kemaslahatan dan kesejahteraan manusia. Semua aturan Shari'ah mempunyai maqasid yang ingin dicapai.²¹ Dengan itu, dalam literatur, perbincangan maqasid turut dikaitkan

¹⁶ Ahmad al-Raysuni, *Nazariyyat al-Maqasid*, 19.

¹⁷ Wahbah al-Zuhayli, *Usul al-Fiqh al-Islami*, (Damsyik : Dar al-Fikr, 1996), 2: 1017.

¹⁸ Muhammad Sa'id al-Yubi, *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah Wa 'Alaqtuha Bi al-Adillah al-Shar'iyyah*, (Riyadh : Dar al-Hijrah, 1998), 37.

¹⁹ Muhammad Bakr Isma'il Habib, *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah: Ta'silan wa Taf'ilan*, (Arab Saudi: Rabitah al-'Alam al-Islami, 1427H), 18.

²⁰ 'Abd Allah bin Bayyah, *'Alaqah Maqasid al-Shari'ah bi Usul al-Fiqh*, (Mekkah: Mu'assasah al-Furqan, 2006), 21.

²¹ Al Yasa' Abubakar, *Metode Istislahiah: Pemanfaatan Ilmu Pengetahuan Dalam Ushul Fiqh*, (Jakarta: Prenamedia, 2016), 52-53.

dengan dengan masalah, kerana objektif Shari'ah itu sendiri untuk *jalb al-maslahah wa dar' al-mafsadah*.

Pembahagian *maqasid* ini berdasarkan urutan kekuatannya boleh dibahagi kepada tiga, iaitu *al-daruriyat*, *al-hajiyat* dan *al-tahsiniyat* di samping pelengkapannya (*mukammilat*).²²

1. *al-Daruriyat*

Al-Daruriyat merupakan objektif yang mana kehidupan agama dan keduniaan manusia berdiri dengannya, jika sekiranya ia tidak ada nescaya berlakulah kepincangan hidup manusia di dunia ini dan kehilangan nikmat yang abadi²³ serta mengalami kesiksaan di akhirat nanti.

Ulama klasik membahagikan *al-daruriyat* yang asasi (*al-daruriyat al-khamsah*) kepada lima, iaitu agama, jiwa, akal, keturunan dan harta benda. Para ulama' telah membuat ketetapan wujudnya tertib antara lima jenis masalah-maslahah asasi tersebut, iaitu kepentingan agama diletak pada kelas pertama dan lebih utama dari kepentingan jiwa, sementara kepentingan jiwa mestilah diutamakan dari kepentingan akal, kepentingan akal mestilah diutamakan dari kepentingan keturunan dan kepentingan keturunan pula diutamakan dari kepentingan harta²⁴.

Islam menjaga *daruriyat* ini di dalam dua segi, mewujudkan dan melengkapkannya. Yang pertama merupakan dari segi positif yang berkaitan dengan penjagaannya dari sudut wujud dan yang kedua merupakan negatif yang berkaitan dengan penjagaannya dari sudut tidak ada.²⁵

1. Untuk merealisasikan agama, Allah telah mewajibkan pelaksanaan segala rukun Islam yang lima, dan untuk

²² Ada yang menterjemahkan kepada keperluan primer, sekunder dan tertier di samping terjemahan elementer, supplementer dan komplementer.

²³ Muhammad Mustafa Shalabi, *Ta'lil al-Ahkam*, cet. 2, (Beirut: Dar al-Nahdah al-Arabiah, 1981), 282.

²⁴ Muhammad al-Said, *Buhuth Fi al-Adillah al-Mukhtalaf fiha 'Inda al-Usuliyin*, (Kaherah: t.p., 1977), 98; Abu Hamid Muhammad Ibn Muhammad al-Ghazali, *Al-Mustasfa Min 'Ilm al-Usul*, (Beirut : Dar Ihya' al-Turath al-Arabi), 217.

²⁵ Al-Yubi, *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah*, 194-195.

menjaga agama, Islam telah mewajibkan jihad dan mengenakan siksa ke atas mereka yang murtad. Oleh yang demikian, terpeliharalah konsep beragama dan umat Islam dari kerosakannya.

2. Bagi menenteramkan jiwa, Islam telah mensyariatkan perkahwinan demi mengekalkan generasi manusia. Dan bagi memelihara jiwa, Allah telah mewajibkan makan dan minum dan memakai pakaian, serta mengenakan hukuman ke atas pembunuhan iaitu *qisas* atau *diat* dan *kaffarat*.
3. Untuk mewujudkan akal yang sihat Islam mengharuskan setiap perkara yang menjamin keselamatan dan menyuburkannya dengan menimba ilmu pengetahuan. Untuk menjaga akal, Islam mengharamkan setiap perkara yang merosakkan atau melemahkan kekuatan, seperti minum minuman yang boleh memabukkan dan mengambil sesuatu yang mengkhayalkan atau merosakkan akal fikiran seperti dadah dan sebagainya serta mengenakan hukuman yang berat ke atas mereka yang melakukannya.
4. Untuk menjaga keturunan, Islam telah mensyariatkan perkahwinan serta mengharamkan zina dan qazaf, dan mengenakan hukuman ke atas orang yang berzina dan membuat qazaf. Oleh itu terpeliharalah keturunan manusia dari perkara yang tidak diingini.
5. Manakala untuk mewujudkan harta pula, Islam telah mewajibkan manusia mencari rezeki yang halal dan mensyariatkan muamalat sesama mereka seperti berjual-beli, sewa-menyewa, syarikat, memberi pinjam dan sebagainya. Untuk memeliharanya, Islam mengharamkan mencuri, mewajibkan hukuman potong tangan, mengharamkan penipuan, khianat, riba dan memakan harta orang lain secara tidak sah dan mewajibkan ganti-rugi ke atas harta yang dimusnahkan.

2. *al-Hajiyat*

Al-hajiyat ialah kepentingan yang diperlukan oleh manusia bagi memberi kemudahan kepada mereka dan menghapuskan

kesempitan yang membawa kepada kesulitan dan kesukaran dengan ketiadaannya²⁶. Manakala ketiadaannya pula tidaklah sehingga membawa kepincangan dalam hidup manusia sebagaimana yang berlaku dalam tahap *al-daruriyat*, tetapi ia membawa kesukaran hidup mereka.

Dari segi kronologinya pula, ia berada selepas teori *al-daruriyat*. *Maslahah-maslahah* ini boleh didapati dalam ibadat, adat, muamalat dan keseksaan.

1. Di dalam ibadat, disyariatkan beberapa kemudahan (*rukhsah*) seperti sembahyang *qasar* dan *jama'* bagi orang yang musafir, diharuskan tidak berpuasa Ramadan bagi orang yang sakit atau musafir, menunaikan sembahyang dalam keadaan duduk bagi orang yang tidak mampu berdiri, menyapu khuf sebagai ganti basuh kaki ketika berwudhu', bermusafir dan lain-lain lagi.
2. Di dalam adat pula, diharuskan berburu dan bergembira dengan rezeki yang halal dalam bentuk makanan, pakaian dan tempat kediaman.
3. Di dalam muamalat, diharuskan berbagai-bagai kontrak atau akad yang bermatlamat memenuhi keperluan manusia seperti jual-beli, sewa, bersyariat, memberi jaminan dan sebagainya sebagaimana disyariatkan jalan-jalan bagi melepaskan tanggungjawab melalui sistem fasakh, menamatkan perkahwinan melalui perceraian kerana hajat atau keadaan mendesak dan diberi kuasa kepada wali untuk mengahwinkan anak perempuannya yang masih kecil kerana keperluan memilih pasangan yang sekuflu.
4. Di dalam keseksaan, Islam memberi kepada waris mangsa bunuh hak bunuh balas (*qisas*) dan bantu membantu di antara keluarga pembunuh dengan

²⁶ Abu Ishaq al-Shatibi, *Al-Muwafaqat Fi Usul al-Shari'ah*, cet. 3, (Beirut : Dar al-Makrifah, 1997), 2: 326.

menanggung *diat* dan disyariatkan penolakan hukum hudud dengan sebab syubhat.

3. *al-Tahsiniyat*

Teori *al-tahsiniyat* merupakan kepentingan yang dituntut oleh maruah yang menghendaki berpegang dengan adat-adat yang baik dan budi pekerti yang mulia²⁷, jika sekiranya ia tidak ada nescaya tidak membawa kepada kepincangan sistem hidup manusia sebagaimana berlaku kepada *al-daruriyat* dan tidak pula membawa kepada kesukaran hidup mereka sebagaimana yang berlaku pada tahap *hajiyyat*, tetapi ia membawa kepada kehidupan yang tidak elok pada pandangan orang-orang yang berakal. Ia boleh didapati dalam ibadat, adat, muamalat dan keseksaan.

1. Di dalam ibadat, Islam mensyariatkan bersuci dan menutup aurat di dalam sembahyang, memakai baubauan semasa berada di dalam masjid dan tempat perhimpunan orang ramai dan sebagainya.
2. Di dalam muamalat, Islam melarang berjual-beli barang-barang najis dan yang memudharatkan, jual-beli seorang ke atas jual-beli orang lain, pinangan atas pinangan orang lain.
3. Dalam adat pula, Islam mengajar adab-adab makan dan minum, mengharamkan memakan makanan yang keji dan memudharatkan, sebagaimana Islam melarang melampaui batas dalam makan minum dan berpakaian dan sebagainya.
4. Di dalam keseksaan Islam melarang membunuh kanak-kanak, perempuan dan paderi ketika peperangan, mewajibkan menunaikan haji bagi yang berkemampuan dan sebagainya.²⁸

²⁷ Yusuf Hamid al-'Alim, *al-Maqasid al-'Ammah Li al-Shari'ah al-Islamiyyah*, (Riyadh: al-Dar al-'Alamiah Li al-Kutub al-Islami, 1994), 164.

²⁸ *Ibid.*

Objektif Syariah memonitor tahap ini dalam rangka menilai ataupun mengukur sejauhmana sesuatu perkara itu selaras dengan tuntutan Sharak.

Selain daripada itu, dalam menilai sesuatu perkara juga, beberapa aspek lain perlu diambilkira untuk mencapai objektif Syariah. Ini kerana selain maqasid berasaskan kekuatannya, terdapat juga kategori lain. Dari segi rangkumannya, ia boleh dikategorikan kepada 3, iaitu:

1. *al-'Ammah*

Iaitu objektif umum yang diambilkira oleh Shariat dalam menentukan semua atau sebahagian besar hukum.²⁹

Contohnya,

- i. Menarik kemanfaatan dan menolak kerosakan.
- ii. Memudahkan dan mengangkat kesempitan.

Kedua-dua objektif ini lebih umum daripada objektif yang lain.

2. *Al-Khassah*

Iaitu objektif khusus yang diambilkira oleh Shariat dalam menentukan sesuatu atau beberapa kelompok hukum tertentu atau dalam bab-bab kecil yang serupa³⁰. Seperti objektif dalam ibadat, objektif muamalat dan jinayat.

Contohnya,

- i. Objektif *Shari'* dalam hukum kekeluargaan.
- ii. Objektif *Shari'* dalam urusan kehartaan.
- iii. Objektif *Shari'* dalam urusan muamalah.
- iv. Objektif *Shari'* dalam hukuman dan persaksian dan sebagainya³¹.

²⁹ Al-Yubi, *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah*, 388.

³⁰ *Ibid*, 411.

³¹ Al-Raisuni, *Nazariyyat al-Maqasid*, 20.

3. *Al-Juz'iyah*

Iaitu objektif serpihan yang diambilkira oleh Shariat dalam menentukan sesuatu hukum tertentu atau apa yang dimaksudkan oleh *Shari'* daripada setiap hukum *Shar'i*, daripada wajib, haram, sunat, makruh, harus, syarat atau sebab.³²

Contohnya, objektif masalah khusus di dalam wuduk, atau di dalam sembahyang, jual-beli atau lainnya dalam masalah *furu'*.

Antara Maqasid al-Shari'ah dan Maqasid al-Mukallaf³³

Dalam kerancangan perkembangan wacana maqasid al-Shari'ah, terdapat beberapa bentuk polarisasi aliran yang bergeser antara *maqasid al-Shari'ah*³⁴ dengan *maqasid al-mukallaf*³⁵ atau *maqasid al-'ibad* yang sewajarnya tiada kontradiksi di antara keduanya.

Ulama silam amat berhati-hati menggunakan maqasid al-Shari'ah dalam penentuan hukum seperti amalan dalam kalangan ulama mazhab Shafi'i, dan ada juga yang memperluaskan pengaplikasiannya seperti ulama mazhab Maliki.³⁶ Walau bagaimana pun, penggunaan mereka masih dalam sempadan nass, tanpa membelakangkan nass dengan alasan mendahulukan kemaslahatan, melainkan dalam konteks yang minimum.

Namun dalam perkembangan kontemporari, terdapat golongan yang melangkaui batas, sama ada cenderung kepada menafikan penggunaannya dalam konteks semasa, Misalnya seperti golongan literalis (*harfiyyin*) dan formalis (*shakliyyin*) yang dianggap sebagai neo-zahiri di era moden.³⁷ Yusuf al-Qaradawi menggelarkan

³² *Ibid.*

³³ Perbincangan *tahsin* dan *taqbih* dalam perspektif kalam.

³⁴ Tujuan Allah SWT menurunkan aturan Syariat seperti terkandung dalam wahyunya.

³⁵ Tujuan yang terkandung di dalam setiap perbuatan mukallaf.

³⁶ Mahmood Zuhdi Abdul Majid, *Transformasi Fikah Semasa*, (Selangor: PTS Islamika, 2010), 59-60.

³⁷ Danusiri, "Epistemologi Syara'", Noor Ahmad et al. (eds.), *Epistemologi Syara'*, (Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 2000), 48.

golongan seperti ini sebagai neo-literalis (*zahiriyyah al-judud*)³⁸. Menurut beliau golongan ini hanya menyibukkan diri untuk mempelajari hadis tanpa cuba memahaminya melalui kaedah fiqh, *usul al-fiqh*, maqasid al-Shari'ah dan mendalami 'illah bagi setiap nas yang ada³⁹. Dengan pegangan ini mereka tidak menerima kaedah keanjalan hukum Islam dalam menangani perubahan masa, tempat dan keadaan⁴⁰.

Sebagai contoh, mereka tidak mengharuskan pembayaran zakat fitrah dengan nilai atau mata wang⁴¹. Hujah mereka adalah bayaran dengan *'ayn* (zat barangan) merupakan apa yang telah dilakukan oleh Nabi SAW. Oleh itu hujah secara literal tidak bersesuaian untuk dipegang dalam konteks perubahan sosio-ekonomi dan budaya masyarakat Islam⁴². Jika diperhalusi pendapat ini, mereka seolah-olah telah menolak ruh dan objektif pensyariatan zakat itu sendiri. Ini kerana, tindakan Nabi SAW yang mengutip zakat berdasarkan makanan asasi pada zamannya kerana pada waktu itu ia sukar didapati dan lebih bernilai berbanding mata wang. Namun, pada zaman kini, makanan asasi sangat mudah didapati dan keperluan hidup sudah semakin berbeza dan bertambah. Malah, pemberian zakat dengan nilai mata wang kepada asnaf menjadi lebih berkesan dan praktikal bagi mencapai rahsia pensyariatan zakat berbanding pemberian makanan asasi yang cenderung mudah rosak di samping tidak tahan lama. Pemberian berbentuk wang membolehkan mereka memenuhi keperluan dengan lebih efisien, sesuai dengan keperluan hidup⁴³.

³⁸ Yusuf al-Qaradawi, *al-Ijtihad fi al-Shari'ah al-Islamiyyah ma'a Nazarat Tahliyyah fi al-Ijtihad al-Mu'asir* (Kuwait: Dar al-Qalam, 1996), 175.

³⁹ Yusuf al-Qaradawi, *Kayfa Nata'amal ma'a al-Sunnah* (Kaherah: Dar al-Shuruq, edisi kelima, 2008M), 155-156.

⁴⁰ Muhammad Mustafa al-Zuhayli, *al-Qawa'id al-Fiqhiyyah wa Tatbiqatuha fi al-Madhahib al-Arba'ah* (Damshik: Dar al-Fikr, edisi ketiga, 1430H/2009M), j.1, 353.

⁴¹ Ia adalah pendapat dari mazhab Maliki, Shafi'i dan Hanbali. Lihat perbincangan ini dalam Yusuf al-Qaradawi, *Fiqh al-Zakah* (Beirut: Mu'assasah al-Risalah, edisi 2, 1973), 799-808.

⁴² Kementerian Wakaf Kuwait, *Mawsu'ah al-Fiqhiyyah al-Kurwaytiyyah* (Kuwait: Dar al-Safwah, 1995), 23: 344-345.

⁴³ al-Qaradawi, *Kayfa Nata'amal ma'a al-Sunnah*, 155-157.

Di samping itu, terdapat juga golongan yang melonggarkan penggunaannya berasaskan pendekatan kontekstual (*maqasidi*) dengan mendahulukan akal atas dasar kemaslahatan, yang merupakan jelmaan golongan muktazilah (neo-muktazilah). Misalnya wujud kelompok sarjana beraliran liberal⁴⁴ yang mengulang semula idea, pemikiran dan pendekatan golongan sarjana orientalis dengan label seperti modernisme dan pascamodernisme⁴⁵ dengan pendekatan kontekstual yang mesra-insani. Hakikatnya, masalah yang digunakan dalam menentukan hukum Sharak bukanlah satu dalil yang terasing dan berdiri sendiri, tetapi ia merupakan gabungan dalil-dalil terperinci (*al-Adillah al-Juz'iyah al-Tafsiliyyah*) dari al-Quran dan al-Sunnah yang dirumuskan bagi menjaga lima maqasid utama. Oleh yang demikian, adalah mustahil berlakunya pertentangan antara masalah dan nass⁴⁶. Dengan nada sinikal, Wael Hallaq menempelak pentafsiran nas oleh ulama ini dengan istilah *hegemony of arabicate fiqh*, yang tidak menghormati identiti kebangsaan dan kumpulan etnik tertentu ketika menetapkan hukum kerana keterikatan dengan bahasa Arab semasa melakukan interpretasi hukum.⁴⁷ Pendekatan sebegini mampu menafikan kemaslahatan setempat.

Contoh penggunaan masalah yang berlebihan adalah pendapat yang mengharamkan amalan poligami yang disyariatkan Allah SWT demi menjaga masalah isteri dan anak-anak dalam perkahwinan pertama, lantas ada yang mempromosikan slogan “*one husband, one wife*”, sedangkan ia bertentangan dengan objektif pensyariatan poligami yang memberikan perlindungan kepada wanita dan jalan alternatif yang halal bagi mendapatkan zuriat bagi pasangan yang ada masalah kesihatan reproduktif.⁴⁸ Mereka turut

⁴⁴ Yusuf al-Qaradawi, *Dirasah Fi Fiqh Maqasid al-Shari'ah: Bayn al-Maqasid al-Kulliyah wa al-Nusus al-Juz'iyah*, cet. 3, (Kaherah: Dar al-Shuruq, 2008), 13.

⁴⁵ Mannan Buchari, *Menyingkap Tabir Orientalisme*. (Jakarta: Amzah, 2006), 149.

⁴⁶ Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti, *Dawabit al-Maslahah fi al-Shari'ah al-Islamiyyah* (Beirut: Muassasah al-Risalah, t.t.), 129-130, 161-162.

⁴⁷ Wael B. Hallaq, “Maqasid and the Challenges of Modernity”, *al-Jami'ah*, vol. 49, no. 1, 2011, 10-11.

⁴⁸ Mohd Anuar Ramli, “Analisis Gender Dalam Hukum Islam”, *Jurnal Fiqh*, 9 (2012), 137-162.

mempromosikan legalisasi perkahwinan sejenis, iaitu lelaki dengan lelaki dan wanita dengan wanita demi memelihara hak asasi manusia, sedangkan perlakuan tersebut bertentangan dengan objektif pensyariatian perkahwinan sebagai asas kelangsungan keturunan umat manusia. Mereka juga menuntut persamaan hak pewarisan antara lelaki dan wanita demi memelihara keadilan kepada golongan wanita atas dasar kesetaraan gender, sedangkan dalam aspek pewarisan wanita dalam hukum Islam tidak menunjukkan unifikasi dalam kadar yang diperuntukkan.⁴⁹

Lebih berbahaya sekiranya mereka ingin menjadikan maqasid al-Shari'ah sebagai alternatif kepada Usul al-Fiqh, dengan andaian ilmu Usul al-Fiqh tidak dapat memenuhi tuntutan reformasi hukum Islam semasa.⁵⁰ Dengan itu, pendekatan maqasid al-Shari'ah ibarat senjata yang mempunyai dua mata yang tajam. Dalam sisi pertama, ia boleh digunakan untuk tujuan baik dan kebajikan, dan di sisi kedua, ia boleh dimanipulasi untuk mencapai tujuan buruk dan kefasadan.⁵¹

Oleh itu, dalam merealisasikan tanggungjawab sebagai hamba, tidak dapat tidak maqasid al-Shari'ah sebagai teori seismograf hukum Islam dijadikan piawai yang sah dan digunakan dalam usaha untuk mencari kebaikan di samping menolak segala keburukan dan mengangkat segala kesulitan yang mengganggu gugat agenda kehidupan manusia. Dengan panduan wahyu yang berdimensi Ilahi dan acuan akal yang berdimensi insani, Maqasid al-Shari'ah dapat memandu manusia tanpa melampaui batas *ifrat* dan *tafrit* dalam mempertimbangkan masalah.⁵²

⁴⁹ H. Nasaruddin Umar, *Ketika Fikih Membela Perempuan*, (Jakarta: Gramedia, 2014).

⁵⁰ Ibrahim Muhammad Siddiq, *Maqasid al-Shari'ah: Bayna al-Fikr al-Uslu wa al-Fikr al-Haddathi*, <http://ar.islamway.net/book>, 10.

⁵¹ Nur al-Din Mukhtar al-Khadimi, *Ilm al-Maqasid al-Shar'iyah*, (Riyadh: Maktabah 'Abikan, 2001), 7.

⁵² Samih 'Abd al-Wahhab al-Jundi, *Ahammiyah al-Maqasid fi al-Shari'ah al-Islamiyyah wa Atharuha fi Fahm al-Nass wa Istinbat al-Hukm*. (Beirut: Mu'assasah al-Risalah, 2008), 8; Taha Jabir al-'Alwani, *Maqasid al-Shari'ah*, (Beirut: Dar al-Hadi, 2001), 126-127.

Dinamika Maqasid al-Shari'ah

